

Amalan-amalan Terbaik Pengurusan dan Kepimpinan Sekolah Menengah Malaysia



**INSTITUT AMINUDDIN BAKI
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
GENTING HIGHLANDS**

Diterbitkan oleh:
Unit Penerbitan
Institut Aminuddin Baki
Kementerian Pelajaran Malaysia
Sri Layang, 69000 Genting Highlands
Pahang Darul Makmur, Malaysia
Tel: 03-61056100
Fax: 03-61056299

Hak Cipta Terpelihara © 2005 Institut Aminuddin Baki

Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Institut Aminuddin Baki (IAB), Kementerian Pelajaran Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-Dalam-Penerbitan

ISSN 983-9479-33-4

Cetakan Pertama 2005

KANDUNGAN

KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH PELAJARAN	iv
KATA ALU-ALUAN PENGARAH INSTITUT AMINUDDIN BAKI	v
PENGENALAN	vi
PROFIL SEKOLAH MENENGAH CEMERLANG SEMENANJUNG MALAYSIA	1
1. Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Syed Omar, Alor Star, Kedah	1
2. Sekolah Menengah Kebangsaan Kubang Kerian 1, Kubang Kerian, Kelantan	13
3. Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Midin, Kuala Terengganu, Terengganu	19
4. Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Saujana, Jerantut, Pahang	33
5. Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Engku Tun Aminah Johor Bharu, Johor	47
6. Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Pasir, Sungai Petani, Kedah	61
7. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Hj. Mohd. Said, Seremban, Negeri Sembilan	69
8. Sekolah Menengah Sains Faris Petra, Pengkalan Chepa, Kelantan	91
9. Sekolah Menengah Teknik, Sungai Petani, Kedah	99
10. Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah, Tanah Merah, Kelantan	107
11. Sekolah Menengah Teknik Wakaf Tembusu, Kuala Terengganu, Terengganu	115
12. Sekolah Menengah Kebangsaan Wakaf Bharu, Tumpat, Kelantan	129
RUJUKAN	140



KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH PELAJARAN


Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan rahmat-Nya dapat kita menghasilkan sebuah catatan Amalan Terbaik Pengurusan dan Kepimpinan Sekolah Menengah Malaysia. Sebanyak 12 buah sekolah menengah telah dikenal pasti serta dipilih untuk tujuan penerbitan kali pertama buku ini.

Tujuan kita menerbitkan buku ini adalah sebagai salah satu usaha untuk memperkasa sekolah-sekolah di Malaysia supaya sekolah-sekolah ini dapat melahirkan insan-insan yang cemerlang yang kemudiannya akan disalurkan ke institusi-institusi pendidikan tinggi awam mahupun swasta. Usaha murni ini sebenarnya adalah selaras dengan misi dan matlamat meningkatkan kualiti kepimpinan dan pengurusan di sekolah-sekolah sebagai mana termaktub dalam Perancangan Pembangunan Pendidikan 2001 hingga 2010.

Saya mengucapkan tahniah serta terima kasih kepada Institut Aminuddin Baki (IAB) kerana telah berusaha keras untuk mendapat serta mengumpul maklumat yang penting sehingga buku ini berjaya diterbitkan. Oleh yang demikian, saya berharap semua pemimpin dan pengurus pendidikan, terutamanya di peringkat sekolah, dapat menjadikan buku ini sebagai bahan rujukan untuk dijadikan panduan dalam usaha meningkatkan tahap pengurusan organisasi yang dipimpin.

Sekian.



DATO' Dr. HAJI AHAMAD BIN SIPON
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia



KATA ALU-ALUAN PENGARAH INSTITUT AMINUDDIN BAKI


Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya merakamkan rasa kesyukuran dan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyatakan sepatah dua kata dalam buku Amalan Terbaik Pengurusan dan Kepimpinan Sekolah Menengah Malaysia. Penerbitan buku ini bertujuan untuk membantu negara amnya dan Kementerian Pelajaran khususnya dalam usaha merealisasikan hasrat menjadikan sistem pendidikan di Malaysia bertaraf dunia.

Buku ini diharap dapat membantu pihak pengurusan sekolah merujuk dan mengaplikasikan amalan kepimpinan yang lebih baik. Buku ini bukan sahaja boleh dijadikan sumber rujukan, tetapi perlulah dikaji semua amalan-amalan terbaik dan diimplementasikan dalam pentadbiran organisasi masing-masing.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengetua sekolah-sekolah yang terlibat atas bekerjasama bagi menjayakan penerbitan buku ini. Ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pensyarah IAB yang telah berusaha merealisasikan penerbitan buku ini.

Terima kasih.



(Dr. ZULWALI KIFLI BIN MERAWI)
Pengarah
Institut Aminuddin Baki
Kementerian Pelajaran Malaysia

Pengenalan

1.0 Pendahuluan dan Rasional Kajian

“Saya tidak pernah terjumpa sebuah sekolah yang baik dipimpin oleh seorang yang tidak baik”. Itulah persepsi orang luar, Fred Hechinger, ketua pengarang akhbar New York Times terhadap pentingnya sebuah sekolah itu diketuai oleh seorang pemimpin yang baik. Kepentingan pengurus dan pemimpin sekolah telah diperjelaskan lagi oleh Peter Mortimore dalam bukunya yang bertajuk, *Key Characteristics of Effective Schools*. Berasaskan ciri-ciri sekolah berkesan inilah catatan pemerhatian yang dilakukan oleh pasukan pemerhati Institut Aminuddin Baki.

Pemerhatian dilakukan oleh 31 orang pensyarah Institut Aminuddin Baki. Mereka telah melawat sekolah terbabit bertujuan untuk meninjau ciri-ciri khusus selain ciri umum bagaimana sekolah tersebut dikategorikan sebagai antara sekolah cemerlang atau berkesan di Malaysia.

2.0 Kepentingan Pendokumentasian

Ilmu serta pengalaman manusia hanya dapat diwarisi zaman berzaman melalui usaha bersungguh-sungguh untuk mendokumentasikannya. Ilmu dan pengalaman yang tidak didokumenkan akan lenyap ditelan zaman. Oleh yang demikian, manusia semakin ketandusan ilmu dan jika gejala ini berterusan lambat laun adab dan tamadun manusia akan hilang. Kekal serta terpeliharanya kitab junjungan Al-Quran sehingga ke hari ini adalah kerana wujudnya usaha-usaha murni untuk mendokumentasikan Al-Quran di zaman Khalifah Al-Rasyidin yakni di zaman Saidina Umar Al-Khattab.

Banyak sekolah-sekolah di Malaysia menempah kejayaan dalam bidang masing-masing, tetapi kejayaan manis mereka itu jarang dapat diketahui atau dikongsi bersama dengan rakan-rakan lain. Oleh yang demikian, rahsia-rahsia kejayaan sekolah berkenaan tidak pernah diketahui kerana jarang-jarang diselidiki dan seterusnya tidak didokumentasi.



3.0 Tujuan Kajian

- 3.1 Mengesahkan ciri-ciri kepemimpinan unggul yang dimiliki oleh pemimpin sekolah cemerlang yang telah dikenal pasti.
- 3.2 Meninjau dengan terperinci tentang keakuran dan komitmen staf sekolah dalam membawa kemajuan sekolah keseluruhannya.
- 3.3 Meninjau persepsi guru, staf sokongan, murid dan ibu bapa tentang bagaimana sekolah boleh menjadi cemerlang.
- 3.4 Mencungkil maklumat-maklumat lain berkaitan ciri-ciri kecemerlangan sekolah.

4.0 Metodologi

- 4.1 Kajian yang dijalankan berbentuk kualitatif iaitu satu pendekatan yang memerlukan interpretasi secara holistik tentang keadaan sedia ada. Ia lebih berlandaskan grounded theory iaitu teori yang berlandaskan kajian data bukan berlandaskan satu set idea atau sistem yang telah dikenal pasti pada awalnya. Oleh itu, persampelan yang digunakan bercorak 'purposive sampling' iaitu sekolah yang dipilih adalah berdasarkan ciri-ciri tertentu.
- 4.2 Pengumpulan data adalah berdasarkan kaedah 'modified analytic induction' di mana ianya bermula dengan isu atau masalah yang spesifik, kemudian mengambil kira semua fenomena yang dikaji untuk mendapat satu model yang komprehensif dan deskriptif. Cara pengumpulan data adalah seperti berikut:
 - 4.2.1 Temu duga secara terbuka (open-ended) tetapi berstruktur.
 - 4.2.2 *Work Shadowing*
 - 4.2.3 Pemerhatian etos, budaya dan suasana - suasana pengurusan, suasana pengajaran dan pembelajaran, kawasan fizikal dan pelaksanaan aktiviti.
 - 4.2.4 Semakan dokumen seperti buku rekod, buku-buku latihan dokumen-dokumen penting pengurusan dan pentadbiran sekolah serta sejarah sekolah.



5.0 Sampel Kajian

5.1 Senarai Nama Sekolah Menengah dan Pelapor

Bil	Nama Sekolah	Pemerhati
1.	SMK Dato' Syed Omar, Alor Star, Kedah	1. Pn. Norihan Hj. Azizan 2. En. Mohd Rosidi Ismail 3. Pn. Rusmini Ku Ahmad
2.	SMK Kubang Kerian 1, Kota Bharu, Kelantan	3. Dr. James Ang Jit Eng 4. En. Mustaffa Kamal Osman
3.	SMK Padang Midin, Kuala Terengganu, Terengganu	1. Dr. Hjh. Asmah Hj. Ahmad 2. Pn. Rosnarizah Abdul Halim 3. Pn. Marina Ismail
4.	SM Kebangsaan Padang Saujana, Jerantut, Pahang	1. En. Wan Mustama Wan Abdul Hayat 2. En. Hairuddin Mohd. Ali 3. En. Mohamed Shahrom Osman
5.	SMK Sultanah Ungku Tun Aminah, Johor Bharu, Johor	1. Cik Foo Kim Kiat (Jennifer) 2. Pn. Hjjh. Salleha Mohamed
6.	SMK Sg. Pasir, Sungai Petani Kedah	1. Tn. Hj. Yakop Md. Som 2. Pn. Hjh. Raihan Abd. Rani 3. En. Ali Hamid
7.	SMK Agama Sheikh Hj. Mohd. Said, Seremban, Negeri Sembilan	1. En. Abd. Aziz Jamin 2. En. Chan Yuen Fook 3. Dr. Sathiamoorthy a/l Kannan
8.	SM Sains Faris Petra, Pengkalan Chepa, Kelantan	1. Pn. Nor Asiah Hj. Ibrahim 2. En. Edaris Abbu Bakri
9.	SM Teknik Sg. Petani, Sungai Petani, Kedah	1. Tn. Hj. Asmee Hj Tajuddin 2. Tn. Hj. Shahabuddin Ashaari 3. Dr. Ahmad Rafee Che Kassim
10.	SM Teknik Tanah Merah, Tanah Merah, Kelantan	1. En. Muhammad Bustaman Abd. Manaf 2. En. Mohd. Dawi Ithnin
11.	SM Teknik Wakaf Tembusu, Kuala Terengganu, Terengganu	1. Cik Hjh Taksiah Sahar 2. Pn. Hjh. Munirah Mansor 3. Tn. Hj. Kamaruzaman Moidunny
12.	SMK Wakaf Bharu, Tumpat Kelantan	1. Dr. Aziz Mohd. Nor 2. En. Mazlan Samsuddin

5.3 Sampel Kajian (Temu bual)

- 5.3.1 Pengetua/ Guru Besar
- 5.3.2 Guru Penolong Kanan Kurikulum
- 5.3.3 Guru Penolong Kanan HEM
- 5.3.4 Guru Penolong Kanan Kokurikulum
- 5.3.5 Ketua Bidang
- 5.3.6 Kaunselor Sekolah
- 5.3.7 Guru-Guru mata pelajaran
- 5.3.8 Guru Kelas
- 5.3.9 Staf Sokongan Sekolah
- 5.3.10 Pemimpin Murid
- 5.3.11 Bekas Murid
- 5.3.12 Ibu bapa

6.0 Format Pemerhatian dan Pelaporan

Usaha-usaha pemerhatian amalan terbaik sekolah-sekolah cemerlang ini perlu dilakukan berdasarkan kerangka-kerangka ilmu tertentu. Untuk usaha ini, telah dipersetujui bahawa kerangka “Key Characteristics of Effective Schools” oleh Peter Mortimore akan digunakan untuk pemerhatian dan pelaporan ini. Namun demikian, tidak dinafikan terdapat banyak lagi stail kepimpinan cemerlang yang dipraktikkan oleh pengurus sekolah di Malaysia.

7.0 Rumusan

Semua pemerhati telah mengesahkan bahawa 11 ciri yang diutarakan oleh Peter Mortimore dapat dikesan di 12 buah sekolah menengah cemerlang yang telah dilawati. Namun demikian, kesemua pengetua atau guru besar yang ditemu bual telah mempamerkan ciri kepemimpinan yang berkesan dan boleh dibanggakan. Namun demikian, tidak terdapat satu gaya atau cara yang ketara di 12 buah sekolah cemerlang ini. Setiap pemimpin ada gaya dan pendekatan yang tersendiri serta unik bersesuaian dengan nilai dan pegangan masing-masing di samping dapat memenuhi ketetapan dan piawaian kualiti sistem pendidikan negara. Situasi ini boleh digambarkan dengan jelas oleh De Bevoise (1987, m.s 17-18) yang mengatakan bahawa,

... the uniqueness of each principal's situation makes generalizations about personal characteristics and leadership styles difficult...The personal characteristics of the principal cannot be ignored when studying what constitutes effective instructional leadership.

Pada keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa pemimpin setiap sekolah cemerlang ini sepatutnya dianggap sebagai individu dan tidak harus dikelompokkan sebagai satu kumpulan. Setiap pengetua atau guru besar adalah dilihat sebagai pemimpin yang sentiasa berusaha mencari penyelesaian dan beroperasi bersesuaian dengan konteks situasi serta warga organisasi masing-masing. Mereka adalah pemimpin kepada pemimpin (Fullan, 1991; Sergiovanni in Brandt, 1992) di sekolah masing-masing. Mereka bukan sekadar penyelesai masalah, tetapi adalah *problem definers* yang sentiasa berusaha mencari dan menerokai idea yang baru. *"They are not trying to hold on yesterday and today. Instead, they are creating tomorrow in the best ways that they, as individuals, know how"*.



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATO' SYED OMAR ALOR STAR, KEDAH

1.0 Pengenalan

1.1 Latar Belakang Sekolah



Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Syed Omar ditubuhkan pada Januari 1965 tanpa bangunan sendiri yang mana ketika itu dikenali sebagai Sekolah Menengah Derga. Pada tahun itu, seramai 339 pelajar bersama 17 orang guru menumpang di Sekolah Kebangsaan Derga, kini dikenali sebagai Sekolah Kebangsaan Tunku Raudzah.

Pada tahun 1966, sebahagian daripada pelajarnya diagihkan ke Sekolah Menengah Kanchut. Ini disebabkan pertambahan pelajar yang begitu pesat. SMKDSO kemudiannya berada di tapak sekarang pada tahun 1968 yang mana ketika itu dikenali sebagai Sekolah Menengah Jalan Day (Lelaki). Pertukaran kepada nama SMKDSO telah diisytiharkan pada 23 Februari 1969.



Pada tahun 1972, SMKDSO telah menerima pelajar perempuan dan mengambil pelajar dari Yayasan Sabah. Pada tahun tersebut juga, kelas bagi pelajar tingkatan 6 Rendah Sastera telah dibuka bagi menempatkan pelajar-pelajar daripada beberapa buah sekolah di Kedah Utara. Tanggal 30 April 1972, merupakan hari bersejarah bagi SMKDSO apabila telah dirasmikan pembukaannya oleh Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj, Menteri Besar Kedah ketika itu.

Tahun 1977 telah menyaksikan SMKDSO dibangunkan dengan pelbagai infrastruktur seperti surau, gelanggang tenis dan asrama lelaki. SMKDSO telah menyertai pertandingan kebersihan dan kecantikan sekolah-sekolah menengah pada tahun 1988 dan telah menjadi Johan peringkat daerah. Justeru SMKDSO telah mewakili daerah ke pertandingan tersebut di peringkat daerah. Kejayaan ini dicapai sekali lagi apabila SMKDSO mendapat tempat ketiga di peringkat negeri Kedah pada tahun 1990.

Pada tahun 1990, SMKDSO telah mengadakan Hari Gerko (hari kokurikulum) kali yang pertama. Tahun 1999, telah menyaksikan SMKDSO setanding dengan sekolah-sekolah lain apabila diiktiraf sebagai sekolah "Premier Daerah". Selain itu, SMKDSO turut memperolehi 4.2 bintang dalam program "Sekolah 5 Bintang" anjuran Jabatan Pendidikan Negeri Kedah.



Selain itu, kantin SMKDSO turut dianugerahkan sebagai Kafetaria Bestari kategori “Penampilan Cemerlang” sempena sambutan “Hari Guru” peringkat negeri Kedah Darul Aman 1999. Di samping itu, asrama sekolah juga memperolehi pencapaian cemerlang apabila dewan makan asrama diiktiraf sebagai “Dewan Makan 5 Bintang”. Rentetan daripada itu, SMKDSO muncul sebagai sekolah bertaraf “5 bintang Perdana” Peringkat Negeri Kedah. SMKDSO turut mencapai kejayaan berganda apabila diisytiharkan sebagai Johan 3K Kebangsaan tahun 2000, Johan Lanskap Kebangsaan 2001 dan Johan Sekolah Harapan Negara (Kategori Bandar) 2002.

Kejayaan demi kejayaan yang dicapai telah menjulang nama SMKDSO di persada pendidikan negara. Ini terbukti dengan penerimaan lebih 300 lawatan dari sekolah-sekolah seluruh negara. Tahun 2003, sejarah kegemilangan menjadi milik SMKDSO apabila memperolehi 4 lagi anugerah iaitu Anugerah Asrama Cemerlang, Anugerah Kualiti Cemerlang Koperasi Sekolah 2003, Anugerah Kecemerlangan Koporat 2003 dan Anugerah Kualiti Menteri Pendidikan (Kategori Bandar) 2003.

2.0 Ciri-ciri Sekolah

2.1 Kepimpinan Profesional

Peneraju sekolah sepanjang kejayaan-kejayaan di atas, adalah hasil kepimpinan pengetua pada masa itu, iaitu Puan Siti Aishah bt Jasin. Berdasarkan pemantauan yang telah dilaksanakan, sepanjang tempoh perkhidmatannya di sekolah ini, berbagai perubahan telah dilaksanakan. Antaranya;

- i. Mewujudkan hubungan yang akrab antara warga sekolah melalui kepelbagaian aktiviti.
- ii. Menggunakan pendekatan penyertaan, di mana beliau berkongsi tanggungjawab kepimpinannya bersama-sama dengan Penolong-Penolong Kanan dan Ketua-Ketua Bidang. Selain itu, beliau juga mengamalkan konsep pengupayaan dengan memberi kuasa kepada guru-guru tertentu melaksanakan tugas-tugas yang diberi.
- iii. Bersifat tegas dan berusaha untuk mencapai setiap matlamat yang ditetapkan. Contohnya setiap projek yang disertai mesti mencapai kemenangan. Oleh itu beliau sering memantau, membimbing dan memberi cadangan untuk penambahbaikan.
- iv. Sebagai Pengetua Kanan, beliau telah mempamerkan ciri-ciri profesional terutama semasa membimbing guru-guru dan staf sekolah. Walaupun sibuk dengan tugas-tugas pengurusan tetapi beliau masih lagi mengajar Bahasa Melayu mengikut jadual yang telah ditetapkan. Semasa melaksanakan tugas-tugas sekolah, pengetua pintar menggunakan kelebihan dan kekuatan guru-guru sekolah tersebut dan sering mencabar keupayaan guru-guru untuk

mencapai hasil luar jangka. Dalam setiap pelaksanaan tugas-tugas tersebut beliau memberi sepenuh kepercayaan kepada staf, contohnya dengan mengadakan blok dan kawasan angkat. Guru-guru dan murid-murid diberi kepercayaan untuk mengendalikan projek tersebut sehinggalah mereka berjaya merangkul Johan 3K peringkat kebangsaan (2000), Johan Lanskap Kebangsaan (2001) dan AKMP (2003) dan lain-lain seperti yang terdapat dalam latar belakang sekolah. Ciri-ciri peribadi yang ada pada pengetua seperti merendah diri dan berpegang kepada konsep 'attention to detail' merupakan asas kejayaan beliau memimpin sekolah tersebut.

2.2 Perkongsian Wawasan dan Matlamat

Keunikan SMKDSO dalam perkongsian visi dan misi oleh dihayati oleh semua warga sekolah tersebut. Perkongsian visi dan misi ini amat penting untuk membawa sekolah ke arah hala tuju yang sama dan mewujudkan semangat kerjasama dan berpasukan, tolong-menolong dan mempunyai keakraban yang tinggi.

Visi SMKDSO ialah SMKDSO KEKAL UNGGUL membawa maksud memperkasa budaya sekolah yang berkualiti ke arah mencapai kecemerlangan dan mengekalkan keunggulan.



Misi sekolah adalah SEKOLAH KONDUSIF. Bertujuan mewujudkan sekolah sebagai zon pembelajaran kondusif ke arah mengembangkan potensi, menjana kemahiran dan keterampilan pelajar dengan ciri-ciri yang dinamik bagi melahirkan warga negara yang matang, berfikiran terbuka, berdaya saing, berpengetahuan, prihatin, berperibadi mulia, saling menghormati, mempunyai hala tuju dan pemikiran futuristik sebagai lambang masyarakat Malaysia yang memiliki aspirasi untuk mencapai keunggulan dalam semua bidang.

Penghayatan visi dan misi sentiasa diperkukuhkan kepada staf dan pelajar baru yang mula masuk ke sekolah tersebut melalui perhimpunan, program orientasi sekolah dan aktiviti-aktiviti lain.

Beliau juga memastikan semua guru dan pelajar mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan seperti guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran sebagaimana yang ditetapkan dan murid mematuhi peraturan dan undang-undang disiplin sekolah.

2.3 Suasana Pembelajaran yang Unggul

Anugerah-anugerah yang dimenangi oleh sekolah ini telah membuktikan bahawa sekolah ini memang mempunyai persekitaran yang amat cantik, bersih, teratur dan menarik walaupun terdapat bangunan-bangunan yang lama. Keadaan yang sama juga wujud dalam kelas-kelas di mana suasana ini mempengaruhi 'mood' pelajar.





Persekitaran sekolah yang berkonsepkan ilmu, wujud dengan terbinanya kawasan-kawasan seperti berikut;

- i. Kawasan kolam yang dinamakan Jeram Tilapia digunakan oleh guru-guru untuk pengajaran dan pembelajaran ekologi dan aktiviti kokurikulum.
- ii. Kawasan tanaman ulam dan pokok buah-buahan diletakkan nama-nama saintifik dan dikendalikan oleh pelajar-pelajar kelas pertanian untuk mengukuhkan pembelajaran mereka.
- iii. Kata-kata mutiara terpampang di kawasan sekolah untuk membangkitkan semangat untuk belajar dan membangunkan potensi diri pelajar.
- iv. Pusat sumber sekolah menyediakan perkhidmatan peminjaman dan pemulangan secara berkomputer serta menyediakan maklumat terkini yang diperlukan oleh pelajar.
- v. Persekitaran asrama yang kondusif tanpa pekerja telah dijaga dan dipantau oleh penghuni asrama sendiri.

Pihak kepimpinan sekolah juga sentiasa mendekati pelajar melalui program-program keibubapaan. Perjalanan dan kelicinan aktiviti di sekolah dimantapkan dengan tatacara pengurusan yang sistematik dan penyediaan kemudahan-kemudahan dan kelengkapan sekolah yang sentiasa dipantau.

2.4 Penumpuan dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Pihak kepimpinan sekolah sentiasa menempatkan guru-guru mengikut keupayaan dan keterampilan mereka. Oleh itu guru dapat memberikan penumpuan yang sewajarnya kepada pelajar-pelajar.

Guru-guru sentiasa digembleng untuk merancang dan melaksana pelbagai program peningkatan prestasi sekolah. Contohnya pecutan akhir sebelum peperiksaan awam, mengenal pasti dan mengambil tindakan kepada pelajar-pelajar yang mengalami masalah pembelajaran dan memaklumkan pelajar yang pencapaian rendah kepada kaunselor sekolah untuk sesi berkaitan. Hasilnya terbukti melalui keputusan PMR, SPM dan STPM yang meningkat dari tahun ke tahun. Malah kebanyakan subjek telah mencapai prestasi 100% di samping menghasilkan subjek yang berkualiti dari segi pencapaian "A". Ramai guru dan murid yang sanggup datang ke sekolah pada hari cuti hujung minggu untuk mengadakan kelas-kelas pemulihan dan pengayaan serta pengukuhan dengan pengisian program yang terancang.

2.5 Pengajaran yang Mempunyai Hala Tuju yang Jelas

Hasil daripada amalan-amalan yang dibina bersama-sama guru dan pelajar maka terbentuklah budaya sekolah seperti ketepatan masa, pengajaran berasaskan persediaan yang teliti dan dokumentasi lengkap. Guru-guru ditempatkan di bilik-bilik guru mengikut bidang pengajaran mereka. Oleh itu mudah bagi pihak guru untuk menyampaikan segala maklumat dan dapat berbincang bersama.





2.6 Pengharapan yang Tinggi

Pengetua sentiasa meletakkan harapan yang tinggi tetapi realistik untuk mencapai matlamat. Bagi memastikan setiap matlamat tersebut tercapai, pemimpin sekolah melaksanakan kaedah komunikasi yang berkesan seperti memuji, memujuk dan memberikan ganjaran untuk merealisasikan setiap matlamat. Selain itu, kepimpinan juga menyediakan ruang yang sentiasa mencabar keintelektualan setiap staf supaya sentiasa menghasilkan idea-idea yang boleh membawa kepada kebaikan organisasi. Misalnya menyusun strategi untuk mencapai kemenangan dalam setiap pertandingan yang disertai.

2.7 Pengukuhan yang Positif

Pengetua sentiasa memberi pengiktirafan kepada setiap tingkah laku positif dan peningkatan pencapaian diri staf dan pelajar. Sebagai contoh, sijil-sijil penghargaan diberi kepada staf dan pelajar semasa perhimpunan, hari anugerah cemerlang atau program-program sekolah yang lain. Ini dapat melahirkan rasa dihargai dan rasa penting kepada sekolah. Indikator mengenai kecemerlangan sekolah ini dapat dilihat melalui permintaan yang tinggi oleh ibu bapa untuk menghantar anak mereka belajar di sekolah ini. Kadar pertukaran guru yang sangat rendah menunjukkan tahap kepuasan kerja yang tinggi.

Penerapan disiplin di kalangan pelajar-pelajar sekolah ini dapat dilihat melalui penyuraian pelajar dari kawasan sekolah. Misalnya pejalan kaki akan disuraikan melalui laluan yang telah ditetapkan, iaitu Laluan Ilham. Manakala pelajar yang berbasikal, mesti memberi peluang kepada pejalan kaki terlebih dahulu. Untuk mengelakkan daripada berlakunya kemalangan, pelajar yang berbasikal dikehendaki menuntun basikal mereka sehingga ke pintu pagar sekolah.

Selain daripada itu, untuk tujuan pengukuhan yang lebih efektif tentang disiplin, setiap warga sekolah dibolehkan melapor salah laku pelajar melalui borang catatan salah laku pelajar. Sebarang tindakan disiplin yang diambil adalah melalui prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah yang berasaskan kepada pekeliling-pekeliling akta dan yang berkaitan.



2.8 Pemantauan Kemajuan

Aspek pemantauan merupakan antara agenda penting pengetua dalam bidang pengurusan. Untuk memastikan pemantauan berlaku dengan berkesan, Ketua Bidang dan Ketua Panitia telah ditugaskan untuk memantau kemajuan setiap mata pelajaran yang diajar dan mengkaji kekuatan serta kelemahan yang ditemui supaya suatu tindakan pembetulan dan penambahbaikan dapat dirancang sebaiknya. Pendekatan *management by walking about* (MBWA) dan *management by objective* (MBO), merupakan cara pengetua memantau setiap penjuru sekolah untuk mendapatkan maklumat yang tepat mengenai prestasi sekolah secara keseluruhannya.

2.9 Hak dan Tanggungjawab Murid

Program-program yang telah dijalankan seperti kawasan dan 'blok angkat' didapati dapat meningkatkan rasa kebertanggungjawaban dan rasa dipunyai oleh setiap pelajar kepada sekolah. Penekanan kepada konsep dosa dan pahala yang diterapkan oleh kepimpinan sekolah jelas tergambar melalui perlakuan dan sikap pelajar yang tidak mahu merosakkan harta benda sekolah. Oleh itu tidak kelihatan kesan vandalisme di sekolah ini. Asrama tanpa pekerja melahirkan pelajar yang bersikap bertanggungjawab. Pelajar-pelajar diberikan "kebebasan dalam kawalan" untuk menggunakan kreativiti dan inovasi mereka bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti di asrama. Untuk meningkatkan harga kendiri pelajar, setiap murid telah diberikan tanggungjawab mengetuai tugas-tugas tertentu di sekolah.

2.10 Permuafakatan Sekolah - Komuniti

Hasil daripada peningkatan dalam pelbagai bidang yang ditunjukkan oleh pihak sekolah, maka ia telah meyakinkan waris untuk menghantar anak mereka ke sekolah ini. Oleh itu, ibu bapa dan pihak sekolah sentiasa bekerjasama dalam aktiviti-aktiviti yang dapat membantu pengurusan pihak sekolah. Contohnya ibu bapa sanggup mengeluarkan wang ringgit untuk kemudahan pembelajaran di sekolah. Manakala di asrama terdapat jawatankuasa waris pelajar yang banyak membantu membangunkan asrama dan menyediakan kelas tambahan kepada pelajar-pelajar asrama.

Untuk memastikan waris dan komuniti setempat sentiasa memberikan kerjasama kepada pihak sekolah, pemimpin sekolah sentiasa mengamalkan polisi "*open door*". Contohnya komuniti setempat turut membantu dari segi menyampaikan maklumat kepada pihak sekolah seperti memaklumkan pelajar yang melakukan salah laku di luar pagar sekolah.

2.11 Organisasi Pembelajaran

Kepimpinan sekolah menekankan kepentingan ilmu dan kemahiran dalam organisasi. Perkara ini dapat dilihat melalui penyebaran maklumat di kalangan guru seperti minit curai yang diedarkan kepada semua staf apabila seseorang guru telah menghadiri kursus. Sistem "*Buddy*" yang diamalkan oleh panitia Bahasa Inggeris dapat membantu guru-guru menguasai konsep dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Bahan-bahan rujukan disediakan di rak terbuka dalam setiap bilik guru berkaitan dengan bidang masing-masing seperti buku-buku rujukan tambahan, majalah dan juga artikel ilmiah.



SMKDSO KEKAL UNGGUL

Pengetua juga menitikberatkan tentang keilmuan guru-guru dengan menyampaikannya melalui mesyuarat-mesyuarat yang dijalankan. Misalnya mesyuarat jawatankuasa kurikulum, pengetua akan mendedahkan tentang pekeliling terbaru dan kaedah pengajaran terkini. Kursus dalaman juga dianjurkan oleh pihak sekolah melalui jawatankuasa pembangunan staf setelah diadakan analisis keperluan latihan.

3.0 Penutup

Pengetua sebagai peneraju kepimpinan sekolah mampu membawa perubahan yang besar dan memberikan impak kepada sekolah secara keseluruhannya. Keilmuan, kemahiran diikuti dengan sikap yang positif oleh pengetua sememangnya membantu meningkatkan prestasi sekolah. Permuafakatan yang menyeluruh oleh warga sekolah berjaya menempatkan sekolah ini sebagai sekolah pilihan dan menjadi penanda aras bagi sekolah-sekolah lain di Malaysia.



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KUBANG KERIAN 1, KOTA BHARU, KELANTAN

1.0 Pengenalan

1.1 Latar Belakang



Penyataan Visi dan Misi SMKKK1 di luar bangunan sekolah berkenaan.

SMK Kubang Kerian 1 (SMKKK1) terletak lebih kurang 9 km dari bandar Kota Bharu dan berhampiran dengan Hospital Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian. Sekolah ini bermula dari tingkatan satu hinggalah ke tingkatan enam atas. Enrolmen pelajar pada 28 Februari 2004 adalah seramai 2,804 orang. Pelajar sekolah ini terdiri daripada pelajar Melayu yang datang daripada latar belakang keluarga yang pelbagai. Ada antara ibu bapa mereka yang bekerja sebagai pegawai kerajaan, tenaga pengajar, staf Hospital Universiti Sains Malaysia dan bekerja sendiri. Sungguhpun wujud kepelbagaian latar belakang keluarga, matlamat yang dikongsi bersama di kalangan ibu bapa pelajar ialah kejayaan akademik anak-anak.



1.2 Kejayaan sekolah

Kejayaan sekolah ini dapat dilihat melalui anugerah-anugerah yang telah diperoleh. Antaranya ialah :-

- Anugerah Pengurusan Kewangan Cemerlang Peringkat Negeri Kelantan (2004)
- Sekolah Harapan Negara (2003)
- Johan Anugerah 3K peringkat negeri Kelantan (2002)
- Sagu Hati Anugerah 3K peringkat Kebangsaan (2002)
- Naib Johan Pusat Sumber Sekolah peringkat Kebangsaan (2000)
- Sagu Hati Anugerah Kualiti Menteri Pendidikan (2000)

2.0 Ciri-ciri Sekolah Berkesan

2.1 Kepimpinan Profesional

Kecemerlangan yang dinikmati oleh sekolah ini sebahagian besar daripadanya adalah hasil sumbangan para pemimpin sekolah yang terdahulu dan pemimpin masa kini.



Kepemimpinan sekolah dikatakan mempunyai '*high standards*' dan '*looking for perfection*' dalam semua perkara yang dilakukan. Pengetua sekolah adalah seorang yang suka 'turun ke padang' dan sering memantau sendiri kerja-kerja yang telah diberikan terutama semasa beliau baru bertugas di sekolah berkenaan. Beliau dilaporkan telah mendemonstrasikan cara memberus longkang hingga bersih kepada tukang sapu sekolah apabila didapati bahawa kerja tersebut tidak dilaksanakan dengan sempurna. Hal ini telah mempengaruhi staf sekolah untuk melaksanakan tugas dengan bersungguh-sungguh. Pengetua sekolah ini merupakan seorang pemimpin contoh kerana beliau seorang yang '*walk the talk*'.

Selain memiliki ciri-ciri kepimpinan yang baik, pengetua sekolah juga memiliki hala tuju yang amat jelas untuk sekolah. Walau bagaimanapun, visi beliau telah tercapai jauh lebih awal daripada yang dijangkakan apabila sekolah ini mendapat Anugerah Sekolah Harapan Negara pada tahun 2003. Pengetua sekolah memegang prinsip bahawa semua guru mesti menerima atau akur dengan arahan pengetua kerana pengetua adalah ketua dan pemimpin di sekolah.

Pengetua sekolah ini bekerja keras, beliau sanggup menghadiri pelbagai perjumpaan dengan semua guru pada setiap pagi khamis dan dengan pelajar melalui perhimpunan, ceramah dan dialog. Perjumpaan dengan ibu bapa dan orang luar juga tidak dihindarkan. Pengetua sekolah ini sentiasa membangkitkan semangat para guru untuk cemerlang dalam tugas seharian mereka. Beliau mempamerkan ciri-ciri pemimpin dan pentadbir yang baik.

2.2 Perkongsian Wawasan dan Matlamat

Bekas Pengetua, berpegang kepada prinsip '*empowerment*' dalam merealisasikan wawasan dan matlamat sekolah. Beliau dikatakan menaruh penuh kepercayaan kepada guru-guru yang telah dipertanggungjawabkan dengan pelbagai tugas sekolah. Walau bagaimanapun, ini tidak bermaksud beliau tidak memantau atau mengambil tahu tentang kemajuan tugas-tugas yang diberikan. Guru-guru sebagai contoh diberi penuh kepercayaan dalam pelaksanaan program sekolah. Kepercayaan sebegini menyebabkan guru merasakan bahawa sumbangan mereka dihargai dan mereka terus berusaha untuk memajukan bidang atau tugas yang dipertanggungjawabkan.

2.3 Suasana Pembelajaran yang Unggul

Keceriaan kawasan merupakan salah satu tumpuan sekolah ini. Para pentadbir sekolah memberikan perhatian yang serius kepada soal keceriaan kerana mereka berpendapat bahawa suasana sekolah yang ceria akan dapat membangkitkan semangat sayangkan sekolah dan keinginan untuk belajar. Kawasan-kawasan sekolah dibahagikan dan dipertanggungjawabkan kepada persatuan dan kelab-kelab untuk diselenggarakan dan diceriakan.



Pusat Sumber Sekolah (PSS) juga turut dibangunkan dengan pesatnya mulai tahun 1998. Pusat Sumber Sekolah terus berkembang dan telah berjaya meraih tempat Naib Johan Pusat Sumber Sekolah Peringkat Kebangsaan pada tahun 2000. Antara program yang dianjurkan oleh PSS sekolah ialah:

- i. Program 1:1000 - Pembentangan sinopsis bahan bacaan semasa perhimpunan pagi.
- ii. Buku Di tangan - Pelajar dikehendaki memiliki buku nota kecil untuk mengambil nota daripada maklumat yang diperolehi semasa perhimpunan pagi.
- iii. Buku Skrap - Dikendalikan bersama Panitia Bahasa untuk memilih buku skrap yang terbaik.
- iv. Utilisasi Pondok - Bahan-bahan bacaan di tempatkan di pondok agar pelajar dapat membacanya.
- v. Bacathon - Para pelajar akan bergerak dari pondok ke pondok untuk membaca dan membuat sinopsis bacaan.
- vi. 1 + 1 = 40 - Setiap murid kelas akan menderma sebuah buku kepada sudut bacaan kelas dan buku-buku ini akan didermakan kepada PSS pada penghujung tahun.
- vii. Fail Tegak - Projek keratan akhbar untuk dimuatkan ke dalam fail-fail khas.
- viii. Pameran Buku - Pameran buku-buku baru PSS untuk makluman dan seterusnya menarik minat pelajar untuk berkunjung ke PSS
- ix. Bulan Bertopik - Sudut bacaan disediakan di sekolah di mana bahan-bahan bacaan yang disediakan adalah mengikut topik atau tema yang telah ditetapkan.
- x. Radio PSS - Siaran radio (melalui sistem siaraya sekolah) mulai 1.00 petang yang merangkumi penyebaran aktiviti-aktiviti PSS, deklamasi sajak, dan sebagainya.

- xi. Kelab Membaca - Program yang dikendalikan bersama dengan Panitia Bahasa untuk meningkatkan minat dan kesedaran membaca di kalangan murid.

2.4 Penumpuan kepada Pengajaran dan Pembelajaran

Murid-murid sering diingatkan oleh pengetua untuk bekerja keras dan bersungguh-sungguh. Kehadiran beliau boleh dirasai di seluruh sekolah kerana beliau boleh dikatakan hadir di hampir semua aktiviti yang dijalankan. Beginilah caranya pemimpin yang mengamalkan corak pengurusan '*management by walking around*' staf berasa pengetua mengambil berat dan mengambil tahu tentang aktiviti yang dijalankan. Pengetua memberi bimbingan kepada guru-guru melalui pemantauan klinikal pengajaran dan pembelajaran.

2.5 Pengajaran yang Mempunyai Hala Tuju yang Jelas

Guru-guru bersungguh-sungguh untuk menyampaikan pengajaran yang lebih berkesan. Ini dapat dibuktikan melalui penggunaan pelbagai bentuk teknologi pengajaran.

2.6 Pengharapan yang Tinggi

Pengetua dan para guru rata-rata mempunyai jangkaan yang tinggi terhadap murid. Ekspektasi yang dimaksudkan bukan sekadar harapan lisan sahaja tetapi dituruti dengan kesanggupan untuk mengadakan kelas tambahan untuk murid di sebelah malam memandangkan sekolah ini mempunyai dua sesi persekolahan.

2.7 Pengukuhan yang Positif

Tahap disiplin sekolah ini adalah memuaskan kerana ketua guru disiplin dan guru-guru disiplin lain amat mengambil berat tentang disiplin sekolah. Memandangkan sekolah ini menjadi pilihan ramai penduduk di sekitar Kubang Kerian, pihak sekolah boleh mendapat kerjasama dan komitmen ibu bapa untuk memastikan bahawa anak-anak mereka berkelakuan baik. Kontrak tingkahlaku turut dibuat dengan murid dan ibu bapa murid yang menimbulkan masalah disiplin.

Langkah-langkah mengurangkan masalah disiplin turut diambil misalnya tembok rendah di tepi sekolah ditinggikan. Ini adalah untuk mengelakkan murid daripada memanjat pagar. Pengawas dan guru turut ditempatkan di pintu masuk sekolah pada sebelah pagi untuk mencatat nama dan menasihati murid yang sering datang lewat.



2.8 Pemantauan Kemajuan

Pengetua sekolah ini banyak menumpukan kepada usaha memajukan kegiatan kokurikulum sekolah. Beliau berpendapat bahawa kegiatan kokurikulum menyumbang kepada pembinaan sahsiah murid dan bergerak seiring dengan usaha peningkatan akademik. Beliau menggunakan analogi sepon pohon pokok yang sihat dengan seorang murid yang berjaya dalam kehidupan. Sekiranya kita hendak bunga (keputusan peperiksaan) yang sihat, maka putik bunga (sahsiah murid) berkenaan perlulah kuat. Dalam konteks sekolah, keputusan peperiksaan yang baik hanya boleh dicapai sekiranya sahsiah murid itu cemerlang. Ini dapat dihasilkan dengan sistem akar (asas pengajaran) yang sihat dan kuat hasil daripada penjagaan dan baja yang mencukupi. Jadi, adalah penting untuk sekolah memberi asas pembelajaran yang kukuh kepada murid agar mereka boleh menghadapi pelbagai cabaran pembelajaran di sekolah.

Penilaian kesuburan sepon pohon pokok tidak berhenti setakat bunga sahaja tetapi turut melibatkan penghasilan buah yang baik. Dalam hal yang sama, penilaian tahap kejayaan sesebuah sekolah tidak berhenti setakat tahap pencapaian keputusan peperiksaan awam sahaja. 'Buah' boleh diibaratkan sebagai jenis pekerjaan yang bakal dijawab oleh murid sekolah tersebut. Tidak ada maknanya sekiranya murid cemerlang akademik yang dihasilkan tidak dapat menjadi rakyat yang produktif yang dapat menyumbang secara positif dan bermakna kepada pembangunan bangsa dan negara.

Program akademik sekolah ini memfokus kepada program celik huruf di kalangan murid tingkatan satu yang lemah 3M. Pengetua sekolah menggunakan tenaga guru Bahasa Melayu yang terlebih kuota untuk mengajar kumpulan murid ini. Dalam jangkamasa dua tahun program ini dijalankan, jumlah murid yang lemah atau tidak boleh membaca telah dapat dikurangkan daripada 20 - 30 orang hingga ke jumlah yang minima.

2.9 Hak dan Tanggungjawab Murid

Bekas murid sekolah banyak terlibat membantu aktiviti-aktiviti sekolah ini. Sebagai contoh, bekas murid tingkatan lima dan enam terlibat secara total dalam aktiviti mengendalikan program orientasi murid tingkatan empat (sesi pagi) dan murid baru tingkatan satu (sesi petang). Penglibatan bekas murid merupakan fenomena baru kerana kebanyakan sekolah tidak melibatkan golongan ini dalam aktiviti seharian mereka. Ini menunjukkan bahawa pihak sekolah menaruh kepercayaan yang tinggi kepada kemampuan muridnya dan para murid mempunyai rasa cintakan sekolah sehingga sanggup memberikan khidmat mereka kepada bekas sekolah mereka.



2.10 Permuafakatan Sekolah -Komuniti

Memandangkan lokasi sekolah ini berhampiran dengan Fakulti Perubatan USM Kubang Kerian, ramai ibu bapa yang merupakan kakitangan USM menghantar anak mereka ke sekolah ini. Keadaan ini seterusnya menarik minat ramai penduduk setempat (yang tidak bekerja dengan kampus perubatan USM) untuk turut menghantar anak mereka ke sekolah ini kerana pencapaian akademik peperiksaan awam yang tinggi.

Ibu bapa murid yang terdiri daripada golongan profesional dan cendekiawan terdiri daripada staf USM membantu pihak sekolah khususnya dalam memberikan ceramah motivasi mengenai tajuk-tajuk khusus. Ibu bapa murid dari golongan penduduk setempat pula membantu pihak sekolah dari segi pengawalan disiplin anak-anak mereka. Mungkin wujud unsur 'ugutan' yang positif di sini kerana ibu bapa menanggung risiko anak mereka ditukarkan ke sekolah lain.

Pihak sekolah juga sering mengadakan perjumpaan dengan ibu bapa. Biasanya perjumpaan diadakan bersama dengan Penolong Kanan atau wakil daripada Bahagian Disiplin. Melalui perjumpaan ini selain membincangkan hal-hal semasa murid, juga diterapkan cara-cara penjagaan anak dan bagaimana mengurus masa anak mereka.

2.11 Organisasi Pembelajaran

Program pembangunan staf yang sistematik merupakan perkara yang penting untuk sesuatu organisasi. Melalui program '*Sutera Kasih*', yang diadakan pada setiap pagi Khamis para guru didedahkan dengan pelbagai isu yang dihadapi oleh sekolah dan mereka bersama-sama mencari jalan untuk menyelesaikannya. Ini sesuai dengan kajian Fullan (1991) yang menyatakan bahawa program pembangunan staf di peringkat sekolah adalah lebih berkesan berbanding dengan program yang dikendalikan oleh pakar luar.

3.0 Penutup

Kekuatan kepimpinan sekolah ini adalah berasaskan kepada ciri-ciri kepimpinan berkesan pengetua dan sokongan padu daripada guru, ibu bapa dan komuniti setempat. Hasil daripada permuafakatan pengetua, guru dan ibu bapa, sekolah berjaya memperoleh anugerah-anugerah berkualiti peringkat kebangsaan.



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PADANG MIDIN KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

1.0 Pengenalan

1.1 Latar Belakang Sekolah



Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Midin merupakan sekolah Menengah Aliran Melayu pertama di Negeri Terengganu, Darul Iman. Sekolah ini terletak lebih kurang 12 kilometer dari pusat bandar Kuala Terengganu. Semenjak tahun 1961, pelajar sekolah ini menumpang di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman. Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Midin (SMKPM) siap dibina pada tahun 1964 dengan dua bangunan bilik darjah berserta pejabat, dua buah makmal dan sebuah dewan sekolah. Sekolah ini dibuka dengan rasminya oleh Y.B. En. Mohd Khir Johari (Menteri Pelajaran Malaysia ketika itu) pada 28 September 1965.

Sekolah ini terletak di atas kawasan seluas 17.6 ekar ini merupakan tempat di mana 2213 pelajar menimba ilmu, 129 guru mendidik, menabur bakti dan 28 staf sokongan menjalankan tugas supaya sekolah sentiasa dapat berfungsi dengan baik, ceria dan bersih. Pelajar sekolah yang terdiri daripada tingkatan 1 hingga tingkatan 6, kesemuanya adalah berbangsa Melayu. Berlatar belakangkan suasana kampung, dengan sosio ekonomi ibu bapa yang rendah, rata-rata pelajar di sini bergantung harap kepada prasarana dan kemudahan sekolah dan keprihatinan guru-guru untuk membimbing mereka ke mercu kejayaan. Persekolahan dijalankan dalam dua sesi.

Sekolah ini adalah antara sekolah yang bertuah kerana pihak kerajaan telah menyediakan asrama harian. Pelajar yang tinggal di asrama adalah terdiri daripada pelajar Projek Hoki Negeri Terengganu, pelajar-pelajar dari Pulau Redang dan pelajar yang tinggal berjauhan dari sekolah. Kemuncak kepada kejayaan, sekolah ini telah memenangi Anugerah Kualiti Menteri Pendidikan pada tahun 2003.

1.2 Kejayaan Sekolah

Sekolah tersohor di Padang Midin ini telah berjaya mengecapi beberapa kejayaan di peringkat negeri dan kebangsaan, antara kejayaannya adalah;

Tahun	Anugerah yang dimenangi
2000	Johan Anugerah Inovasi Sempena Sambutan Hari Guru Terengganu • Kategori Individu: "PEKEMAS" • Kategori Kumpulan "PANGGILAN PULAU"
2001	Johan Sekolah Harapan Negara Peringkat Negeri Terengganu
2002	• Naib Johan Pertama Sekolah Harapan Negara Peringkat Kebangsaan • Johan Pertandingan 3K Peringkat Negeri Terengganu • Tempat Kelima Pertandingan 3K Peringkat Kebangsaan • Pelajar STPM Terbaik Negeri Terengganu- Farizan Ariffin 4 Prinsipal A • Terpilih Sebagai Sekolah Rintis Sekolah Selamat Peringkat Kebangsaan
2003	• Johan Hoki Lelaki Bawah 15 tahun - Peringkat Kebangsaan • Johan Anugerah Kualiti Menteri Pendidikan -Kategori Sekolah Menengah Harian Luar Bandar

2.0 Ciri-ciri Sekolah Berkesan

2.1 Kepimpinan Profesional

Seperti mana yang dinyatakan oleh Peter Mortimore (1995) dalam artikelnya *Key Characteristics of Effective Schools* bahawa seseorang pemimpin sekolah perlulah proaktif, mampu menjadi agen perubahan dan mampu menggerakkan dan mengekalkan proses penambahbaikan secara berterusan. Dalam kata lain, pengetua perlu tegas menentukan dan memastikan hala tuju yang jelas untuk semua.

Kepimpinan ikhtisas seorang pengetua juga merupakan satu aspek yang sangat penting dalam pengurusan terutama dalam bidang pengajaran dan pembelajaran. Seseorang pengetua sekolah akan mengemudi sekolahnya secara profesional selaras dengan visi dan misi pendidikan negara.

Bagaimanakah pengetua SMKPM meluahkan hasrat hatinya dalam usaha mencapai kecemerlangan? Beliau mendokumentasikan visi dan misi sekolah dengan jelas dalam perancangan strategik lima tahunnya agar sekolah berada di landasan yang betul. Beliau juga sentiasa berpesan dan mengingatkan kepada warga SMKPM agar memastikan peningkatan kecemerlangan dikekalkan serta ditingkatkan dengan slogan perangsangnya iaitu *maintain, sustain and improve*. Kelebihan sebagai seorang guru bahasa, beliau menggunakan kebijaksanaan menulis dengan menyelitkan kata-kata perangsang dalam setiap dokumen edaran di sekolah. Di dalam edaran ini akan disampaikan hasrat beliau, nasihat, dorongan dan semangat cintakan kecemerlangan kepada warga sekolah.

Sekilas pandangan ramai yang akan meneka bahawa Pn Ainun ini adalah lembut orangnya, tetapi dalam lembut itu ada ketegasan. Beliau tegas dalam setiap tindakan yang diambil, namun begitu masih ada unsur bertolak-ansur dengan setiap permasalahan yang dihadapi, dan usaha mendengar suara majoriti apabila membuat keputusan. Malah komen beliau,

*You tak nampak dalam hati I, runsingnya Tuhan sahaja yang tahu.
I am just like a swimming duck, nampak cantik sahaja terapung di
atas air, tetapi kakinya yang berhempas pulas mengayuh orang
tak nampak.*

Dalam buku Perancangan Strategik Pembangunan Pendidikan (PSPP) 2002-2004 sekolah, Pengetua menyenaraikan bidang-bidang yang diberikan tumpuan iaitu Pengurusan Am, Pengurusan Kurikulum, Pengurusan Hal Ehwal Murid, Pengurusan Kokurikulum, Pengurusan Pusat Sumber Sekolah, Pengurusan Hubungan Komuniti dan Pengurusan Iklim Sekolah. Pengurusan Am digerakkan oleh Pengetua sendiri dengan bantuan Kumpulan Pengurusan Sekolah. Buku PSPP telah menetapkan matlamat sekolah mulai tahun 1999 (tahun pengetua mula berkhidmat di sekolah ini) secara berperingkat sehingga tahun 2004.



PERANCANGAN STRATEGIK SEKOLAH (1999-2004)

- | | | |
|-------------|---|---|
| 1999 - 2000 | : | Meletak asas |
| 2001 - 2002 | : | Memperkemaskan asas |
| 2003 - 2004 | : | Mendapat pengiktirafan dalam pertandingan: |
| | : | 3K (Kebersihan, Keselamatan dan Keceriaan) |
| | : | SEKOLAH HARAPAN NEGARA |
| | : | ANUGERAH KUALITI MENTERI PENDIDIKAN |
| | : | ASRAMA CEMERLANG (di peringkat Negeri dan Kebangsaan). |
| 2003 - 2004 | : | Mencapai kecemerlangan akademik setaraf dengan potensi pelajar yang ada. |
| | : | Meletak SMKPM sebagai sebuah sekolah yang setaraf dengan sekolah-sekolah kawalan. |
| | : | Mencapai kecemerlangan yang konsisten di dalam kegiatan kokurikulum. |
| | : | Mencapai tahap unggul dalam aktiviti koperasi. |

Sumber: Buku PSPP SMKPM

Selain daripada perancangan khusus sekolah, di dalam buku PSPP juga terdapat beberapa kata-kata nasihat yang di antaranya adalah, *"Nothing is impossible to a willing heart"*. Ungkapan ini disebut berulang kali semasa mesyuarat bersama guru dan juga staf sokongan sebagai driving force kepada mereka. Bersabit dengan hal ini beberapa orang guru menyatakan:

Pn. Pengetua menyatakan misi dan visi dengan jelas seingat saya pada mesyuarat pertama lagi.

Pengetua akan tetapkan satu tahap yang tinggi jadi kami perlu berusaha mencapai tahap tersebut. Beliau seorang yang tegas walaupun nampak lembut.

We normally will say "we will do it", but she will say "I will do it". That's the difference.

Pengetua SMKPM juga mengamalkan pendekatan penyertaan bersama di antara kumpulan pengurusan sekolah dengan kumpulan bawahan. Beliau menumpukan aspek *staff team building*, *school image building* dan pengurusan kolektif demi mencapai kecemerlangan sekolah. Mesyuarat kumpulan pengurusan sekolah diadakan setiap hari Isnin supaya setiap perlaksanaan program atau aktiviti sekolah dapat dibincang bersama. Perjumpaan Kemantapan Sekolah (PEKEMAS) pula diadakan dua kali dalam sebulan iaitu pada hari Rabu minggu pertama dan ketiga. Perjumpaan ini

diadakan berasingan bagi sesi pagi dan petang. Semasa sesi PEKEMAS, masalah-masalah yang dihadapi oleh guru akan cuba diselesaikan bersama. Ada kalanya pengetua mengambil kesempatan bermesyuarat dengan menyuntik cetusan idea atau perkara baru untuk didedahkan kepada guru supaya mereka dapat bersama-sama beliau melaksanakan sesuatu perkara.



2.2 Perkongsian Wawasan dan Matlamat

Wawasan SMKPM ialah “melahirkan insan cemerlang yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani dan emosi sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara”. Matlamat SMKPM ialah “mewujudkan suasana yang memberangsangkan bagi melahirkan pelajar-pelajar yang beriman, berilmu, berakhlak mulia, berketerampilan dan berwawasan”. Bagi merealisasikan hasrat menuju ke arah kecemerlangan, aspirasi wawasan dan matlamat sekolah perlu dikongsi bersama. Hasrat ini didokong oleh seluruh warga SMKPM yang mahu melihat sekolah mereka sentiasa mempunyai budaya cemerlang.



Kata-kata di bawah adalah petikan temu bual dengan salah seorang guru SMKPM yang membuktikan bahawa pengetua mereka sentiasa berkongsi idea, matlamat dan tugas yang diamanatkan kepada beliau:

Sangat banyak situasi berkongsi. Dulu kami selalu tertinggal atau tidak mengetahui banyak perkara. Kita tidak tahu apa yang akan kita hadapi. Sekarang telus maka senang kerja. Lepas mesyuarat di jabatan, pengetua terus beritahu kami dan agihkan tugas semasa mesyuarat PEKEMAS.

Bumi mana yang tidak ditimpa hujan, begitulah juga situasi pengetua SMKPM. Beliau mengakui pada mulanya memang sukar mendapat kerjasama guru-gurunya. Beliau bermula dengan membentuk kumpulan kecil yang mampu bergerak seiring dengan hasrat yang ingin dicapai. Dari kumpulan yang kecil, maklumat disebar supaya kata sepakat dapat dicapai. Beliau menegaskan bahawa beliau perlu *firm but at the same time friendly* dan menggalakkan guru-guru bertanya untuk mendapat kepastian sekiranya mereka tidak memahami kehendak dan hasrat pengurusan sekolah. Pengetua berpendapat setiap tindakan perlu dibuat dengan konsep SYUARAH, di mana sesuatu tindakan boleh dilaksanakan setelah mendapat persetujuan bersama.

2.3 Suasana Pembelajaran Yang Unggul

Mewujudkan suasana pembelajaran yang unggul dan kondusif merupakan harapan semua warga sekolah. Ianya memberi kesan dan pengaruh positif kepada keseimbangan pertumbuhan jasmani, rohani, intelek dan emosi pelajar. Semua guru dan pelajar juga harus mempunyai tujuan dan harapan yang sama. Antara persamaan pandangan tersebut adalah mereka menekankan kebersihan dan keceriaan di semua kawasan di sekolah termasuk bilik darjah, kantin, pejabat, tandas, padang dan tempat-tempat lain. Rondaan oleh pihak pengurusan kerap dilakukan di setiap sudut dalam kawasan sekolah dan mereka akan bertindak segera sekiranya ada kawasan yang tidak memuaskan dari segi kebersihan dan keceriaan. Semua ini dapat dibuktikan oleh petikan temubual di bawah:

Kami ada tempat-tempat yang menarik dan suasananya segar dan ceria untuk belajar. Ada air terjun, ada landskap yang menarik.

(Pelajar tingkatan empat aliran Sains)

Pihak pengurusan juga menekankan keselamatan semua warga SMKPM. Setiap hari pengawal keselamatan dikehendaki membuat laporan yang dihantar terus kepada pihak pengurusan untuk tindakan yang selanjutnya jika perlu. Guru-guru disiplin juga mengawal keselamatan dan disiplin semasa kelas berjalan. Ini boleh dibuktikan oleh petikan temu bual di bawah:

Walaupun pelajar ramai iaitu lebih 2000 orang, keselamatan pelajar masih menjadi keutamaan kami. Pelajar-pelajar yang datang ke sekolah untuk kelas tambahan juga rasa selamat.

(Ketua Bidang Sains Kemanusiaan)

Pihak pengurusan sekolah menitikberatkan kecepatan dan ketegasan bertindak untuk segala masalah disiplin supaya masalah tersebut tidak berterusan. Contohnya, jika ada di kalangan guru atau pelajar yang merokok dalam kawasan sekolah, pihak sekolah akan melaporkan kepada Jabatan Kesihatan yang akan mengambil tindakan ke atas mereka yang bersalah. Guru disiplin SMKPM yang telah berkhidmat di sekolah selama 15 tahun berkata “Disiplin di sini, Alhamdulillah. Tidak ada kes yang berat. Sebab itu saya bertahan mengajar di sekolah ini”.

2.4 Penumpuan Kepada Pengajaran dan Pembelajaran

Pengajaran dan pembelajaran merupakan tunggak kemantapan sistem pendidikan kita. Perkara ini amat disedari oleh pihak pengurusan SMKPM yang amat menumpukan kecemerlangan dalam semua aspek pengajaran dan pembelajaran demi kecemerlangan pelajar-pelajarnya. Kata-kata di bawah telah membuktikan bahawa guru-guru SMKPM memang memberi tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran.

Kami memang fokus pada pengajaran dan pembelajaran. Macam saya, sibuk dengan hoki, tapi bila mengajar saya buat dengan terbaik. Itu kewajipan saya. Kalau tertinggal kelas, wajib ganti.
(Guru jurulatih hoki/ guru Matematik Tambahan)

Bila ada urusan luar seperti pergi kursus atau mesyuarat, guru diminta sediakan bahan untuk pelajar-pelajar mereka membuat latihan dan sebagainya. Atas daya usaha sendiri, biasanya kita akan mengadakan kelas tambahan atau kelas ganti.
(Guru Matematik Tingkatan 2)

Program 'Titisan Kasih' dilaksanakan demi meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Dalam sesi ini ibu bapa digalakkan berbincang dengan guru-guru tentang masalah dan tahap pendidikan anak-anak mereka dalam satu perjumpaan bersama di antara guru dan ibu bapa. Selain itu, kelas tambahan harian untuk pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan awam juga diwujudkan dan dilaksanakan dengan bantuan kewangan dari agensi luar. Sekolah juga memberikan tumpuan kepada pelajar-pelajar asrama SMKPM. Ini dapat dibuktikan dengan petikan temu bual di bawah:

Memandangkan pelajar-pelajar asrama tidak boleh keluar dan hadir tuisyen di luar, maka kami ajak guru-guru sekolah ini dan guru-guru sekolah lain datang beri tuisyen. Kita bayar mereka yang mengajar. Kami ada Badan Pewaris, yang ahlinya terdiri daripada ibubapa yang anak-anak mereka duduk di asrama sekolah ini. Pihak sekolah akan mengutip yuran tambahan untuk kelas-kelas tambahan. Ini program asrama.
(Ketua Warden Asrama SMKPM)

Pelajar SMKPM juga melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran samada di peringkat daerah, negeri mahupun kebangsaan seperti kuiz mata pelajaran, pidato, perbahasan, drama dan sebagainya.

2.5 Pengajaran yang Mempunyai Hala Tuju yang Jelas

Hala tuju yang jelas bagi setiap pengajaran mesti ada. Ia bertujuan untuk mencapai apa yang dirancang oleh guru dan yang diharapkan dari pelajarnya dalam sesuatu pengajaran dan pembelajaran. Setiap guru di SMKPM disyaratkan menulis objektif pengajaran bagi setiap pelajaran yang diajar. Secara umumnya guru-guru di sini faham bahawa yang diharapkan daripada mereka adalah pengajaran yang berkualiti. Dari awal tahun lagi setiap panitia telah meletakkan sasaran dalam prestasi peperiksaan bagi mata pelajaran masing-masing. Beberapa orang guru memberikan pandangan mereka seperti di bawah:

Mestilah, kalau tidak kena tegur. Kita sendiri juga mesti sedar akan tanggungjawab kita. Target awal-awal tahun kita kena set. Perancangan untuk tahun hadapan dibuat dalam akhir tahun ini.
(Guru Panitia Sains)

Semua mesti bekerja, saya lakukan empowerment, kita tentukan siapa ajar kelas mana dan kerja mesti sama berat.

(Ketua Bidang Bahasa)

2.6 Pengharapan Yang Tinggi

Memberi pengharapan yang tinggi terhadap pelajar akan memberi kesan dalaman kepada seseorang pelajar untuk meningkatkan kecemerlangan diri pelajar itu sendiri. Kekerapan pengetua dan guru SMKPM memberi harapan yang tinggi kepada pelajar mereka amat ketara di sekolah ini. Mereka selalu memberi pesanan dan ingatan kepada pelajar-pelajar dalam perhimpunan mingguan. Pengetua sentiasa memberi harapan yang tinggi kepada pelajar dengan memberi kata-kata harapan seperti, *“Kejayaan tercapai apabila peluang disepadukan dengan persiapan dan manusia bukannya kekurangan tenaga tetapi mereka kekurangan keazaman”*.

Untuk kesan yang lebih mendalam, guru-guru mengambil inisiatif untuk berbincang dengan pelajar mereka di dalam kelas dan menjadikannya tajuk karangan pelajar. Ini diperkatakan sendiri oleh guru penolong kanan kurikulum yang telah berkhidmat selama 10 tahun di SMKPM:

Setiap kali ada perhimpunan, pengetua akan memberi galakan dan pengharapan yang tinggi kepada pelajar. Oleh kerana pelajar dihargai kita harap mereka akan maju dan pandai. Sebab itu mereka selalu diberitahu tentang kemahiran belajar, mengutamakan disiplin, beritahu pelajar perkara yang baik-baik. Kaunselor-kaunselor kami banyak membantu. Guru disiplin pula sentiasa melaporkan hal-hal berkaitan dengan disiplin setiap minggu.

Guru-guru SMKPM jarang mendengar kata-kata yang negatif yang keluar dari mulut pengetua mereka terutama terhadap pelajar-pelajarnya. Ini dapat dibuktikan oleh petikan kata-kata seorang guru yang telah berkhidmat di sekolah tersebut selama 10 tahun seperti berikut:-

Bukan stail pengetua ini memburuk-burukkan pelajar-pelajarnya. Beliau sentiasa lembut dan memujuk pelajar. Beliau sangat sayang kepada pelajar-pelajarnya.

Sayangnya pengetua kepada pelajar telah diperjelaskan oleh beliau sendiri

Saya suka sekolah ini bertanding untuk kecemerlangan kerana, guru-guru senang dimotivasikan begini. If I cannot bring my students to the city, “I will create a city in my school with the help of my teachers of course”

2.7 Pengukuhan Yang Positif

Penggalakan yang positif boleh memberi kesan yang positif kepada emosi seseorang. Pengetua SMKPM merupakan ‘Pencetus Minda’ kepada semua warga SMKPM. Warga SMKPM merasa seronok bekerja dan berganding bahu bersama-sama pengetua mereka. Mereka bangga menjadi warga SMKPM. Kemenangan dan kejayaan yang diperoleh oleh pasukan sekolah dikongsi bersama. Malahan guru hoki menyatakan bahawa pengetua mereka tidak lokek memberi sentuhan perasaan kepada setiap warga SMKPM. Contohnya, mereka diiringi dengan doa sebelum setiap pasukan sekolah menjejak kaki keluar dari kawasan sekolah untuk berjuang di dalam sesuatu pertandingan. Mereka diraikan selepas mereka pulang dengan membawa kejayaan dan kemenangan dengan kata-kata yang menyentuh perasaan seperti “Tahniah”, “Syabas”, “Terima kasih” dan sebagainya. Sekiranya gagal, mereka dinaikkan semangat dengan kata-kata perangsang seperti, “Boleh cuba lagi”, “Jangan kecewa” dan sebagainya.

Kemesraan juga ditunjukkan oleh pengetua di mana beliau memberikan cenderahati dan kad hari jadi kepada semua guru SMKPM secara peribadi. Itulah di antara *magic touch* yang diberikan oleh pengetua mereka.

Pengetua selalu berpesan, kami disuruh baiki atau tambah baik di mana boleh atau sesuaikan dengan setiap keadaan.

(Pelajar tingkatan 3)

2.8 Pemantauan Kemajuan Yang Berterusan

Pemantauan kemajuan bagi setiap program dan aktiviti yang dilaksanakan akan memberikan kesan untuk mempertingkatkan lagi kejayaan sesuatu program atau aktiviti. Pihak sekolah SMKPM sentiasa membuat pemantauan kemajuan bagi setiap aktiviti dan program yang telah dilaksanakan.

Borang soal selidik diedarkan kepada para peserta kursus atau program untuk melihat sejauh mana keberkesanan pelaksanaan sesuatu program tersebut. Begitu juga dengan bidang kurikulum, bagi projek PMR dan SPM, mereka membuat perbandingan dengan pencapaian yang lepas dengan pencapaian yang akan datang dengan memberikan sebab-musabab sesuatu target dibuat. Guru-guru juga dikehendaki memberi laporan bertulis bagi pelaksanaan program-program dan aktiviti-aktiviti yang dilakukan samada sebelum, semasa dan selepas. Sekiranya ada kekurangan dan kelemahan, mereka dikehendaki berbincang dan memberi cadangan kepada pihak pengurusan sekolah.

Adanya audit kualiti dalaman dengan pemantauan yang kerap oleh Penolong Kanan dan Ketua Bidang serta perbincangan bersama pelajar-pelajar secara berterusan, maka kami harap segala program akan berjalan dengan lancar mengikut masa.

(Guru Tingkatan Lima)

2.9 Hak dan Tanggungjawab Murid

Hak dan tanggungjawab pelajar perlu diberitahu dan didedahkan bagi menunjukkan ketelusan dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah. Ianya memberi kesedaran kepada pelajar tersebut untuk pembangunan dirinya sendiri. Bagi pelajar SMKPM, mereka sentiasa diberi peringatan dan kesedaran tentang hak dan tanggungjawab mereka terutama semasa perhimpunan mingguan. Guru-guru juga bertindak sebagai 'motivator' kepada pelajar-pelajar terutama pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan awam. Pelajar-pelajar juga diberi peluang untuk menyuarakan pendapat dan cadangan mereka kepada pihak pengurusan.

*Sekolah tidak pernah pilih kasih. Semua dididik sama rata. Pelajar-pelajar sentiasa digalakkan untuk belajar, bertanya bila ada masalah. Semuanya diberi perhatian yang sama. Sudah menjadi rutin bagi pengetua menyebut tentang tanggungjawab pelajar, seperti: "Selalu datang sekolah", "Jangan ponteng sekolah", "Belajar rajin-rajin", "Patuhi disiplin", "Sayangkan emak dan ayah."
(Pengawas sekolah SMKPM)*

2.10 Permuafakatan Sekolah - Komuniti

Permuafakatan yang erat antara sekolah dan rumah memberi faedah yang amat banyak kepada kedua-dua belah pihak. Gabungan di antara sekolah dan rumah mampu meningkatkan rasa istimewanya pelajar-pelajar dan secara langsung boleh meningkatkan kecemerlangan mereka. Pihak sekolah sentiasa melibatkan ibu bapa dalam setiap program yang dirancang dan yang dilaksanakan untuk pembangunan diri pelajar seperti program Titisan Kasih, perjumpaan PIBG, Badan Pewaris, Hari Keluarga SMKPM dan sebagainya.

Program-program kebajikan seperti gotong-royong, bantuan kewangan, ceramah keagamaan dan kerohanian turut melibatkan ibu bapa pelajar. Ini juga membantu pihak sekolah mengurus sekolah dengan mudah kerana adanya kesedaran dan keprihatinan ibu bapa terhadap anak-anak mereka.

*Hubungan guru dengan ibubapa amatlah baik. Ada majlis 'Titisan Kasih' iaitu perjumpaan ibubapa dengan guru-guru kelas. Mereka ambil keputusan dan bincang dengan guru-guru. Bincang dengan ibubapa tentang cara anak-anak belajar di rumah. Apa mereka buat di rumah. Daripada situ kita buat penilaian dan kaitkan dengan akademik anak-anak mereka dan mencari penyelesaian bagaimana menangani masalah anak-anak.
(Guru Penolong Kanan Kurikulum)*

*Kita adakan perjumpaan dengan ibubapa pelajar-pelajar elit. Kita juga adakan perjumpaan dengan ibubapa pelajar-pelajar yang tidak tahu solat. Adakan kursus solat kepada anak-anak mereka terutama pelajar-pelajar dari tingkatan satu. Kita pentingkan perkembangan sahsiah yang seimbang.
(Guru Penolong Kanan HEM)*

Kita adakan perjumpaan dengan ibubapa anak-anak yang bermasalah disiplin dengan berbincang dan cari penyelesaian. Kaunselor, PK HEM dan guru-guru kelas banyak membantu dengan membuat program bina sahsiah diri.

(Guru Disiplin)

Guru-guru kelas dan kaunselor sentiasa melawat dan menziarahi keluarga pelajar-pelajar di rumah seperti pelajar sakit, ponteng dan miskin. Anak saya pun dia pernah tengok.

(Ibu pelajar)

2.11 Organisasi Pembelajaran

Menanamkan semangat cintakan ilmu, dan membudayakan perasaan cintakan ilmu secara berterusan merupakan satu tugas yang tidak ada tanda noktah di sekolah. Budaya positif ini perlu diberi penekanan dan ditanam di dalam diri setiap warga sekolah. Budaya ilmu yang diamalkan termasuklah 'budaya mencatat', 'budaya bertanya', 'budaya berbincang' dan 'budaya membaca'. Budaya mencatat diamalkan di dalam majlis perhimpunan dan juga majlis ilmu yang lain seperti 'Kursus Teknik Menjawab Soalan', 'Kursus Celik Akal' dan sebagainya.

Budaya berbincang diamalkan selepas sesi persekolahan. Pelajar-pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan perbincangan dengan bantuan seorang guru bagi setiap kumpulan. Budaya membaca juga diamalkan oleh setiap warga SMKPM dengan adanya projek Nilam dan Kasih untuk pelajar-pelajar, mencatat lima perkataan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu di 'Papan Cintai Bahasa Kita' oleh guru bahasa setiap hari. Pihak sekolah menyediakan dua set surat khabar iaitu Berita Harian dan *The New Straits Times*. Akhbar-akhbar ini diletakkan di kantin sekolah sebagai bahan bacaan pelajar di waktu rehat. Pusat Sumber juga memainkan peranan di dalam merealisasikan budaya ilmu di SMKPM. Sekolah juga mengadakan pertandingan papan maklumat mata pelajaran dan sudut kawasan mata pelajaran yang diagihkan kepada setiap panitia mata pelajaran.

Kita sedang menuju ke arah itu dengan semangat yang tinggi. Pengetua sentiasa menggalakkan kami agar selalu menghadiri kursus-kursus ilmun, membaca dan belajar IT.

(Sekumpulan pelajar Tingkatan Enam Atas)

Bagi pelajar, ada Program Nilam. Setiap tahun akan diisytiharkan pelajar yang paling banyak membaca buku.

(Guru Pusat Sumber)

Rakan-rakan guru banyak memberi semangat dari segi suasana kerja dan belajar yang mantap. Perkongsian bijak untuk tubuhkan organisasi yang sentiasa fokus kepada ilmu.

(Guru)

3.0 Penutup

Kejayaan yang telah diperoleh oleh SMKPM bukanlah satu usaha yang berlaku dalam sekelip mata. Semua warga sekolah termasuk pengetua, guru, pelajar, ibubapa, agensi luar, Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah telah berganding bahu tanpa rasa penat, jemu, dan putus asa, dalam usaha menuju wawasan dan cita-cita.

Sekolah yang dahulunya cuma menumpang di sekolah lain telah mencapai kemajuan menjadi sekolah Harapan Negara dan juga memenangi Anugerah Kualiti Menteri Pendidikan. SMKPM telah mula menjadi rebutan ibu bapa di sekeliling dan sekitar kawasan sekolah untuk menyekolahkan anak-anak mereka di sekolah tersebut.

Di bawah kepimpinan Puan Ainon Jamilah bt. Mohd. Ali dan kumpulan pengurusan sekolah, SMKPM kini mengorak langkah sekali lagi ke hadapan dalam usaha mencapai Sekolah Selamat Peringkat Kebangsaan pada tahun ini (2004) dan Pusat Sumber Terbaik pada tahun 2006. Dirumuskan di sini bahawa ungkapan, “di mana ada kemahuan di situ ada jalan” dan “alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan” amatlah sesuai dikaitkan dengan warga sekolah di sini.



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PADANG SAUJANA JERANTUT PAHANG DARUL MAKMUR

1.0 Pengenalan

1.1 Latar Belakang Sekolah



Tempat Permuafakatan Sekolah dan Rumah

Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Saujana (SMKPS) atau dahulunya lebih dikenali sebagai Sekolah Menengah Padang Saujana, adalah merupakan sekolah menengah kategori luar bandar yang terletak kira-kira 1.5 kilometer dari Bandar Jerantut. Sekolah ini telah dibuka pada 7 Januari 1980 dengan muridnya berjumlah 568 orang. Luas kawasan sekolah ini adalah lebih kurang 14.14 hektar (48 ekar). Pada tahun 1987, SMKPS telah dijadikan 'Sekolah Rancangan Khas' yakni sekolah kawalan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang. Sehingga ini SMKPS telah diterajui oleh sembilan orang pengetua. Sekolah ini adalah sekolah berasrama.

Lambang SMKPS terdiri daripada tiga warna iaitu hijau, kuning dan putih. Benderanya mempunyai warna kuning dan hijau. Motto SMKPS adalah 'BERILMU dan BERMORAL'.

2.0 Ciri-ciri Sekolah Berkesan

2.1 Kepimpinan Profesional

Sejak dibuka sekolah ini telah dipimpin oleh pengetua-pengetua yang berkebolehan, berkaliber dan kuat latar belakang professional masing-masing. Pengetua yang pertama, Tn. Hj. Shahrudin bin Hj. Shamsuddin (1980-1982) merupakan seorang yang sangat berkebolehan dan dengan itu telah diberi kepercayaan untuk meneroka pembukaan sekolah ini. Hasil kepimpinan beliau, dalam tempoh dua tahun sekolah ini telah menggondol Piala Aminuddin Baki setelah menjuarai Johan Kuiz Sejarah Peringkat Kebangsaan.

Pertukaran beliau telah digantikan oleh Encik Othman Yusof (1982-1984), seorang yang mempunyai stail kepimpinan yang agak liberal tetapi sangat sesuai dengan suasana pada masa itu. Mulai tahun 1984 hingga 1992, Encik A. Rahim bin Noh (sekarang Dato' Hj. A. Rahim bin Noh, Pengarah Pendidikan Pahang) telah dilantik sebagai pengetua. Kepimpinan beliau yang berkarismatik dan bersituasi sangat memberi kesan yang positif kepada kemajuan sekolah. Saat kegemilangan seterusnya dirasai apabila sekolah ini mula memenangi banyak anugerah dan gelaran sama ada di peringkat daerah mahupun negeri. Pencapaian dalam akademik mula melonjak. Oleh yang demikian, Jabatan Pendidikan Pahang telah menaruh kepercayaan dengan menjadikan sekolah ini sebagai perintis sekolah kawalan dalam tahun 1987 (sekolah rancangan khas) di Negeri Pahang.



Ukiran Sejarah Penubuhan SMKPS

Selepas itu, beberapa orang pengetua telah meneraju SMKPS silih berganti. Antaranya adalah Tn. Hj. Zahari Uda (1992-1994), Tn. Hj. Ali bin Hj. Jamin (1994-1995), Tn. Hj. Nordin bin Hj. Mohamad (1995-1997), En. Hamzah bin Hussein (1997-1999), En. Norzari bin Hj. Yahya (1999-2002) dan yang terakhir ketika tinjauan ini dibuat adalah En. Zainuren bin Md Nor (mulai 2003). Sesuatu yang sangat menarik, En. Hamzah adalah merupakan pengetua SMKPS yang pertama yang mempunyai latar belakang kepakaran pengurusan kerana beliau berkelulusan Sarjana Sains dalam bidang pengurusan.

Sewaktu kami membuat lawatan ke sekolah ini, beberapa temu bual telah diadakan dengan guru-guru serta murid sekolah ini. Hasil daripada siri-siri temubual di bawah mungkin dapat membantu untuk mengenali sekolah ini dengan lebih dekat.

Kami telah berpeluang menemubual Encik Ismail bin Hussein, seorang guru sains yang merupakan bekas pelajar sekolah ini. Soalan yang telah kami tanyakan adalah, “Semasa jadi student, pengetua yang manakah yang mempunyai kepimpinan hebat daripada kaca mata sebagai seorang murid?” Beliau telah menjelaskan, “Yang (paling) lama dengan ‘Cikgu R’, beliau tegas dengan murid. Masa saya, banyak dia beri nasihat tentang pelajaran”. Apabila ditanya pengetua manakah yang mempunyai halatuju yang jelas? Beliau menjawab, “Masa saya Cikgu ‘R’lah sebab dia yang buat *blueprint*. Pencapaian pelajar SPM dulu masa saya ada peningkatan. Masa saya ada 10 orang gred satu”.

Selepas itu kami juga berkesempatan menemubual ustazah, salah seorang guru wanita yang sudah berkhidmat selama lebih kurang lima tahun di sekolah ini. Temubual ini telah dilakukan pada jam 1.00 petang, 29 Julai 2004. Apabila ditanya kepimpinan pengetua manakah yang beliau anggap lebih baik? Beliau telah menjawab, “Haji ‘NY’ lebih bersifat keibubapaan. ‘Cikgu Z’ lebih beri arahan. Tapi Haji ‘NY’ kurang sebut hala tuju sebab beliau peringkat akhir. ‘Cikgu Z’ selalu ingatkan”. Bila ditanya tentang pengetua yang manakah yang selalu mengingatkan tentang “*core business*”, ustazah ini menyatakan, “Cikgu ‘Z’ banyak sikit, dan Cikgu ‘NY’ kurang sikitlah”.

Kami telah juga menemubual dua orang murid iaitu Sabri dan Norhaswani. Apabila ditanyakan soalan, “Dalam ramai-ramai pengetua ini yang mana pengetua yang paling hebat kepimpinan mereka?”. Mereka menjawab, “Encik ‘Z’ mempunyai pendekatan yang agak berbeza dan sesuai dengan para pelajar. Banyak buat pembaharuan, rancang tapi tak sempat laksana. Tegas tapi baik hati. Kalau suruh buat sesuatu, kena buatlah. Selalu bagi nasihat. Pentingkan kelas tambahan dan selalu turun padang”. Seorang lagi murid menjelaskan, “kami sempat dengan Encik ‘H’ dan ‘Z’. Encik ‘H’ sentiasa jumpa ‘*face to face*’. Tekankan kepada pelajar yang kurang. Cikgu ‘Z’ mungkin tak jumpa ‘*face to face*’ tapi jumpa ramai-ramai dan sentiasa beri nasihat”.



Kami juga telah berpeluang menemubual seorang pelajar bangsa Cina dalam Bahasa Inggeris. Beliau telah memasuki sekolah ini sejak enam tahun yang lalu. Semenjak beliau belajar di sekolah, seramai tiga orang pengetua telah bertukar ganti. Apabila saya bertanya, "who you remember most?". Secara spontan beliau menjawab "Cikgu 'H'lah". Apabila ditanya, "Why?" Beliau menjawab, *"because the way he did things was quite straight and the results too were quite good. He is a nice guy. When he talks about study he is very serious. He did a lot of changes on us. He is very strict about studies. When talking about other things we are like friends. Other principals are also good and they were doing their job. The most unforgettable one is of course Mr. H"*.

Kami juga telah sempat menemu bual dua orang guru perempuan yang telah berkhidmat di sekolah ini lebih lima belas tahun yang lalu. Saya mengenali semua guru ini. Mereka adalah Cikgu Siti Azam dan Cikgu Noriah Ghani. Kami telah bertanya soalan, "Dalam ramai-ramai pengetua di SMKPS, siapakah yang mempunyai kepimpinan yang lebih?". Cikgu Noriah Ghani menyatakan, "bagi saya Cikgu 'Sh', Cikgu 'R' dan yang baru Cikgu 'Z'". Berkaitan kepimpinan sekolah ini, Cikgu Siti Azam telah menyatakan, "kami segan dengan Haji 'N'. Malu nak curi tulang. Kadang-kadang jadi imam".

Umumnya, kepimpinan ikhtisas sekolah ini adalah sangat mantap kerana sekolah ini telah dipimpin oleh pengetua-pengetua yang berkesan, perkasa dan profesional.

2.2 Perkongsian Wawasan dan Matlamat

Setelah meninjau, didapati sekolah ini telah menetapkan wawasan dan matlamatnya secara bertulis. Wawasannya adalah 'menjadi sebuah sekolah terunggul di Daerah Jerantut dan Negeri Pahang dalam bidang pengurusan pendidikan, kurikulum, keceriaan, bina insan dan hubungan komuniti yang bai selaras dengan kehendak Falsafah Pendidikan Negara, Wawasan Pendidikan Negara dan Program Peningkatan Kurikulum dan Kemajuan Pendidikan Negeri Pahang (PKKP). Di samping wawasan, SMKPS mempunyai enam misi yang perlu dijayakan; antaranya adalah seperti berikut:

- Mengamalkan perkhidmatan pengurusan pendidikan berkualiti tinggi
- Menyediakan Pengajaran dan Pembelajaran yang bermutu dan terbaik
- Mengendalikan kegiatan kokurikulum secara sistematik dan terbaik
- Mewujudkan persekitaran sekolah yang bersih dan ceria
- Membentuk sahsiah dan akhlak yang terpuji sebagai budaya hidup seharian
- Menjalinkan hubungan dua hala yang baik dengan komuniti, ibu bapa, masyarakat dan pihak yang berurusan dengan sekolah.

Nampaknya sekolah ini telah berusaha menerapkan hala tuju sekolah ke segenap lapisan warga sekolah sekurang-kurangnya dengan menetapkan secara bertulis dan ditempatkan di tempat laluan yang strategik.



Visi, Misi dan Piagam Pelanggan SMKPS

Berkaitan dengan perkongsian visi dan misi sekolah, kami telah berkesempatan juga menemubual Cikgu Ismail Hussein. Saya telah bertanya, “pada masa pengetua manakah SMKPS memasuki pelbagai pertandingan?”. Encik Ismail Hussein menyatakan, “kita masuk pertandingan 3K, Sekolah Harapan Negara (SHN) dan Kualiti masa Cikgu ‘H’”. Apabila ditanyakan soalan, “siapakah yang mempunyai kepimpinan yang terbaik?” Beliau menjawab, “Cikgu ‘H’lah. Kalau ada aktiviti dia turun padang, tak ada ‘gap’ dan rasa senang hati. Hanya dualah Cikgu ‘H’ dan ‘Z’. Yang lain itu biasa sajalah”. Apabila ditanyakan soalan “sejauh manakah Cikgu ‘H’ dan lain-lain berkongsi wawasan dan matlamat sekolah?” Beliau menjawab “Cikgu ‘H’ bawak mesyuarat sekolah berwatak, Cikgu ‘NY’ meneruskan dan juga berkongsi bersama sehingga dapat tempat ketiga Anugerah Kualiti dan 3K”. Apabila ditanyakan soalan, “kalau minta guru-guru sebut pernyataan wawasan, bolehkah mereka menyebutnya?” Beliau menjawab, “kalau ayat demi ayat agak susah. Tapi kalau maksudnya mungkin boleh. Yang baru agak susah. Ada juga yang tak kisah”.

Kami juga telah berpeluang menemubual Cikgu Siti Azam. Apabila ditanyakan soalan, “semenjak bilakah sekolah ada hala tuju yang jelas?” Beliau menjawab, “mungkin masa Cikgu R, mula buat blueprint. Dah mula nampak dah masa itu. Bermula dari situ (keputusan peperiksaan) dah naik dah”. Saya juga cuba mendapatkan kepastian semenjak bilakah pernyataan wawasan sekolah telah ditulis. Beliau menjawab, “Cikgu ‘H’ menekankan pasal visi dan misi dalam buku skrap. Tidak dipaparkan. Waktu Cikgu ‘NY’ baru ditayangkan. Dijelaskan dulu kita mesti ada visi sekolah dan kemudian minta panitia sediakan misi dan visi. Pastikan selaras dengan misi dan visi sekolah. Setiap kali perhimpunan mereka tekankan visi dan misi. Sebut selalulah contohnya dalam mesyuarat dan sebagainya”.

Cikgu Noriah Ghani juga memberi sumbangan pendapatnya dalam sesi temubual ini. Kami telah bertanya sama ada beliau serta guru-guru SMKPS boleh menyebut wawasan sekolah secara spontan. Beliau telah mengatakan, “mungkin ada bagi yang perihatin dan mungkin tak ada bagi yang baru”. Kami juga bertanya bagaimana sumbangan orang lama bantu hayati visi dan misi sekolah. Beliau menjawab, “kami sama-sama dapat dengan orang baru. Macam sama sajalah. Tak anggaplah kami orang lama lebih pandai. Mula-mula mengajar (visi) belum ada lagi. *‘Point-point’* dalam wawasan adalah seperti salah satunya nak lahirkan pelajar cemerlang dan rangkumi semua rohani, disiplin, keimanaan yang dalam iaitu, ketakwaan. Tak dapat nak cakap terperinci, tapi faham untuk melahirkan insan yang kamil dan cemerlang. Kami akan bekerja sama sepenuhnya dan bantu jadikan mereka manusia berguna”. Apabila kami bertanya seorang murid Cina apakah visi SMKPS, beliau menjawab “*our school vision is to be a good student, follow the rules of the schools*”. Apabila ditanyakan soalan “*which principal that emhasized the school vision and mission?*” Beliau menjawab, “*all of them*”.

Seramai dua orang murid telah juga ditemubual dalam sesi lawatan ini. Kami telah bertanya sama ada mereka boleh mengingat pernyataan visi sekolah. Mereka menjawab, “tak ingat”. Kami telah meneruskan soalan, “Mengapa tidak sempat ingat?” Mereka menjawab, “kerana kealpaan sendiri” Seterusnya kami tanya, “adakah kerana pengetua tidak hebahkan?.” Mereka menjawab, “kami sendiri yang alpa”. Kami tanya lagi, “apakah intipatinya?”. Seorang murid lelaki menjawab, “secara rawaknya kami mungkin boleh nyatakan konklusi walaupun tidak berapa lengkap iaitu untuk lahirkan generasi yang celik intelektual, penuh dengan sifat yang mulia dan bermoral cemerlang”. Apabila diajukan soalan, “adakah setiap minggu pengetua menyatakan wawasan terutama dalam perhimpunan?” Mereka menjawab, “ada, pengetua bercakap semasa perhimpunan dan Cikgu Suhaimi suruh baca visi dan misi”.

Umumnya bolehlah dibuat kesimpulan bahawa pemimpin-pemimpin sekolah ini telah berusaha untuk berkongsi halatuju sekolah dengan warganya khususnya perkongsian wawasan dan misi.

2.3 Suasana Pembelajaran Yang Unggul

Sepanjang pemerhatian, bermula pada petang 3 Januari 2004, di dapati wujudnya suasana pembelajaran yang unggul (environment conducive to learning or supportive learning environment). Bangunan, kawasan lapang, peralatan dan bilik-bilik adalah didapati bersih dan dijaga dengan rapi. Tanda-tanda wujudnya vandalisma yang serius kurang nyata. Umumnya, SMKPS mempunyai persekitaran atau situasi yang selamat, sihat, bersih dan ceria yang memungkinkan wujudnya persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran.



Suasana Pembelajaran yang Unggul

SMKPS juga memberi peluang kepada murid-murid serta komuniti mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti di sekolah. Contohnya, dalam usaha untuk menceriakan sekolah, bukan sahaja warga sekolah telah dilibatkan (guru dan murid), malah ibu dan bapa murid juga turut berperanan. Program Gotong Royong Maufakat telah lama diamalkan. Hasilnya, SMKPS pernah menggondol tempat ketiga peringkat kebangsaan anugerah 3K bagi kategori Sekolah Berasrama Penuh tahun 2003. Mulai tahun 2004, program keceriaan 'Saujana Indah' dilaksanakan.

Berkaitan dengan suasana pembelajaran yang unggul, kami telah menemubual Cikgu Sharifah. Soalan yang telah kami ajukan adalah, "setakat ini, apakah program yang telah dipertanggungjawabkan kepada anda?". Beliau menjawab, "pertandingan keceriaan kelas, khususnya membantu menulis tulisan khat untuk sekolah". Kebetulan Cikgu Ismail Hussein berada di situ, sayapun bertanya soalan, "bagaimanakah sambutan guru-guru untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang unggul?". Beliau menjawab, "memang kita nampak cikgu beri kerjasama. Ada yang balik petang dan malam. Akhir-akhir ini untuk nak maintain saja. Kalau nak mula semula mungkin tak berapa sangguplah".

Berkaitan suasana pembelajaran yang unggul, saya telah juga sempat bertanya Cikgu Siti Azam dan Noriah Ghani. Soalannya, "bagaimanakah sekolah dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif?". Mereka menyatakan, "sebelum itu ada pertandingan kelas bersih supaya kondusif. Keadaan yang lebih baik. Tahun lepas memang adalah. Di luar kelas gotong royonglah gunakan pelajar asrama. Tahap kebersihan sekarang agak kurang kerana nak tumpu akademik. Kiranya, buat tapi tidak pada guru, hanya pekerja saja buat. Nak *maintain* saja. Tak berapa banyak sumbangan daripada penjaga. Dulu masa 3K ada juga datang. Ada juga jabatan kerajaan bantu".

Murid juga telah ditemubual. Kami telah bertanya soalan, “waktu pengetua manakah yang kamu nampak usaha-usaha meningkatkan keceriaan?” Mereka menjawab, “Cikgu NY banyak buat, buat lanskap di asrama, di dewan dan sebagainya. Walaupun dibuat oleh orang lalu, tapi ditambah baik oleh Cikgu NY. Orang yang mula pencetus adalah Encik H, idea unik contohnya air terjun di depan dewan dan atas atap, surau dibina pada masa dia dan nama surau itu sempena nama dia juga”. Seterusnya mereka bersetuju dengan menyatakan, “kami selesalah kerana kemudahan belajar dan dalam kelas cukup. Guru pun sentiasa menggalakkan dan bekerjasama dengan kami. Kelas tambahan pun banyak. Itu semua biasalah. Selesa untuk *study* kerana keliling sekolah ada pondok untuk study. Untuk permainan asrama ada peralatan yang cukup”.

2.4 Penumpuan kepada Pengajaran dan Pembelajaran

Mulai hari pertama sesi persekolahan, SMKPS sudah bersedia dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P). Perancangan untuk melaksanakan aktiviti P&P bagi tahun 2004 telah tersedia. Jadual waktu telahpun disempurnakan sebelum sesi persekolahan baru bermula. Ini tidak lah ganjil bagi sebuah sekolah kawalan seperti SMKPS. Lagipun, budaya ini memang sudah diwujudkan sejak dahulu lagi ketika penulis menjawat jawatan Guru Penolong Kanan (GPK) di sekolah ini.

Apabila lawatan ‘benchmarking’ kedua dilakukan bermula 24 Februari, 2004, walaupun SMKPS telah ‘kehilangan’ Pengetua dan GPK (kerana bertukar sekolah), namun aktiviti P&P telah berjalan dengan lancar. Kehadiran penulis dan dua orang lagi penyelidik (termasuk Timbalan Pengarah IAB) tidak mengganggu perjalanan aktiviti P&P. Walaupun SMKPS umumnya tidak mempunyai satu perancangan strategik dalam erti kata sebenarnya, namun perancangan yang berupa program-program peningkatan akademik telah didokumenkan dengan baik. Contoh perancangan peningkatan akademik yang telah disediakan adalah Jadual Pencerapan Guru-guru Sesi 2004 dan Jadual Penyemakan Buku Latihan Pelajar Sesi 2004. Jadual Penilaian dan Pengujian 2004 juga telah ditetapkan dalam perancangan sekolah.

Berkaitan dengan penumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran, kami telah berpeluang bertanya kepada Cikgu Noriah Ghani dan Siti Azam dengan beberapa soalan. Antaranya saya telah bertanya, “sejauh mana sekolah memberi tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran?” Cikgu Noriah berkata, “pengetua selalu mengingatkan guru bila sampai masanya. Selalu ingat guru supaya beri kerja kalau tinggalkan kelas supaya senang guru ganti awasi”. Beliau bersetuju sekolah ini jadikan pengajaran dan pembelajaran sebagai ‘core business’ utama.

Seterusnya Cikgu Siti Azam membuat pengakuan, “status akademik, tahun lepas agak merosot (SPM/PMR). Tahun lepas saja *drop*, sebelum itu, ok. Puncanya pada 2002 kerana aktiviti pertandingan peringkat negara sehingga guru dan pelajar terlibat di luar bilik darjah. Pelajar banyak tercicir. Tak dapat nak ‘catch up’ walaupun buat macam-macam kelas tambahan. Tapi mungkin tak mampu nak ‘cover’ balik. Sekarang kebanyakan kami dah fokus dalam kelas. Bagi kami itu saja yang kami nampak”.



Taklimat Pelaksanaan Program PKKP

Kami juga berkesempatan bertanyakan tentang lawatan pihak Jemaah Nazir ke sekolah ini. Jawapan Cikgu Noriah adalah, “lawatan nazir hampir tiap tahun. Untuk BM, BI, Sains dan Maths. Yang lain tu kurang”. Apabila ditanya soalan berkaitan prestasi PPSMI, Cikgu Siti Azam dan Noriah Ghani menyatakan, “saya rasa berjalan. Ada minat cakap Inggeris. Bila kami cuba ajar KH dalam BI ada yang boleh bertutur dalam BI. Pentadbir tidak cerap cara formal. PPD ada datang tapi tak masuk. Pegawai JPN datang tapi tak juga mencerap”.

Apabila menemubual seorang guru agama, beliau menjawab, “ada sekali, Nazir agama. Dia tak komen. Mungkin ada hal lain. PPD dan JPN tidak menyelia terus tapi temui GPK. Saya mengajar 27 waktu. Saya guru panitia Bahasa Arab dan Agama Islam”.

Saya juga berkesempatan menemubual salah seorang murid menengah rendah. Beliau menyatakan, “saya dari tingkatan satu, adalah peningkatan setahun dari setahun. Dekat sekolah ini kami tidak risau kalau cikgu tiada, kami tidak risau. Kerana kalau cikgu tiada kami ada sistem penggantian guru untuk kami”. Apabila ditanyakan soalan, “kerap ke berlaku guru tak masuk kelas?”. Beliau menjawab, “masa ini ramai guru tak masuk kelas kerana pergi kursus. Cikgu minta kami buat kerja sendiri. Cikgu tinggalkan soalan-soalan. Cikgu akan cover balik bab-bab melalui kelas tambahan”.

2.5 Pengajaran yang Mempunyai Hala Tuju yang Jelas

Umumnya para guru mempunyai hala tuju yang jelas dalam pengajaran mereka. Ini adalah kerana wujudnya perkongsian wawasan, misi dan budaya positif di kalangan guru-guru dan murid. Di samping itu, guru-guru terutamanya sentiasa diingatkan dari masa ke semasa terhadap peranan, komitmen serta amanah yang perlu dipikul oleh mereka.

Bagi Sabri dan Norhaswani (pelajar tingkatan 6 atas), mereka mengulas, “selepas ujian-ujian, dah dapat result guru-guru memberi komen keseluruhan atau umum saja. Beri nasihat, guru mata pelajaran akan tanya. Contohnya biologi, cikgu akan beritahu apa yang perlu belajar dan kami baca dulu. Lepas itu bila masuk kelas kami lebih faham. Saya rasa, dalam mata pelajaran kimia ada dinyatakan objektif pengajaran”.

Berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran, Cikgu Ismail Hussein menyatakan, “perubahan masa Cikgu Z, ada 7 fokus. Dia buat yang jelas untuk peningkatan. Sehingga hari ini masih gunakannya. Aktiviti penyeliaan lihat buku pelajar. Pencerapan sebahagian dibuat oleh ketua panitia dan ketua bidang. Panitia ada buat mesyuarat masing-masing. Keputusan dibawa dalam mesyuarat Jawatan Kuasa Kurikulum”.



“Count down” Senantiasa Mengingatkan Komitmen Semua

2.6 Penghargaan yang Tinggi kepada Pelajar

Sebagai sebuah sekolah kawalan, ini juga secara tidak langsung memberikan motivasi kepada pelajar untuk bersaing bukan sahaja antara mereka tetapi juga dengan sekolah lain. Pencapaian cemerlang dalam akademik yang ditempa oleh para pelajar akan diberikan penghargaan yang tinggi oleh guru dan pihak sekolah. Oleh yang demikian, SMKPS senantiasa mengamalkan budaya memberikan penghargaan tinggi kepada pelajarnya melalui Program Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah. Program ini digelar sebagai Hari Tanda Sayang dan Anugerah Ilmu. Setiap kejayaan sudah tentu diraikan bersama dengan mengadakan program bercorak merapatkan hubungan antara para pelajar dengan pihak sekolah khususnya guru-guru.

Kami sempat menemubual Cikgu Noriah Ghani dan Siti Azam berkaitan penghargaan kepada pelajar. Mereka memberitahu, “ada anugerah emas. Untuk keseluruhan, sebelum pelajar keluar sekolah tingkatan 5 dan 6. Tengok prestasi dari mula tingkatan satu lagi. Ujian bulanan pun ada, tengah tahun dan akhir tahun. Anugerah koko juga ada diberi. Contohnya sijil. Ada juga buat jamuan besar-besaran apabila ada kejayaan”. Ustazah Sharifah pula menambah, “mereka diberi buku oleh sekolah. Tiada pengiktirafan lain”.



Dua orang murid (Sabri dan Norhaswani) telah juga ditemubual. “Apakah bentuk penghargaan kepada murid-murid?” Mereka memberitahu, “Hari Kasih sayang untuk kelas peperiksaan. Dipanggil ibu bapa untuk berbincang tentang pencapaian. Yang penting sekali mereka diberi penghargaan dan boleh memberikan penghargaan kepada ibu bapa. Penghargaan sepanjang masa. Semasa perhimpunan murid diberi penghargaan contohnya diberi pen dan sebagainya. Juga di asrama ada penghargaan”.



'Selamat Datang' Sebagai Penghargaan Tinggi Kepada Pelajar

2.7 Pengukuhan yang Positif

Ungkapan 'kejayaan itu boleh berada di mana-mana, termasuklah di penjara' sangat menyentuh perasaan penulis. Ungkapan ini diperoleh hasil daripada temubual kami dengan bekas pengetua SMKPS; Encik Hamzah Hussein. Saya telah bertanya kepada beliau, "apakah kejayaan yang paling manis semasa memimpin SMKPS?" Beliau memberitahu bahawa, beliau pernah meletakkan objektif pencapaian peperiksaan SPM pada peringkat 100%. Tujuannya adalah untuk membuktikan bahawa SMKPS mampu melakukannya. Kalau ianya berlaku, ini adalah merupakan satu rekod. Malangnya, objektif tersebut seakan tidak mungkin tercapai kerana terdapat seorang pelajar bermasalah di mana akhirnya pelajar ini telah dijatuhkan hukuman penjara! Apa yang telah dilakukan oleh warga SMKPS pimpinan pengetuanya, telah berusaha memberi galakan serta motivasi yang tinggi kepada pelajar malang ini. Mereka telah berusaha menghantar buku-buku rujukan kepadanya di samping senantiasa menyampaikan kata-kata perangsang seperti, "kejayaan boleh berada di mana-mana walaupun di penjara". Berkat usaha warga SMKPS dan dengan izin Tuhan, pelajar berkenaan telah memperoleh Gred 2 dalam peperiksaan. Pencapaian SPM 100% telah direalisasikan. Usaha ini sangat berbaloi dan hasilnya SMKPS memenangi tempat ketiga peringkat kebangsaan untuk Anugerah Kualiti Menteri Pendidikan (AKMP) tahun 2002.



Kata-kata Perangsang Sebagai Penggalak yang Positif

2.8 Pemantauan Kemajuan

Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran dilakukan dengan kreatif dan berkesan. Suasana pembelajaran juga kelihatan ceria. Penilaian prestasi murid dilaksanakan dari masa ke semasa. Antara langkah-langkah yang akan diambil adalah dengan mengadakan ujian selaras dan gempur peperiksaan. Ini semuanya terkandung dalam program “Strategi Ulangkaji Jana Agenda Nobatkan Akademik” (SUJANA). Hasil penilaian ini digunakan untuk meningkatkan prestasi pelajar pada masa hadapan serta juga memajukan program instruksional.

Maklumat berkaitan dengan prestasi pencapaian para pelajar juga dibekalkan kepada ibu bapa atau penjaga para pelajar dari masa ke semasa. Ini membolehkan para ibu bapa sama-sama memantau kemajuan atau prestasi anak mereka dari masa ke semasa. Sesi perjumpaan dengan ibu bapa pelajar sering diadakan bagi menjelaskan kekuatan dan kelemahan anak-anak jagaan mereka. Dengan cara ini ketiga-tiga pihak (guru, murid dan ibu bapa) boleh bekerjasama untuk kebaikan bersama.

Kami juga sempat bertanya sama ada pemantauan biasa dijalankan oleh ‘stakeholders’. Guru agama berkenaan berkata, “Penyelia daripada PPD tidak datang menyelia. Ada nazir masuk kelas sewaktu cikgu belum masuk kelas. Dia nak menyelia mata pelajaran Pengajian Am. Tanya soalan-soalan sejarah, BM dan sebagainya. Masuk sekejap saja”. Apabila ditanyakan soalan sama ada cikgu lain ada masuk ke kelas untuk melihat guru laian mengajar, beliau menjawab, tak masuk ke kelas tapi memantau contohnya lalu di koridor”.

Bagi Cikgu Noriah dan Siti Azam, mereka menyatakan bahawa pemantauan oleh JPN adalah sebanyak dua kali setahun tapi mereka jumpa pentadbir sahaja. “PPD juga begitu. PPD juga ada minta cikgu datang untuk buat laporan dalam panitia daerah. Semua sekolah dijemput. Saya dijemput bulan Mac tahun ini”.



Prestasi Akademik Sebagai Penyumbang kepada AKMP

2.9 Hak dan Tanggungjawab Pelajar

SMKPS adalah sebuah sekolah yang sentiasa menjamin hak dan memastikan setiap pelajar bertanggungjawab. Dari segi hak pelajar, sekolah ini mempunyai sistem yang menjaga kebajikan seluruh pelajar khususnya bagi pelajar-pelajar yang menghadapi masalah kewangan. PIBG juga berperanan membantu sekolah dalam hal ini khususnya jika pelajar menghadapi masalah kewangan untuk membayar yuran peperiksaan. Kelab Kewangan juga telah ditubuhkan untuk membantu para pelajar yang menghadapi masalah seperti di atas.

Hak untuk mendapat pendidikan yang berkualiti memang sentiasa wujud di sekolah ini. Program PINTAS (Program Intensif Akademik Saujana) sentiasa diadakan bagi memastikan pelajar memperoleh 'pecutan' untuk mendapat kelulusan cemerlang dalam pencapaian akademik mereka. Ini diikuti dengan Program TANGKAS (Gagasan Kecemerlangan Saujana) dan GEMPUR PEPERIKSAAN.

Tanggungjawab pelajar adalah untuk mengikuti semua program di atas dengan sepenuhnya. Untuk membantu merealisasikan matlamat sekolah, Program MUHASABAH KECEMERLANGAN dilaksanakan. Dengan cara ini mereka diharapkan mempunyai tanggungjawab terhadap diri masing-masing untuk kecemerlangan pada masa hadapan. Ini dibantu pula dengan mengadakan siri-siri program motivasi kemahiran belajar.

Seorang murid telah ditanya mengenai hak yang telah mereka dapat daripada pihak sekolah. Mereka menyatakan, "murid diberikan tempat letak kereta. Penggunaan komputer tidak dapat digunakan sepenuhnya untuk buat *assignment*. Ini kerana makmal komputer belum beroperasi lagi kerana baru dibaiki. Hak pelajar tidak dinafikan".

2.10 Permuafakatan Sekolah - Komuniti

Sebagai sebuah sekolah yang cemerlang, permuafakatan antara sekolah dengan rumah adalah penting. Untuk ini, PIBG memainkan peranan penting dari segi memotivasi diri pelajar dan ibu bapa mereka. Antara program yang sentiasa dijalankan dan telah mendapat sambutan hangat adalah Program SOLAT HAJAT PERDANA. Program ini diadakan beberapa kali sebelum pelajar menghadapi peperiksaan mereka. Adalah jelas sambutan daripada para ibu bapa adalah sangat menggalakkan.

Berkaitan permuafakatan sekolah dan rumah, PIBG memberikan bantuan dari segi kewangan. Cikgu Ismail Hussein menjelaskan, “ada ‘collect’ daripada penjaga untuk program tingkatan s3, 5 dan 6. “Ada sumbangan tenaga pakar?” Jawapannya adalah, “tak nampak sangat dan tidak memberangsangkan”.

Bagi Cikgu Noriah dan Siti Azam pula, mereka menjelaskan, “ada beri buat sumbangan menghargai pelajar. Saya rasa dari segi kewangan untuk beri hadiah dan cenderamata. Masa ucapan saja beri buah fikiran dan masa hari tanda kasih. Pengerusi PIBG berucap. Sebagai memberi buah fikiran. Ada jumpa dengan AJK tapi bukan dengan guru-guru”.

Apabila ditanyakan adakah terdapat ibubapa datang menyerang sekolah?. Salah seorang guru menjawab, “ada juga... tak puas hatilah.. atas tindakan sekolah kepada anak mereka. Sekolah hadapi melalui perbincangan... salah faham ...bila buat rundungan dia fahamlah. Bentuk permuafakatan yang paling ketara ialah beri kerjasama penuh dalam bentuk kewangan. Untuk akademik dia bagi khas selain yuran. Kebajikan surau memang dia bagi sepenuhnya. Pondok itu sumbangan penjaga bukan Islam”.

Di sini jelaslah bahawa terdapat jaringan yang rapat antara sekolah dengan rumah khususnya berkaitan dengan usaha peningkatan pencapaian akademik dan mewujudkan suasana pembelajaran yang unggul.

2.11 Organisasi Pembelajaran

Sebagai organisasi pembelajaran, SMKPS telah merancang aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan ilmu dan pengalaman stafnya. Program perkembangan staf dan sistem penilaian yang bersesuaian telah diwujudkan. Ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada guru-guru meningkatkan ilmu mereka. Siri ‘*in-house training*’ sentiasa dilaksanakan khususnya untuk Guru-guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT). Ini bagi membolehkan mereka menjalankan tugas dengan cara yang betul dan professional.

Apabila ditanyakan sejauhmanakah tuan pengetua berusaha memberikan panduan kepada stafnya?, Cikgu Noriah telah menjelaskan, “Cikgu Hamzah ada ajar buat SWOT. Cik Zinuren pun ada juga. Dia banyak rancangan, menggalakkan gunakan *power point*. Saya suka yang muda sebab lebih agresif. Lebih suka yang lebih challenge, semangat tu lainlah. Semua benda nak cepat buat kita aktif semula cergas balikhlah. Terbuka balik minda bila ada orang cergas”. Bagi Cikgu Siti Azam, “sama saja yang muda dan lama”. Walau bagaimanapun mereka bersetuju dan menyatakan, “saya rasa mereka ada keistimewaan masing-masinglah.

Bagi meningkatkan lagi pengetahuan para guru, penceramah-penceramah jemputan yang sesuai sentiasa dijemput untuk memberikan ceramah atau kursus. Dengan ini para guru sentiasa memperoleh ilmu yang terkini. Kadangkadang mereka yang membantu sekolah ini adalah terdiri daripada golongan profesional yang menjadi rakan strategik kepada sekolah.



‘Guru Cemerlang, Pelajar Gemilang’ sebagai Usaha Merealisasi Organisasi Pembelajaran

3.0 Penutup

Kekuatan sekolah ini sehingga menjadi sekolah yang boleh dijadikan tanda aras adalah terletak di bahu para pengetuanya. Semua pengetua telah memainkan peranan tersendiri untuk kemajuan dan keberkesanan sekolah. Daripada sekolah yang ‘tiada apa-apa’ kepada sekolah yang boleh dijadikan tanda aras dalam tempoh 23 tahun adalah sesuatu yang agak menakjubkan. Visi dan misi organisasi yang jelas, dikongsi serta dihayati bersama telah memandu sekolah di atas landasan yang betul.



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SULTANAH ENSKU TUN AMINAH (SETA), JOHOR BAHRU

1.0 Pengenalan

1.1 Latar Belakang Sekolah



Imbasan pertama pelawat yang sampai ke pintu SETA.

Sekolah ini telah ditubuhkan pada 4 Januari 1970 dan dikenali ketika itu sebagai Sekolah Menengah Rendah Perempuan Sultan Ibrahim II. Sekolah ini beroperasi selama lima bulan di Maktab Sultan Abu Bakar. Pada tahun 1977 nama sekolah ini telah ditukar kepada Sekolah Menengah Sultanah Engku Tun Aminah (SETA) sempena nama bekas DYMM Sultanah Johor. SETA merupakan sebuah sekolah perempuan harian biasa (bukan sekolah premier) dengan kemasukan pelajar dari latar belakang pelbagai peringkat sosio ekonomi dan pencapaian akademik. Walaupun begitu sekolah ini menjadi pilihan dan rebutan pelajar yang berpeluang memasuki sekolah premier atas beberapa sebab budaya positif.

SETA kini telah berkembang dari segi fizikal dan kemudahan yang disediakan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Antaranya SETA memiliki enam blok bangunan yang mengandungi sembilan buah makmal sains, 28 bilik darjah, pusat sumber digital maklumat, pusat sumber, perpustakaan, bilik *Self Access Learning* (SAL), bilik ekonomi rumah tangga (ERT), makmal teknologi maklumat, dua buah bengkel ERT, sebuah surau, bilik wawasan, bilik pendidikan seni, bilik kaunseling, bilik koperasi, dewan, stor sukan dan tempat menunggu bas.

Warga SETA berazam untuk terus berkembang dengan menyediakan pelbagai kemudahan iaitu:

- Mewujudkan rangkaian IT ke arah 'e-School'
- Menyediakan berbagai kemudahan untuk menggalakkan penyertaan 100% pelajar SETA dalam sukan

Sekolah ini telah memenangi hadiah Anugerah 3K pada tahun 1999 dan Anugerah Kualiti Menteri Pendidikan tempat kedua pada tahun 2002 ketika di bawah kepimpinan seorang pengetua yang kini telah bersara iaitu Puan Hj Kamisah bt Mohd Hassan pada April 2003. Laporan ini merupakan imbasan kembali aktiviti yang telah dimulakan ketika era beliau dan kini menjadi amalan budaya cemerlang yang diwarisi dan kelihatan diteruskan.

Bilangan pelajar pada 12 Februari 2004 berjumlah 1558 orang dengan 842 pelajar Melayu, 515 pelajar Cina dan 198 pelajar India. Bilangan guru siswazah adalah 67 orang dengan 14 orang guru bukan siswazah dan 12 orang staf sokongan. Pengetua pada Fasa I kajian ini ialah Puan Hajah Zarinah binti Mohd. Khir (Ogos 2003 - 15 Januari 2004) dan pada Fasa II & III pengetuanya ialah Puan Hajah Amnah binti Mohamed (16 Januari 2004 hingga sekarang). Walaupun pengetua yang dikaji telah bersara dan pengetua baru silih berganti, aktiviti-aktiviti terbilang yang dihargai, dibudayakan dan dilaporkan di bawah. Antara keistimewaan SETA yang menarik, walaupun pada imbasan pandangan pertama ialah nama jolokannya "Sekolah Dalam Taman".

Keistimewaan kedua ialah "Program Pengantarabangsaan"nya. Selanjutnya sekolah juga menjalin hubungan baik dengan bekas gurunya (warga luar) yang mereka panggil "Friends of SETA" dan akhirnya SETA terkenal dengan kehebatannya mengurus jamuan yang digelar "Pakej Jamuan SETA".

Ekoran nama baik SETA yang telah terpacat, warga sekolah ini berusaha untuk terus mengekalkan kedudukannya menerajui kecemerlangan.

Laporan ini adalah berdasarkan kajian yang dibuat ke atas SETA sebanyak tiga kali iaitu: 5 hingga 9 Januari; 24 hingga 27 Februari dan 26 hingga 28 Julai 2004. Kaedah kajian adalah melalui temu bual dengan pengetua, ketiga-tiga guru penolong kanan, penyelia petang, ketua bidang, guru-guru, ketua pengawas, dan beberapa pelajar semakan dokumen pemerhatian umum dan pencerapan dalam bilik darjah. Hasil dapatan kajian diperjelaskan di bawah sebagai ciri-ciri kecemerlangan sekolah ini. Rangka kecemerlangan ini adalah selari dengan sebelas faktor yang dikemukakan oleh Peter Mortimore dalam kajian beliau berkaitan faktor-faktor kecemerlangan sekolah.



2.0 Ciri-ciri Sekolah Berkesan

2.1 Kepimpinan Profesional

Sebagai seorang pengetua yang berwawasan, pengetua yang dikaji telah berjaya menjadikan diri beliau sendiri individu contoh yang cemerlang, yang boleh diteladani, dihormati, disegani, serta pemimpin-pembimbing yang juga sangat disayangi. Setiap hari beliau merupakan orang pertama yang sampai di sekolah. Peserta program pengantarabangsaan ke Jepun melaporkan bahawa pengetualah orang utama menjayakan contoh masakan tempatan (masak roti canai), dan beliau mewakili rombongan dalam pertandingan menyusun bunga Ikebana.

Ketegasan beliau yang ingin melihat warga SETA selangkah terhadap dapat beliau buktikan. Beliau telah memulakan perancangan terperinci seperti dibuktikan dalam buku Program Pelan Strategik dan Taktikal 2003-2007) SETA. Lanjutan dari buku perancangan lima tahun ini warga SETA dapat menghasilkan lima buku Program Pelan Strategik Dan Taktikal: Pelan Tindakan 2004:

- Pengurusan dan Pentadbiran
- Kurikulum
- Kokurikulum
- Hal Ehwal Murid
- Pembangunan Sumber Manusia

Beliau suka membangkitkan kesedaran bidang-bidang yang boleh seseorang individu beri sumbangan. Mereka tidak merasakan yang mereka dikerah atau diarah. Pendapat dan cadangan mereka diminta dan dengan itu staf mahupun pelajar merasakan seolah-olah *initiation* datang dari keinginan sendiri tetapi disertai dengan sokongan padu pengetua. Ringkasnya beliau ialah penggerak yang menyokong pelbagai sumbangan perubahan, pelaksanaan idea baru. Guru dapat rasakan yang mereka boleh menyumbang. Perubahan yang mereka ingin bawa dihargai dan menyumbang kepada perjalanan kemajuan dan pembangunan warga dan institusi. Guru-guru yang berminat berusaha memikirkan bagaimana merealisasikan ide baru. Pengetua menekankan 'Orang atau institusi yang berjaya mesti sentiasa selangkah di hadapan'. Kepimpinan yang dilaksanakan melibatkan tindakan proaktif, serta penurunan atau perkongsian kuasa. Menurut Ketua Bidang, pengetualah yang menggerakkan guru ke arah Pensijilan ISO 9000 dan IT dengan menjemput pegawai dari Jabatan dan membawa guru-guru melawat pusat sumber UTM yang telah mendapat sijil ISO.

Sebagai contoh, guru yang berminat dengan IT disokong mengusahakan cara melaksanakan penulisan rancangan dan rekod mengajar secara elektronik (e-buku rekod). SETA telah dengan cara sendiri dapat melaksanakan buku e-rekod mengajar. Guru-guru diberi latihan dalaman cara menyediakan rekod rancangan mengajar mereka secara elektronik. Seterusnya, mulai 2002 sebuah bilik IT atau Pusat Sumber Digital Maklumat telah dilengkapi dengan lebih kurang sepuluh buah komputer untuk kegunaan guru menyediakan e-buku rekod. Pengetua, pada fasa terakhir menunjukkan cara beliau menyemak dan menandatangani rancangan dan rekod mengajar guru kepada penyelidik, melalui skrin komputer dalam pejabatnya. Kebaikan kaedah ini jelas iaitu pengetua dapat memantau pada bila-bila masa buku rekod mengajar mana-mana guru secara elektronik tanpa dibebani keperluan menghubungi guru tertentu, meminta buku rekod dan boleh membuka, mencari mana-mana halaman yang difikirkan relevan.

2.2 Perkongsian Wawasan dan Matlamat

Hampir semua warga SETA menghayati visi “SETA Unggul dalam Semua Aspek”. Konsep 8K Untuk Keunggulan yang telah dibina adalah:

- Kesselesaian, Keceriaan, Keselamatan
- Kesempurnaan, Kelengkapan dan Kemudahan
- Kekentalan Intelek
- Kecerdasan Kokurikulum
- Kecelikan dan Kecanggihan IT
- Kebajikan Pelajar
- Keterampilan Peribadi dan Sahsia
- Keukhwahan warga SETA.

Misi SETA ialah “Mendidik pelajar dengan penuh komitmen dan memastikan semua pelajar diberi perhatian untuk berkembang mengikut potensi masing-masing supaya mereka menjadi insan yang seimbang dari segi JERI berlandaskan Rukun Negara”.

Matlamat sekolah adalah untuk melahirkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi ilmu sahsiah, perkembangan jasmani dan emosi dan mempunyai daya saing yang kukuh.

Objektif Kualiti SETA ialah untuk menempatkan SMK SETA sebagai sekolah yang unggul lagi bestari dalam masyarakat daerah Johor Bahru melalui kejayaan yang dicapai dalam:



- Pencapaian keputusan peperiksaan:
SPM : 96.91% (2002) 97.11% (2003)
PMR : 86.7% (2002) 83.1 % (2003)
- Memperolehi sekurang-kurangnya 3 tempat pertama dalam setiap pertandingan.
- Setiap pelajar terlibat secara aktif dalam aktiviti kokurikulum dan mencapai sekurang-kurangnya 90% kehadiran
- Amalan disiplin yang tinggi ke arah 'Zero Defect'.

Objektif di atas adalah berlandaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan menanam semangat '*To Strive Beyond Excellence*'.

Budaya SETA diringkaskan dalam falsafah "Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung" berasaskan ciri-ciri berikut: Bersatu padu, berpasukan; Selamat, Indah selesa; Kekeluargaan; dan Ilmu. Ibarat peribahasa "Alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan", warga SETA dilatih supaya menghasilkan yang terbaik. Dengan ini strategi ke arah pembentukan budaya dan iklim SETA, warga SETA mengamalkan :

- Budaya kerja berpasukan
- Budaya penyelenggaraan
- Buang sampah waktu ke-8
- Gotong royong
- Kawalan pintu masuk sekolah

Dengan bersemangat usaha telah dapat diteruskan oleh staf yang berkepimpinan.

Guru Penolong Kanan Kokurikulum SETA menjelaskan, 'Pengetua ialah seorang pendengar yang BAIK dan selalu menasihati kami semua supaya banyak bersabar'. Dengan bangga mereka bekerja sepasukan. Sebagaimana pengetua telah membimbing mereka, mereka sekarang meneruskan amalan, staf kanan dengan sukarela memberikan bimbingan dan menjadi mentor kepada staf yang baru. Buktinya beberapa guru dilaporkan tidak mahu menukar sekolah atau tempat kerja, walaupun mereka telah berpindah rumah ke kawasan yang agak jauh dari sekolah.



2.3 Suasana Pembelajaran yang Unggul

Kedudukan sekolah yang jauh dari jalan utama menghasilkan suasana aman. SETA diusahakan menjadi sebuah sekolah dalam sebuah taman yang indah. Warga SETA kelihatan menghayati semua ini dan naluri *Love for nature* terus dipupuk. Berikutan ini suasana kantin sekolah SETA juga telah ‘dinaikkan taraf’ iaitu meja makan murid dan guru ditukar kepada jenis bulat beserta kerusi dengan gantungan tanaman dalam pasu “ala cafetaria”. Ramai yang rasa sayang, suka dan menghargai institusi yang dapat menghidupkan warga dan persekitaran yang selesa dan kondusif untuk menyumbang kepada kemajuan pelajar mahupun diri sendiri.

Hasil lawatan ke Jepun, pelajar memilih untuk meniru cara amalan Jepun iaitu kelas tanpa kasut dengan penggunaan selipar di dalam kelas. Sebagai permulaan beberapa kelas dilengkapi dengan jubin supaya amalan penggunaan selipar dalam kelas dilaksanakan. “Locker” pula disediakan untuk keselesaan dan kemudahan murid. Suasana kelas yang bersih, selesa dan persekitaran malar hijau yang segar amat kondusif untuk pelajar memberikan tumpuan kepada pelajaran.

Berkaitan pusat sumber sekolah, pengetua yang dikaji telah membuat penyelidikan mengapa pusat sumber kurang dikunjungi. Hasilnya beliau berusaha membina jambatan supaya pelajar tidak payah turun dan naik tangga ke pusat sumber. Laluan mudah ini menyambung terus kaki lima tingkat bawah belakang blok A dengan pusat sumber di tingkat satu blok D. Ini telah dapat menambah kadar penggunaan pusat sumber.

Kemudahan untuk belajar dan mencari ilmu disediakan dengan kelengkapan Pusat Sumber, pondok-pondok perbincangan dan bilik SAL (Self Access Learning) yang selesa. Bilik SAL ini dilengkapi dengan meja-meja rendah dan kusyen. Bilik ini mengandungi berbagai modul bahan latihan dalam berbagai bidang mata pelajaran pada tahap kesukaran yang pelbagai. Murid petang yang datang awal menggunakan bilik SAL ini. Penggunaan modul bahan latihan dan bahan pembelajaran yang lain dengan komputer, di bilik SAL, boleh menyumbang markah tambahan kepada penilaian pertengahan dan akhir tahun. Cara ini menyedarkan murid bahawa mereka mampu dan bertanggungjawab berusaha untuk pencapaian kefahaman pembelajaran sendiri.

2.4 Penumpuan kepada Pengajaran dan Pembelajaran

Sekolah ini istimewa dalam penekanan dan komitmen guru yang mahu pelajar mencapai kecemerlangan dalam pelajaran. Minggu pertama persekolahan, ketika menjalankan kajian ini, menyaksikan perjalanan sekolah lancar dan teratur. Setiap hari ada pengawas dan guru yang bertugas memeriksa pelajar di pintu masuk sekolah. Setiap pelajar diperiksa untuk dipastikan mereka masuk sekolah mengikut peraturan sekolah tanpa memakai atau membawa barang yang tidak dibenarkan. Tingkatan 3 dan 5 memulakan sesi pengajaran pembelajaran pada minggu pertama itu. Murid tingkatan 4 sesi pagi

menghadiri sesi orientasi untuk membantu mereka membuat pemilihan gabungan mata pelajaran yang sesuai dengan minat dan kemampuan mereka terus ke arah kerjaya masa depan. Murid tingkatan 1 sesi petang juga menghadiri sesi orientasi untuk mengenalkan mereka kepada tuntutan sekolah menengah serta amalan dan budaya SETA yang unggul.

Lawatan kedua dan ketiga ke SETA kami dapati amalan kawalan disiplin dan pemeriksaan ketat masuk ke sekolah masih terus dilaksanakan. Guru Penolong Kanan HEM dan guru disiplin dengan guru kaunseling memantau dengan rapi kehadiran pelajar dan akan berjumpa dengan ibu bapa jika murid kerap ponteng. Amalan ini menjadikan SETA sebuah sekolah yang mempunyai kehadiran pelajar yang memuaskan dengan kes ponteng sekolah yang menuju ke arah *'zero defect'*.

SETA telah lama mengamalkan program meningkatkan pencapaian pelajar dalam pembelajaran mereka. Bukti perancangan ini boleh didapati dari salah satu dari lima buku Program Pelan Strategi dan Taktikal, iaitu buku khususnya buku Pelan Tindakan 2004 Kurikulum. Program Julang yang telah dan sedang diamalkan mengandungi perancangan teliti untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti pencapaian pelajar. Ini sebenarnya ialah pelaksanaan program-program seperti yang diperjelaskan di bawah:

- 2.4.1 Kelas Bimbingan: Pelajar Tingkatan 3 dan 5 dimaklumkan awal bahawa Kelas Tambahan akan dirancang supaya mereka dapat membuat perancangan bersesuaian dengan program sekolah. Kelas tambahan dirancang bermula awal pada bulan Mac iaitu selepas hari sukan tahunan (akhir Februari), pelajar kelas tingkatan 3 dan 5 mengikuti tambahan masa dua waktu. Lawatan kami yang terakhir mendapati kelas tambahan ini telah bermula pada bulan April dan berterusan hingga kini.

Bilangan waktu belajar sehari di sekolah menengah biasanya lapan waktu yang panjangnya setiap waktu ialah 40 minit. Di sekolah ini mereka telah merancang menjalankan kelas tambahan untuk tingkatan 3 dan tingkatan 5 selepas waktu makan tengah hari dengan waktu ke-9 dan ke-10. Kelas tambahan dijalankan kerana guru komited mahu pelajar berjaya.

Setiap minggu salah satu tingkatan (sama ada tingkatan 3 atau 5) akan mengadakan kelas tambahannya secara bergilir-gilir, iaitu selang seminggu untuk sesuatu tingkatan. Ini ialah satu usaha membantu pencapaian murid-murid kelas yang akan menghadapi peperiksaan awam. Guru sekolah ini merasa puas bila pelajar mereka berjaya dan ini sahajalah ganjaran yang mereka terima bekerja lebih masa.



Mulai tahun ini SETA telah menawarkan mata pelajaran Matematik Tambahan kepada sebuah lagi kelas Sains. Untuk meningkatkan pencapaian mata pelajaran ini guru kanannya telah mencipta sistem ulangkaji latih tubi berkumpulan yang unik. Pelajar-pelajar dibahagi supaya mereka dari kelas yang terbaik bercampur dengan pelajar kelas lain. Mereka dibahagi kepada kumpulan berempat dan berusaha menerangkan jawapan kepada ahli lain secara giliran.

- 2.4.2 Program kecemerlangan/ MELOR: Tumpuan kepada pelajar yang harus mendapat semua A - untuk meningkatkan kualiti keputusan.

Program ini yang memberi tumpuan khas kepada kelas tingkatan 5 dan 3 yang pandai untuk meningkatkan kualiti pencapaian murid. Guru-guru menyediakan bahan latihan untuk murid di bilik Melor. Strategi yang diamalkan dalam program ini adalah Pembelajaran Akses Kendiri. Murid berpeluang mencuba kertas ujian dari sekolah-sekolah lain melalui BANK SOALAN PEPERIKSAAN yang ada yang diusahakan khas oleh guru SETA menggunakan komputer dan internet. Ini merupakan satu lagi usaha peningkatan kualiti peperiksaan. Semakan dokumen Pelan Tindakan Kurikulum menunjukkan SETA mencapai lebih daripada sasaran kualiti yang dianggarkan.

- 2.4.3 Program Tuisyen Yayasan Al-Bukhary: Untuk meningkatkan kualiti keputusan pelajar Melayu dalam mata pelajaran Sains Tulen dan Matematik Tambahan. Tuisyen ini adalah khas untuk pelajar Melayu dalam tingkatan 4 dan 5 Sains Tulen.

- 2.4.4 Program Tuisyen Kampung: Khas untuk tingkatan 5 sastera dan kemanusiaan untuk mata pelajaran sains. Usaha Yayasan Johor membantu pelajar Melayu yang perlu kelas tambahan.

- 2.4.5 Program GALUS dan Latih tubi Intensif: Menumpu kepada pelajar yang berkedudukan *borderline* antara gagal dan lulus - untuk meningkatkan peratusan lulus (kuantiti).

Program GALUS ini merupakan satu usaha pihak sekolah meningkatkan peratusan kuantiti kelulusan dalam peperiksaan. Program ini membantu pelajar yang mungkin gagal untuk lulus.

- 2.4.6 Program Kecemerlangan Selepas Peperiksaan Percubaan: Pelajar mencuba kertas peperiksaan MRSM dalam suasana serius.

- 2.4.7 Program Intervensi Bahasa Melayu: Program untuk pelajar tingkatan satu dan dua untuk menguasai kemahiran lisan, bacaan dan tulisan mengikut tahap kecerdasan pelajar tingkatan satu dan dua.

- 2.4.8 Seminar PMR/ SPM dan Motivasi: Seminar Teknik Menjawab Soalan (PMR/SPM) dan Kursus Motivasi untuk kelas tingkatan tiga dan lima. Program ini dilaksanakan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling dan Ketua-ketua Panitia Mata pelajaran dengan menjemput penceramah undangan.
- 2.4.9 Pemantauan dan Pencerapan: Pentadbir dan guru kanan/ ketua bidang menyemak buku latihan dan membuat pencerapan pada dua tahap; iaitu oleh 1) pentadbir dibantu oleh guru DG48 dan 2) guru lain yang juga mengajar mata pelajaran dan tingkatan yang sama iaitu Pencerapan Intim (*Peer Observation*) guru mengikut jadual. Dalam program ini mereka mencerap dan memberi maklumbalas kepada guru berkenaan dan pentadbir.

2.5 Pengajaran yang Mempunyai Hala Tuju yang Jelas

Guru amat komited dan rajin dalam pengajaran ke arah kecemerlangan walaupun sebahagian besar pelajar di sekolah bukan pelajar yang dapat keputusan yang baik dalam UPSR. Atas tumpuan kepada pengajaran dan kelas tambahan didapati keputusan telah bertambah baik dan meningkat dalam PMR dan SPM dalam kedua-dua aspek kualiti dan kuantiti. Guru menyediakan modul untuk pelajar yang ingin mencuba tahap latihan yang lebih tinggi pada masa lepas waktu sekolah dan rela memberi penjelasan dan tunjuk ajar bila-bila masa pelajar mohon bantuan.

Guru di sekolah ini tidak terus pulang selepas bunyi loceng terakhir tetapi rela memberi kelas tambahan tanpa apa-apa ganjaran dan kelihatan ada yang balik lepas pukul 3.30 petang. Mereka berjaya mencapai satu tahap profesionalisme yang tinggi. Inilah faktor yang menjadikan sekolah ini unggul.

2.6 Pengharapan yang Tinggi

Pengetua memberikan peluang latihan kepimpinan bukan sahaja kepada guru dan staf malah kepada murid juga. Latihan kepimpinan pelajar dilaksanakan secara berterusan. Pemimpin murid seperti pengawas, wakil tingkatan, ketua kelas; berpeluang menghadiri khemah, kursus dan bengkel kepimpinan dan mereka selalu berkumpul dan bermesyuarat untuk kelancaran bantuan mereka dalam pengendalian, pengawasan tingkatan dan pelajar sekolah. Murid dilatih supaya berupaya menunjukkan kemampuan mereka memimpin. Ketika mesyuarat guru-guru pengawas bertugas mengawas dan menjaga disiplin kelas.

Perwakilan pelajar ada dalam berbagai jawatankuasa pengelolaan. Satu contoh yang indah, wakil pelajar dalam Jawatankuasa Kantin membuat bancian dari kalangan pelajar dan menyuarakan keputusan pelajar tidak berpuashati dengan makanan yang disediakan. Berdasarkan maklumat kajian pelajar, khidmat pembekal kantin tersebut telah ditamatkan. Jelasnya pelajar ada saluran bersuara dan pendapat mereka diberi perhatian. Pelajar dirujuk ketika memilih warna jubin untuk tandas pelajar.

2.6.1 Program Pengantarabangsaan

Keistimewaan Program Pengantarabangsaan ini ialah ianya sangat unik. Pada mulanya SETA menyahut cabaran menjadi tuan rumah kepada serombongan pelajar dari *Takarazuka Kita Senior High School*, Osaka, Jepun. Berikutan itu, pada tahun 2000, mereka telah mempelawa 27 pelajar SETA termasuk guru-guru dan pengetua ke Jepun. Sekarang ini SETA dan sekolah Jepun itu telah menjadi sekolah kembar, dan mereka telah melawat SETA sekali lagi pada tahun 2002 ketika dalam perjalanan ke Australia. Pada tahun ini mereka telah datang lagi ke SETA bagi mengeratkan perhubungan yang telah sedia terjalin. Seramai 15 orang pelajar bersama tiga orang guru telah datang pada 22 Julai 2004. Mereka melahirkan harapan ingin menginap (*Home-stay*) pada tahun depan, tahun 2005. Hingga kini pasukan warga SETA telah ke Australia, New Zealand dan Thailand.

Kejayaan program pertama itu telah membuka minda warga SETA. Program pengantarabangsaan ini telah menjadi satu tarikan untuk pelajar yang pandai menerima bertanggungjawab sebagai pengawas dan sanggup memainkan peranan sama-sama memimpin sekolah. Sebagai pengawas mereka berpeluang mengikuti program ini melawat negara luar. Dengan adanya program ini sekolah tidak lagi menghadapi masalah memilih pengawas dari kalangan mereka yang pandai dan baik.

Setiap rombongan SETA yang akan ke luar negara memerlukan perancangan dan persediaan yang rapi. Mereka perlu berusaha bersungguh-sungguh mencari dana yang cukup dan berkeyakinan mempersembahkan kebudayaan Malaysia. Usahasama pelajar dan guru melalui berbagai aktiviti menjalin kesefahaman dan hubungan erat antara mereka.

Program pengantarabangsaan mempunyai impak menjadikan warga SETA iaitu pelajar dan gurunya berfikiran lebih terbuka. Program ini juga memperkayakan pandangan dan pengalaman mereka. Mereka bertanggung-jawab berkongsi ilmu dan pengalaman dengan warga sekolah apabila mereka kembali ke sekolah.

Kesimpulannya, program ini menjadi satu kebanggaan SETA dan patut diteruskan sebagai tradisi sekolah.

2.6.2 Graduation Day

“Sejambak Kasih Serungkai Budi” untuk pelajar tingkatan lima dimulakan oleh pengetua yang dikaji sebagai tanda penghargaan kepada pelajar tahun akhir. Program ini diurus oleh pelajar tingkatan empat. Setiap pelajar tahun akhir itu dilayan umpama tetamu di Hotel bertaraf 5 Bintang pada minggu terakhir

persekolahan, sebelum mereka menduduki peperiksaan SPM. Setiap pelajar mendapat tanda penghargaan dari guru-guru mereka. Program ini juga telah dijadikan budaya kenangan manis.

2.6.3 Majlis Anugerah Cemerlang

SETA juga mengadakan Majlis Anugerah Cemerlang tahunannya untuk memberi penghargaan kepada warga sekolah yang telah menunjukkan kecemerlangan sama ada dalam bidang kurikulum mahupun kokurikulum. Ini merupakan pengiktirafan yang akan dapat meningkatkan semangat juang warga sekolah.

2.7 Penghargaan yang Tinggi kepada Staf

Pemimpin sekolah ini prihatin dan komited kepada kerja dan kebajikan staf sekolah. Beliau prihatin dan warga institusi merasakan beliau kenali mereka secara peribadi. Mereka selalu dikejutkan dengan kad hari jadi yang agak personal, dibuat sendiri, dengan ucapan penghargaan yang memberangsang dan menyentuh hati yang tidak ternilai bagi warga organisasi. Ini menyumbang kepada minat dan rasa sayang staf kepada tempat, rakan kerja dan kesediaan berbakti kepada SETA.

Pengetua ini mengambil berat tentang kemajuan dan perkembangan staf. Program lawatan sambil belajar dalam dan luar negara juga dirancang dan dilaksanakan untuk staf dan guru. Lawatan ke SMK Seri Bintang Utara ialah satu lagi contoh lawatan untuk melihat dan mempelajari perjalanan sebuah Program Sekolah Bestari. Program pengantara-bangsaan juga memberi peluang pendedahan kepada guru pengiring SETA.

Staf SETA rasa hormat dan sayang kepada pimpinan pengetua yang membuat mereka rasa dihargai dan yakin beliau sentiasa menyokong usaha mereka. Mereka menghayati nasihat beliau “Apabila membuat sesuatu, buatlah yang terbaik”.

2.8 Pengukuhan yang positif

IT: Sekolah ini berada satu langkah ke hadapan dalam usaha menghasilkan pelajar dan staf celik IT. Guru yang berminat menerajui melaksanakan perubahan menjadikan sekolah ini sekolah bestari dengan melaksanakan buku rekod mengajar elektronik (*e-record book*) atas usaha sendiri. Buku e-rekod kini menjadi amalan yang diteruskan oleh pengetua sekarang. Sekolah menyediakan kemudahan melayari maklumat di mana-mana sahaja dalam sekolah.

Semua komputer dijangkau dan terdapat sebuah pusat sumber digital dengan sepuluh buah komputer yang guru boleh gunakan untuk menyediakan perancangan rekod mengajar secara elektronik.



2.8.1 Koperasi

Pengetua selalu berbincang dan mencabar gurunya untuk menghasilkan sesuatu yang lebih cemerlang. Satu lagi contoh berkaitan ini seorang guru koperasi telah dicabar meningkatkan prestasi koperasi. Guru ini memberitahu bahawa pengetua selalu bertanya mengapa keuntungan koperasi terlalu rendah. Guru ini rasa seolah-olah dicabar dan jawatankuasa koperasi sekolah telah merancang dan berusaha sehingga menunjukkan keuntungan yang memuaskan dalam masa yang singkat. Seterusnya keuntungan koperasi telah dapat membantu membayar yuran peperiksaan pelajar yang miskin.

2.8.2 Pengantarabangsaan

Seorang guru menyatakan bahawa beliau telah rasa tercabar untuk mengumpul dana melebihi RM100,000 bagi menjayakan program ini walaupun sekolah belum ada pengalaman dalam hal tersebut. Pengetua mencadangkan cara tetapi guru tersebut bersama-sama guru lain dan pelajar terpaksa berusaha dan mereka telah membuktikan kemampuan mereka menjadikan program ini satu kenyataan.

2.9 Pemantauan Kemajuan

Pengetua mengikuti perkembangan semua aktiviti sekolah baik kurikulum atau kokurikulum. Beliau turun padang dan ada bersama-sama guru dan pelajar hampir dalam semua hal. Beliau selalu memberikan sokongan moral serta sentiasa memantau perjalanan program di sekolah dan di peringkat daerah. Ini semua dijalankan dengan sokongan dan kerjasama guru-guru penolong kanan dan ketua bidang. Guru-guru diberi tanggungjawab dan kepercayaan. Pemantauan rapi dalam semua aspek ini merupakan sokongan pengetua yang mengambil berat dan sentiasa berada bersama-sama untuk meningkatkan prestasi dan kemajuan pelajar. Beliau peka dan kerap melengkapkan apa-apa yang kurang dengan sumbangan peribadi dari rumah beliau jika perlu. Pengetua sekarang juga meneruskan pemantauan pelaksanaan semua program-program yang telah dirancang.

2.10 Hak dan Tanggungjawab Murid

Sekolah mengadakan pelbagai program motivasi dan kursus kepimpinan untuk pemimpin pelajar. Kursus kepimpinan dalaman dilaksanakan untuk ketua kelas, ketua tingkatan, pengawas dan ketua pengawas, memupuk semangat Berbakti Untuk Sekolah dan Masyarakat. Pasukan pengawas dibahagi kepada lapan kumpulan dan setiap kumpulan merancang sumbangan bakti yang mereka dapat laksanakan. Sebagai contoh ada yang membersihkan bilik guru, yang lain mengindahkan taman sekolah, ada yang mengusahakan laman web, dan sekumpulan pengawas kanan pagi menyumbang bakti membimbing pengawas petang menjalankan perhimpunan dan mengawal disiplin pelajar

ketika waktu rehat. Pemimpin murid bertanggungjawab mengawal disiplin ketika guru bermesyuarat. Pelajar pula bermotivasi membuat ulangkaji dan set tugas dan latihan yang diberi mengikut jadual. Cara SETA melatih pelajarnya memikul tanggungjawab terbukti berkesan.

Guru Bimbingan dan Kaunseling juga memainkan peranan penting dalam membantu pelajar yang memerlukan bimbingan. Program PINTAS ialah program dimana pelajar yang dikenal pasti sebagai memerlukan bimbingan diberikan seorang mentor (guru) yang mendampingi dan mengikuti kemajuan kelakuan pelajar tersebut. Program ini adalah dibawah penyelarasan guru bimbingan dan kaunseling.

Dari segi disiplin sekolah ini menjaga disiplin murid dengan rapi. Setiap pagi pengawas dan guru bertugas menyemak atau menyaring setiap pelajar yang masuk pintu sekolah. Peraturan sekolah dipatuhi oleh semua pelajar dan oleh itu sekolah ini tidak ada kes disiplin yang berat. Ramai ibu bapa memilih untuk memasukkan anak mereka ke sekolah ini kerana sekolah ini terkenal dengan amalan disiplin yang tinggi.

2.11 Permuafakatan Sekolah - Komuniti

Pengetua yang dikaji memainkan peranan berkesan menjaga hubungan erat dengan ibu bapa pelajar. Sebagai contoh apabila seorang bapa datang dalam keadaan marah-marah beliau dengar dan membiarkan luahan hati sehabisnya sehingga bapa itu menalipon dua hari kemudian meminta maaf atas kekasaran yang lepas. Matlamat pengetua ialah supaya ibu bapa berpuashati dan tahu pihak sekolah mengambil berat tentang pelajarnya.

Hasilnya sekolah SETA mempunyai permuafakatan yang baik dengan keluarga pelajar melalui PIBG. PIBG memberi sokongan dan sumbangan kewangan untuk aktiviti sekolah seperti kursus pengawas, seminar peperiksaan bagi pelajar tingkatan 3 dan 5, program di bawah Unit Bimbingan dan Kaunseling, dan uniform pengawas sesi petang, program keceriaan sekolah. PIBG juga menganjurkan Majlis Ramah Mesra di Flat Larkin.

Keistimewaan SETA ialah dia berjaya menghubungi bekas guru SETA yang telah bersara dan mereka dikenali sebagai "*Friends of SETA*". Ini merupakan satu pengiktirafan bila dihubungi dan dipanggil untuk terus membantu sekolah semasa sekolah memerlukan bantuan. Contohnya seorang guru yang telah bersara rela datang balik mengajar kelas sains apabila sekolah lambat mendapat guru untuk menggantikan tempat beliau.

Permuafakatan dan hubungan pengetua dengan masyarakat luar amat baik. Seorang guru maklumkan bahawa kerusi *banquet* di atas pentas adalah sumbangan dari hotel. Kerja pembangunan seperti tandas dan jubin kelas dijalankan dengan kos yang minima kerana kontraktor ada anak buahnya di sekolah itu. Komputer dalam bilik makmal komputer ialah sumbangan dari sebuah syarikat di Singapura. Sekolah hanya perlu menguruskan pengangkutan dan mendapatkan kelulusan Jabatan Kastam. Ini semuanya kerana hubungan yang erat pengetua dengan masyarakat setempat.

2.12 Organisasi Pembelajaran

Pengetua selalu ingin memupuk semangat mahu terkehadapan dalam ilmu dan amalan yang terkini. Contohnya usaha ke arah Sekolah Bestari dengan e-Buku Rekod walaupun sekolah ini bukan sekolah premier atau Sekolah Bestari. Semua guru diajar komputer dan melalui program perkembangan staf.

Pelajar juga digalakkan belajar sama ada dalam atau di luar masa kelas. Dengan adanya bilik SAL dan program Melor pelajar SETA dibiasakan berusaha sendiri ke arah kecemerlangan. Masa cuti sekolah pelajar diberi tugasan/ kerja rumah supaya mereka tidak mengabaikan pelajaran mereka. Guru memanjangkan sikap penyayang pengetua dan mereka digalakkan kerap membawa murid untuk lawatan sambil belajar. Contohnya pada tahun ini kelab sains telah membawa sekumpulan melawat pameran *Bodyworks* di Singapura dan sekumpulan pengawas pula telah ke Sabah.

3.0 Penutup

Dalam kajian ini penglibatan pengetua, pengetua sebagai contoh Kepimpinan Melalui Teladan dan pengetua sebagai orang yang serba boleh - boleh dibawa ke tengah dan boleh juga membuat kerja lasak bersama-sama pekerja atau pelajar, merupakan antara ciri-ciri penting kepimpinan yang membawa sekolah ke arah kecemerlangan.

Kekuatan sekolah yang dikaji, SETA ialah sekolah ini mempunyai wawasan yang dikongsi dan dihayati oleh semua warganya melalui Konsep 8K Untuk Keunggulannya. Keistimewaan sekolah ini ialah Sekolah Dalam Taman, Program Pengantarabangsaan, *Friends of SETA*, dan amalan disiplin yang tinggi ke arah *Zero Defect*. Budaya kerja berpasukan yang diterajui oleh pimpinan profesional, dengan penumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran telah membawa sekolah menerajui kecemerlangan dalam semua aspek. Penghargaan SETA kepada warga dan pelajarnya membangkitkan kebanggaan dan keseronokan semua yang menjadi warganya. Warga SETA berkeyakinan mereka mampu dan berusaha terus selangkah ke hadapan.



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SUNGAI PASIR SUNGAI PETANI, KEDAH.

1.0 Pengenalan

1.1 Latar Belakang Sekolah

Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Pasir terletak di Mukim Sungai Pasir di atas sebidang tanah seluas 20.5 ekar. Jarak sekolah dari pusat bandar Sungai Petani ialah 5 kilometer. Sekolah ini dikategorikan sebagai sekolah luar bandar.

Dibuka pada 1 Januari 1985 di bawah pentadbiran SM Khir Johari II sebagai sekolah cawangan. Berpentadbiran sendiri mulai 1 Januari 1986 tetapi masih menumpang di Sekolah Kebangsaan Sungai Pasir pada sebelah petang. Berpindah ke sekolah baru pada 10 Ogos 1986 yang mempunyai empat blok. Awal penubuhannya diiktiraf sebagai sekolah menengah gred D. Pada tahun 1989 dinaikkan taraf ke gred C dan seterusnya ke gred B pada tahun 1992. Seterusnya pada November 1997, dinaik taraf sebagai sekolah gred A. Perasmiaannya disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri YAB En. Ghafar bin Baba pada 19 Mac 1990.

Pada tahun 2002, SMK Sungai Pasir telah berkembang dengan penambahan satu blok yang dijadikan kelas, satu bangunan makmal komputer dan satu dewan yang dinamakan dewan Sri Gemilang. Infrastruktur-infrstruktur lain seperti gelanggang tenis, bola tampar dan sepak takraw.

2.0 Ciri-ciri Sekolah Berkesan

2.1 Kepimpinan Profesional

Sekolah ini dipimpin oleh Puan Hj. Jariah bt. Md. Saad. Beliau mula berkhidmat sebagai pengetua di sekolah ini sejak lima tahun yang lalu. Beliau menumpukan perhatian penuh dan komited terhadap tugasnya. Banyak masa diberikan untuk memajukan sekolah walaupun di luar waktu kerja. Ini menjadi ikutan secara sukarela di kalangan kakitangan sekolah. Mereka sanggup menghabiskan masa dan tenaga demi kemajuan sekolah. Setiap kerja dan sumbangan staf mendapat perhatian dan penghargaan daripada pihak pengurusan. Ini membolehkan penilaian prestasi dapat dibuat dengan adil dan memuaskan semua pihak. Setiap projek yang hendak dijalankan, dibuat perancangan yang begitu rapi dan setiap staf diberi bimbingan yang cukup jelas ke arah tugas yang akan dilaksanakan.



Beliau begitu peka terhadap pencapaian dan kemajuan murid sama ada dari aspek akademik mahupun sahsiah. Pelbagai projek dan aktiviti diperkenalkan bagi menangani murid-murid yang bermasalah pembelajaran. Misalnya projek Kelas BITARA (Bimbingan Intensif Tahap Rendah Akademik) telah berjaya membantu murid yang begitu lemah dalam pembelajaran ke arah yang lebih baik. Begitu juga kepada murid berpotensi, dipupuk sejak awal lagi supaya ‘mutiara yang digilap akan terus gemerlap’. Melalui pemerhatian kumpulan penyelidik, didapati sejak hari pertama persekolahan, iaitu masa ke-3, murid-murid telah dapat mengikuti pelajaran dengan sempurna tanpa apa-apa gangguan.

Beliau menggalakkan semua warga sekolah mengamalkan budaya ‘Pemburu bukan Penternak’ Ini bermaksud, warga sekolah hendaklah sentiasa proaktif dan mengambil inisiatif ke arah kecemerlangan bukan sekadar menunggu arahan dan mempertahankan budaya yang sedia ada.

Beliau juga mengamalkan prinsip ‘kerjasama sepasukan’ di kalangan staf dan sentiasa menjadi suri teladan kepada orang lain. Beliau sentiasa ‘turun padang’ dan melibatkan diri dalam setiap aktiviti sekolah. Semua staf digalakkan hadir dalam sesuatu aktiviti walaupun sekadar memberi sokongan moral. Di samping itu beliau sentiasa bersedia memberikan bimbingan dan beliau sendiri menjadi pemimpin utama dan tempat rujukan staf dalam membuat sesuatu keputusan.

2.2 Perkongsian Wawasan dan Matlamat

Visi sekolah Kecemerlangan Seimbang dan Keterlibatan Menyeluruh menjelang 2010 diperkenalkan dan dikongsi bersama-sama waris sejak murid memasuki sekolah Tingkatan 1 lagi. Visi ini diterangkan dengan bahasa yang mudah difahami supaya semua waris dan warga sekolah jelas hala tuju dan matlamat yang hendak dicapai. Aktiviti ini dibuat semasa hari pendaftaran ibu bapa dan waris dikumpulkan bersama anak-anak mereka di dalam dewan besar sekolah. Waris dan ibu bapa diterangkan peranan yang sepatutnya mereka mainkan di rumah dan pihak sekolah meminta kerjasama yang sepenuhnya ke arah membina insan murid menjadi orang yang berguna pada masa hadapan.

Visi ini terpampang dengan jelas pada tempat-tempat yang strategik supaya senang dilihat oleh sesiapa sahaja yang masuk ke dalam kawasan sekolah.

Murid-murid dapat menyatakan visi sekolah dengan yakin. Begitu juga guru-guru dan staf sokongan dapat menyatakan hasrat yang hendak dicapai oleh pihak sekolah secara spontan bila ditanya. Guru-guru menunjukkan sikap yang positif dan sentiasa bekerja keras dan bersungguh-sungguh ke arah mencapai cita-cita yang satu yakni melahirkan murid yang berjaya dalam bidang akademik dan menunjukkan keperibadian yang mulia. Pengetua menanamkan sikap positif iaitu bekerja sebagai ibadat dengan niat yang ikhlas.



2.3 Suasana Pembelajaran yang Unggul

Persekitaran sekolah ini nampak ceria dan indah mata memandang. Hiasan diadakan secara sederhana tetapi menampakkan suasana harmoni yang boleh menggalakkan suasana pembelajaran. Sekolah ini mendapat tempat pertama dalam pertandingan keceriaan peringkat Daerah Kuala Muda/Yan kategori sekolah menengah anjuran Pejabat Daerah Sungai Petani pada tahun 2004. Pihak Majalah Pendidik telah membuat penulisan dan penggambaran tentang kecantikan sekolah ini dan menjadi hiasan kulit depan Majalah Pendidik bulan Ogos 2004.

Kelas berjalan lancar dan suasana pembelajaran jelas kelihatan sebab setiap kelas dikendalikan oleh guru secara teratur dan menepati masa. Kelengkapan yang cukup, menggalakkan proses pembelajaran berlaku. Guru memulakan kelas dengan membaca doa terlebih dahulu sebelum memulakan proses pengajaran dan pembelajaran. Gangguan-gangguan seperti pengumuman yang mengganggu masa pengajaran tidak berlaku kerana amalan sekolah menetapkan masa-masa tertentu di luar waktu belajar untuk membuat pengumuman kecuali dalam kes-kes kecemasan. Murid-murid sentiasa dalam suasana belajar. Sikap guru yang mengambil berat murid-murid sama seperti peranan ibu bapa atau waris amat menggalakkan proses pembelajaran. Dalam pemerhatian penyelidikan, guru-guru bersikap adil dan saksama semasa melayani karenah murid-murid di dalam dan di luar bilik darjah. Murid-murid sentiasa mendengar nasihat guru dan ini menjadikan mereka murid berdisiplin dan secara tidak langsung mewujudkan suasana pembelajaran yang unggul.

2.4 Penumpuan kepada Pengajaran dan Pembelajaran

Hasil suasana pembelajaran yang unggul maka sudah tentu guru-guru akan meningkatkan usaha ke arah meningkatkan pencapaian murid. Pelbagai teknik pembelajaran berkesan dipraktikkan. Segala panduan dari pelbagai pihak seperti Pusat Perkembangan Kurikulum, Jabatan Pelajaran Negeri dan Nazir Sekolah cuba dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. Pihak sekolah telah berjaya merakamkan contoh-contoh pengajaran dan pembelajaran yang mengaplikasikan pelbagai kaedah dan teknik mengajar oleh guru-guru dalam bentuk cakera padat (CD) bagi memudahkan guru-guru lain membuat rujukan dan melaksanakannya di kelas masing-masing. Projek ini dilaksanakan oleh panitia mata pelajaran dan berasaskan kepada modul pengajaran dan pembelajaran yang dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum. Contohnya, pembelajaran secara koperatif divideokan dan di pindahkan ke dalam bentuk cakera padat (CD) untuk dikongsi bersama guru-guru lain dan disimpan di Pusat Sumber sebagai rujukan guru.

Pihak pengurusan memberi fokus kepada beberapa kemahiran seperti kemahiran membaca, kemahiran mencari maklumat, kemahiran mengingat, dan kemahiran mencatat nota. Sebagai contoh, guru kelas menyimpan rekod pencapaian kemahiran membaca individu dan guru tersebut dapat menyatakan dengan terperinci di mana kelemahan membaca seseorang murid.



Mereka berkemahiran membuat analisis seterusnya merancang tindakan susulan sebagai pemulihan dalam menangani setiap masalah murid. Pemantauan yang kerap dan berterusan menunjukkan kepekaan kepada pengajaran dan pembelajaran. Setiap kali keputusan ujian atau peperiksaan diumumkan, Jawatankuasa Kurikulum Sekolah akan berbincang dalam panitia mata pelajaran masing-masing bagi menganalisis pencapaian pelajar. Pihak terbabit perlu membuat laporan terperinci dalam bidang masing-masing. Beberapa cadangan penambahbaikan diberi oleh pihak pengurusan bagi memperbaiki keadaan yang masih tidak memuaskan dan pihak berkenaan diberi pengupayaan untuk mengambil tindakan bagi menyelesaikan masalah tersebut.

2.5 Pengajaran yang Mempunyai Hala Tuju yang Jelas

Pihak pengurusan telah mengenal pasti kebolehan dan pencapaian murid secara terperinci. Oleh itu pendekatan berfokus dapat dilaksanakan. Bagi kelas BITARA (Bimbingan Intensif Tahap Akademik Rendah) diberi perhatian khas begitu juga dengan murid-murid lain, sesuai dengan tahap kebolehan dan minat masing-masing. Jadi, murid-murid tidak rasa dibezakan, masing-masing ada potensi tersendiri yang boleh dibangunkan. Oleh itu keadaan ini menimbulkan minat murid untuk datang ke sekolah. Segala dasar baru seperti Dasar 60:40, Dasar Pengajaran Matematik dan Sains dengan menggunakan Bahasa Inggeris dan sebagainya, telah dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh demi kepentingan semua murid.

2.6 Pengharapan yang Tinggi

Pihak sekolah menganggap semua murid ada potensi yang tersendiri yang mesti dibangunkan mengikut potensi masing-masing. Pengharapan yang tinggi diberikan kepada setiap murid. Secara tidak langsung, murid tidak merasa tersisih antara satu sama lain. Murid yang lemah akan menerima perhatian khas melalui kelas BITARA dan yang berpotensi dalam bidang kemahiran hidup akan disalurkan ke bahagian berkenaan. Mereka diberi motivasi oleh guru sekolah itu sendiri dengan memberi semangat agar mereka menggunakan potensi dengan sepenuhnya agar menjadi orang berguna dan dapat memberi sumbangan kepada masyarakat pada masa hadapan. Apa yang lebih penting untuk dibangunkan adalah dari aspek perangai dan budi pekerti yang baik. Contohnya semangat kerja berpasukan, bertanggungjawab, menghormati golongan tua dan sebagainya. Setiap kejayaan diberikan penghargaan dan dirayakan oleh seluruh masyarakat sekolah.

Pengetua juga menyedari kakitangan dan murid adalah berbeza, mempunyai kemahiran dan bakat semula jadi. Oleh itu beliau menggunakan kaedah *pull not force* untuk memenangi hati dan perasaan warga sekolah. Segala arahan yang dikeluarkan dilihat sebagai dorongan dan ransangan.

2.7 Pengukuhan yang Positif

Pihak pengurusan begitu peka kepada seluruh masyarakat sekolah. Setiap guru yang terlibat dalam sesuatu majlis, tidak dilupakan, akan disebut nama mereka di dalam majlis tersebut dan dinyatakan juga dengan jelas peranan mereka. Ini boleh memberi pengukuhan positif kepada setiap orang untuk terus terlibat secara yang lebih aktif dalam sesuatu projek. Begitu juga kepada murid-murid akan sentiasa diberikan bimbingan dan kata-kata semangat daripada guru-guru. Ini mewujudkan suasana selesa dan menggalakkan sesiapa sahaja memberi kerjasama dalam menjayakan sesuatu projek.

Sebagai tanda terima kasih, pengetua mengadakan jamuan makan bersama staf dalam kawasan sekolah pada waktu petang atau pada hari minggu dan, makan bersama keluarga yang ada masa lapang di taman rekreasi sekolah. Murid-murid miskin diberikan bantuan seperti beras hasil sumbangan orang perseorangan kepada pihak sekolah.

2.8 Pemantauan Kemajuan

Kemajuan sekolah sentiasa dipantau bagi kelapan-lapan bidang pengurusan sekolah, iaitu pengurusan kurikulum, pengurusan kokurikulum, pengurusan pentadbiran, pengurusan Hal Ehwal Murid, pengurusan staf, pengurusan kewangan, perhubungan komuniti dan pembangunan fizikal. Tumpuan utama diberi kepada pengurusan kurikulum khusus kepada pencerapan dalam bilik darjah. Sekolah mengamalkan *distributed leadership*. Setiap pengurus diberi tanggungjawab untuk menjalankan kerja-kerja pemantauan secara berkesan, lengkap dengan catatan ke arah penambahbaikan. Pemantauan yang berkesan sentiasa dilaksanakan secara tekal bagi memastikan perjalanan sekolah berjalan lancar dan berkualiti.

Beliau juga sentiasa membuat kawalan berterusan bagi memastikan sekolah berada dalam suasana pengajaran dan pembelajaran. "Management By Walking Around (MBWA)" yang dipraktikkan, begitu berkesan kerana semua staf begitu menghormati beliau dan berasa beliau sentiasa ada bersama-sama guru sepanjang masa. Beliau memperkenalkan sistem NASIRAN (Nasihat, Motivasi dan Amaran) di kalangan kumpulan pihak pengurusan. Setiap hari mereka berjumpa dalam masa yang begitu pendek untuk memastikan perjalanan sekolah berjalan lancar pada hari tersebut. Setiap perjumpaan yang diadakan begitu bermakna kerana ringkas, tepat dan menepati tujuan perjumpaan tersebut. Budaya kerja sepasukan begitu kuat diamalkan kerana tanpa semangat kerja yang tinggi sudah tentu sesebuah organisasi gagal menuju kejayaan cemerlang. Setiap pandangan dan pendapat ahli akan diberi perhatian dan tindakan sewajarnya. Muhasabah diri ke arah penambahbaikan sentiasa digalakkannya. Beliau juga banyak ilmu, sentiasa membaca dan mempraktikkan apa yang diketahuinya. Misalnya, mengikut Peter Drucker, seseorang itu akan berjaya sekiranya dia dapat: "to place the right people with the right skill in the right job, for the right cost, at the right time." Beliau mengamalkan pengurusan berkesan:

“Effectiveness lies in the balance -what I call the P/PC Balance. P stands for ‘production’ of the desired results, the golden eggs. PC stands for ‘production capability’ the ability or asset that produces the golden eggs. In the human area, the P/PC Balance is equally fundamental.”

(Stephen S. Covey - The 7 Habits of Highly Effective People)*

Dalam pembentukan diri ke arah sahsiah dan budi pekerti yang baik, beliau sentiasa memantau dan memberi motivasi agar murid-murid menjadi warganegara yang berguna. Setiap kesalahan yang dilakukan akan cuba dibanteras sejak awal-awal lagi. Ini membantu murid-murid dari segi pembentukan diri yang baik.

2.9 Hak dan Tanggungjawab Murid

Tugas murid ialah menuntut ilmu. Mereka mesti berdisiplin dan beradab dalam menuntut ilmu. Guru-guru mesti dihormati. Semangat dan motivasi sentiasa diberi oleh pihak sekolah agar murid-murid sentiasa mengingati tugas dan tanggungjawab mereka. Dari segi mendisiplinkan diri, murid-murid diminta menepati masa. Sejak hari pertama persekolahan lagi, murid-murid yang lewat datang ke sekolah akan disoal dan diberi amaran supaya perkara itu tidak berulang lagi. Selain itu, segala kerja rumah yang diberi dipastikan seimbang supaya tidak membebankan murid. Satu senarai semak disediakan untuk memastikan kerja rumah diberi dan murid dapat dikesan sekiranya mereka tidak membuat kerja rumah. Layanan guru kepada murid adalah sama rata. Kemajuan murid secara terperinci didokumenkan sebagai rujukan bagi menyediakan aktiviti yang sesuai dengan tahap kebolehan dan pencapaian mereka. Murid-murid sentiasa menjaga kebersihan dan harta benda sekolah. Dalam pemerhatian penyelidik, tandas bersih dan tidak kelihatan harta benda sekolah yang rosak.

2.10 Permuafakatan Sekolah - Komuniti

Perhubungan mesra dijalinan dengan pihak ibu bapa/waris dan masyarakat setempat. Pihak ibu bapa tidak rasa segan silu untuk berjumpa Pengetua bagi menceritakan sebarang masalah. Pihak Pengetua sentiasa mengalu-alukan kehadiran ibu bapa dan sejak mula memasukkan anak-anak mereka ke sekolah, soal kerjasama sekolah-komuniti sudah ditekankan. Pengetua memohon kepercayaan daripada waris untuk membimbing anak-anak mereka menjadi orang yang berguna kepada masyarakat.

“Berilah kepercayaan kepada sekolah dan bantulah kami (pihak sekolah) dalam proses menggilap anak-anak kita”

(Pengetua)

Ibu bapa dan waris memberikan kerjasama yang baik dalam semua aktiviti sekolah. Misalnya, Sukan Tahunan mendapat sambutan yang baik dan sebelum hari tersebut pihak ibu bapa dan agensi kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya datang membantu membuat trek padang dan sebagainya.

Harapan yang tinggi diberikan kepada pihak ibu bapa untuk terus menggilap anak-anak mereka kerana kerjasama sekolah-komuniti yang berterusan akan membuahkan hasil yang diharapkan. Kemahiran interpersonal sangat memainkan peranan penting dalam menjalinkan hubungan mesra dengan masyarakat setempat.

2.11 Organisasi Pembelajaran

Proses pemantapan ilmu sentiasa dituntut. Peranan Pusat Sumber diberikan penekanan bagi menggalakkan ahli menggunakan sepenuhnya Pusat Sumber untuk menambah ilmu. Aktiviti pembangunan staf sentiasa disusun mengikut keperluan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta membentuk sikap positif di kalangan warga sekolah. Salah satu program yang menunjukkan perkongsian maklumat antara ahli dalam organisasi sekolah ialah Projek Prasa Pandragogi yang bertujuan untuk meningkatkan prestasi pengajaran guru dan pembelajaran murid supaya objektif pengajaran tercapai secara maksimum dan sekaligus merealisasikan hasrat sekolah untuk meningkatkan prestasi akademik serta peperiksaan awam. Projek ini dilaksanakan melalui *life modelling* atau rakaman video mengenai bahagian-bahagian penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang sepatutnya berlaku di dalam kelas.

Pengetua sendiri yang banyak menyampaikan ilmu hasil pembacaan beliau dan ini dibuat secara berterusan pada setiap kali ada perjumpaan. Perbincangan profesional sentiasa berlaku hasil galakan pengetua bagi memantapkan dan mengemaskinikan ilmu-ilmu terkini di kalangan guru.

Program-program anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah disambut baik dan dipraktikkan bersungguh-sungguh oleh warga sekolah supaya mereka tidak ketinggalan dalam arus perdana pendidikan negara.

3.0 Penutup

Pada keseluruhannya, apa yang diamalkan oleh pihak pengurusan sekolah ini banyak memenuhi ciri-ciri sekolah berkesan seperti mana digariskan oleh Peter Mortimore(1995). Banyak amalan positif yang diamalkan datangnya dari dalam diri pengetua sendiri secara ikhlas untuk memajukan sekolah pimpinannya. Ini secara tidak langsung menjadi perangsang dan amalan serta ikutan kepada warga sekolah. Berkat kerjasama dan semangat kerja yang tinggi ini membantu meningkatkan sekolah dalam pelbagai bidang. Semoga amalan-amalan terbaik ini menjadi panduan kepada kita semua golongan pendidik dalam usaha membantu anak bangsa menjadi orang yang berguna pada masa hadapan. Maka sudah sewajarnya sekolah ini di bawah pimpinan beliau layak dianugerahkan Sekolah Harapan Negara dan Anugerah Kualiti Menteri Pelajaran.

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA SHEIKH HAJI MOHD. SAID, SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

1.0 Pengenalan

1.1 Latar Belakang Sekolah



Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Mohd. Said (SMKA SHAMS) terletak di Jalan Tunku Kursiah, 70400 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus. Berdekatan dengan SMKA SHAMS terdapat Kolej Tunku Kurshiah. Sekolah ini mula beroperasi pada 1 Jun 1959 dengan menumpang di bangunan Istana Lama Seri Menanti dengan jumlah pelajar seramai 40 orang pelajar lelaki sahaja dan dikenali dengan nama Sekolah Agama Menengah Tinggi (SUMT) Negeri Sembilan, di bawah kelolaan Kerajaan Negeri Sembilan. Penubuhan sekolah ini hasil cetusan idea daripada Tan Sri Dato' Seri Utama Hj. Idris b. Abdul Samad, Exco Kerajaan Negeri yang mahukan sebuah sekolah agama tinggi di negeri ini.

Pada tahun 1963, sekolah ini telah mula mengambil seramai 20 orang pelajar perempuan. Seterusnya, pada tahun 1964, sekolah ini telah berpindah ke bangunan tetapnya di atas tapak seluas 11 ekar di Jalan Tunku Kurshiah, Seremban dengan bilangan pelajar seramai 135 orang (90 orang lelaki dan 45

orang perempuan). Pada tahun 1977, SUMT telah diambil alih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Nama sekolah telah ditukar daripada SUMT kepada SMKU Seremban (Sekolah Menengah Kebangsaan Ugama, Seremban).

Pada 21 Julai 1984 sempena sambutan Jubli Perak, sekali lagi nama sekolah ditukar, kali ini dikenali sebagai SMKA SHAMS (Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Hj. Mohd. Said, Seremban) sempena nama ulama terkenal di negeri ini. Pengisytiharan nama baru sekolah ini disempurnakan oleh DYMM Tuanku Jaafar ibni al marhum Tuanku Abdul Rahman, Yang Dipertua Besar Negeri Sembilan Nama tersebut dikekalkan sehingga sekarang. Pada akhir Januari 2004, SMKA SHAMS mempunyai seramai 61 orang guru, 21 orang staf sokongan dan 828 orang murid.

1.2 Kemudahan-Kemudahan Fizikal Sekolah

SMKA SHAMS merupakan sekolah gred A yang menerima bantuan penuh kerajaan. Kemudahan-kemudahan asas adalah lengkap di sekolah ini. Jadual 1 menunjukkan kemudahan fizikal yang terdapat di sekolah ini. SMKA SHAMS mempunyai 28 buah bilik darjah, tiga bengkel kemahiran hidup, enam makmal untuk pengajaran dan pembelajaran, satu bilik audio visual, satu bilik bahan bantuan mengajar, satu makmal bahasa, satu bilik bimbingan dan kaunseling, tiga bilik ekonomi rumah tangga, satu bilik Galeri Sejarah, satu bilik kecemerlangan Bahasa Arab, satu bilik Pendidikan Seni, satu bilik Pusat Pembelajaran Kendiri, satu bilik Pusat Kecemerlangan Pendidikan Islam, satu bilik pusat sumber perpustakaan dan bilik-bilik lain untuk pentadbiran sekolah. Bilik-bilik atau kemudahan fizikal telah digunakan secara optimum demi peningkatan prestasi pengajaran dan pembelajaran di sekolah.



Jadual 1: Kemudahan -Kemudahan Fizikal Sekolah

Bil	Kemudahan Yang Ada	Bilangan
1	Bengkel Kemahiran Hidup	3
2	Bilik Audio Visual	1
3	Bilik Bahan Bantuan Mengajar	1
4	Bilik Peperiksaan	1
5	Bilik Bimbingan dan Kaunseling	1
6	Bilik Darjah 750 kaki persegi	28
7	Bilik Ekonomi Rumahtangga	3
8	Bilik Galeri Anugerah	1
9	Bilik Galeri Sejarah	1
10	Bilik Guru	2
11	Bilik Kecemerlangan Bahasa Arab	1
12	Bilik Komputer	1
13	Bilik Mesyuarat	1
14	Bilik Pejabat Am	1
15	Bilik Pejabat GPK (HEM)	1
16	Bilik Pejabat GPK (KOKO)	1
17	Bilik Pejabat GPK 1	1
18	Bilik Pejabat Ketua Bidang	4
19	Bilik Pejabat Pengetua	1
20	Bilik Pendidikan Seni	1
21	Bilik Pusat Pembelajaran Kendiri (SAL)	1
22	Bilik Pusat Kecemerlangan Pendidikan Islam	1
23	Bilik Pusat Operasi Wawasan	1
24	Bilik Pusat Sumber/Perpustakaan	1
25	Bilik Sakit	2
26	Bilik Skim Pinjaman Buku Teks	1
27	Dewan Sekolah	1
28	Makmal Bahasa	1
29	Makmal Biologi	1
30	Makmal Fizik	1
31	Makmal Kimia	1
32	Makmal Sains (Am)	3
33	Pondok Pengawal	1
34	Surau	1

1.3 Maklumat Staf Ikhtisas

SMKA SHAMS mempunyai sejumlah 61 orang guru seperti Jadual 2. Lapisan pengurusan SMKA SHAMS terdiri daripada seorang pengetua kanan (DG 54), seorang guru penolong kanan pentadbiran (DG 41), seorang guru penolong kanan HEM (DG 41) dan seorang guru penolong kanan KOKU (DG 48). Manakala, lapisan pengajar terdiri daripada seorang guru perpustakaan/media, dua orang kaunselor, 42 orang guru kelas KBSM (DG 48/DG 41/DC 41/DGA 32/DGA 29), seorang guru kelas Al-Quran, dan lapan orang guru tingkatan enam. Pada masa ini, tiga orang guru SMKA SHAMS telah dilantik menjadi guru cemerlang (DG 48): 2 orang guru cemerlang untuk Bahasa Melayu dilantik pada tahun 2004 dan seorang guru cemerlang untuk Geografi dilantik pada tahun 2000.

Jadual 2: Maklumat Staf Ikhtisas

JAWATAN	DG 54	DG 48	DG 41	DG 41	DG A32	DG A39	Jumlah
Pengetua Kanan	1						1
Penolong Kanan			1				1
Penolong Kanan (HEM)			1				1
Penolong Kanan KOKO		1					1
Guru Perpustakaan/ Media			1				1
Kaunselor			2				2
Guru Kelas KBSM		3	32	3	1	3	42
Guru Kelas Amali Ting. 1 - 3						3	3
Guru Kelas Al-Quran			1				1
Guru Tingkatan 6			8				8
Jumlah	1	4	46	3	1	6	61

**2 orang guru dipinjamkan ke SM Agama Negeri (telah bertugas di sekolah ini)*

2.0 Ciri-ciri Sekolah Berkesan

2.1 Kepimpinan Profesional

Pengetua SMKA SHAMS merupakan seorang pengetua kanan yang mempunyai sifat-sifat kepimpinan seperti yang dikemukakan oleh Peter Mortimore (1995). Menurut pemerhatian dan temu bual yang dijalankan oleh ahli pasukan penandaarasan, beliau menunjukkan sifat-sifat seperti berikut:

- Tegas
- Mempunyai hala tuju
- Mementingkan pencapaian sekolah
- Menjalankan pengurusan yang berhemah dan amanah
- Memberitahu apa yang dilakukan kepada semua staf.

Majoriti guru, staf dan murid berpendapat personaliti pengetua mereka adalah menarik. Beliau menunjukkan sifat yang lemah lembut, prihatin, penyayang, bersopan santun tetapi tegas dan mempunyai keazaman yang tinggi untuk mencapai kecemerlangan. Beliau pandai bertutur kata dan berhujah. Bahasa yang digunakan dapat menawan hati guru dan murid di sekolah. Beliau selalu menggunakan istilah “boleh”, “hebat” dan “tahniah” untuk memotivasikan semua warga di sekolah. Di samping itu, beliau sering menasihatkan muridnya mendengar nasihat guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan kata-kata, “anak yang baik adalah anak yang mendengar kata”. Nasihat ini telah pun diterap ke dalam seni kata lagu sekolah yang berjudul “SMKA SHAMS Tercinta” untuk melentur aur. Salah satu lirik lagunya adalah berbunyi sedemikian:

*Wahai guru, ayah dan ibu,
Doakan kami agar menjadi
Anak yang baik, mendengar kata
Cemerlang di dunia, sejahtera di akhirat*



Jelasnya, beliau selalu meminta pelajaranya mencapai sesuatu yang terbaik sama ada dalam pelajaran mahupun sahsiah seperti wawasan sekolahnya “menjana generasi cemerlang di dunia, sejahtera di akhirat”.

Kepimpinan pengetua amat dikagumi semua guru dan murid di SMKA SHAMS, Namun demikian, terdapat sebilangan guru dan murid yang merasakan kepemimpinan pengetua akan menjadi lebih sempurna lagi jika beliau dapat meluangkan lebih banyak masa untuk:

- bergaul dengan guru dan murid
- mengadakan lebih banyak sesi perbincangan dua hala dengan guru dan murid

Kepimpinan guru-guru penolong kanan juga merupakan satu daya penggerak di SMKA SHAMS. Guru penolong kanan pentadbiran, merupakan seorang yang berkaliber. Beliau telah memperoleh Sijil Kelayakan Profesional Kepengetuaan (NPQH) di Institut Aminuddin Baki selain memiliki kelayakan sarjana pendidikan. Sebelum berkhidmat di SMKA SHAMS, beliau pernah berkhidmat di empat buah sekolah yang lain. Murid SMKA SHAMS berpendapat beliau adalah seorang guru yang mesra dan selalu menjalankan “*management by walking around*” di sekolah. Mengikut temu bual yang dijalankan dengan beliau, didapati beliau mempunyai banyak idea dan sangat kreatif. Beliau mempunyai kepakaran dalam pemantauan pencapaian kurikulum di sekolah. Berdasarkan pengalaman pentadbiran dan kepakaran dalam pengurusan kurikulum, beliau telah memperkenalkan Strategi Pemantauan Peningkatan Akademik PMR, SPM dan STPM dengan cara yang lebih sistematik untuk meningkatkan pencapaian akademik di SMKA SHAMS dari segi kuantiti dan kualiti.

Guru penolong kanan hal ehwal murid, En. Saiful Bahrin Abu dan guru penolong kanan kokurikulum, juga mempunyai kehebatan masing-masing. Guru penolong kanan hal ehwal murid mempunyai hubungan yang rapat dengan segenap lapisan komuniti di sekolah. Hubungan yang baik di antara beliau dengan guru, murid, ibubapa dan Persatuan Ibu bapa dan Guru telah melicinkan pengurusan hal ehwal murid di sekolah tersebut. Di samping itu, beliau juga merupakan seorang ustaz yang dihormati oleh guru dan murid di sekolah. Manakala, guru penolong kanan kokurikulum merupakan seorang guru yang mesra dan mematuhi arahan. Hubungan yang baik antara beliau dengan semua guru telah membantu dalam urusan pengurusan kokurikulum di sekolah. Ketua-ketua bidang di SMKA SHAMS terdiri daripada guru-guru yang berpengalaman dan berdedikasi. Namun demikian, jawatan ketua bidang juga didapati kerap bertukar orang, tetapi orang baru sanggup belajar. Di SMKA SHAMS, terdapat tiga orang guru cemerlang. Antaranya terdapat dua orang guru pakar dalam bidang Bahasa Melayu dan seorang dalam bidang Geografi. Kepimpinan pengurusan dan pengajaran yang dipamerkan oleh semua warga sekolah telah menunjukkan kepimpinan ikhtisas yang unggul di kalangan semua staf dan guru di SMKA SHAMS.

2.2 Perkongsian Wawasan dan Matlamat

Mengikut satu wawancara yang dijalankan oleh juruhebah Wartawan Media dengan pengetua SMKA SHAMS sebaik sahaja SMKA SHAMS memenangi Anugerah Kualiti Menteri pendidikan pada tahun 2002, tuan pengetua telah menegaskan kepentingan perkongsian visi dan misi dipupuk di kalangan staf dan guru dalam usaha menempa kejayaan cemerlang.

Wawasan SMKA SHAMS yang berbunyi: *“Menjana Generasi Cemerlang di Dunia, Sejahtera di Akhirat”* dikongsi oleh segenap lapisan warga sekolah untuk menentukan hala tuju perjuangan mereka. Kesemua warga sekolah didapati berusaha keras untuk merealisasikan misi: SMKA SHAMS melalui usaha mendidik, membentuk dan melahirkan pelajar yang berfikir, berdaya fikir berkualiti di bidang sahsiah, akademik, kokurikulum dan kepimpinan yang mampu memenuhi aspirasi agama, bangsa dan negara. Dalam Minit Mesyuarat Guru kali ke-3 tahun 2003, tuan pengetua didapati merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada guru-guru yang telah bertungkus lumus berusaha menjayakan visi dan misi sekolah.

Projek Gemilang SHAMS dan program-program sahsiah yang dirancang pada tahun 2004 jelas menunjukkan keazaman dan matlamat sekolah untuk melahirkan pelajar yang:

- Berfikir
- Berdaya Fikir
- Cemerlang ilmu dunia dan akhirat
- Mantap iman dan amal soleh
- Mapan akhlak, disiplin dan tanggungjawab
- Unggul kepimpinan, berwibawa dan berjiwa Islam
- Sedar dan berketrampilan untuk memberi sumbangan yang berkesan kepada keluarga, masyarakat, agama, bangsa dan negara.

Pihak pengurusan telah membuat banyak rancangan ke arah kecemerlangan sekolah seperti 21 Projek Gemilang Tahun 2004, 20 Projek Sahsiah dan Perancangan Strategik, Taktikal dan Operasi melalui Standard Kualiti Pendidikan Malaysia bagi semua mata pelajaran (tingkatan 1 hingga 6). Walaupun, perancangan dan pelaksanaan program banyak memerlukan komitmen yang tinggi dan sumbangan tenaga yang banyak daripada guru, Namun demikian, kesemua guru sanggup melaksanakan semua program yang dirancang oleh pihak sekolah. Murid-murid juga rela menyertai kesemua program dengan hati yang terbuka. Penglibatan segenap lapisan warga sekolah ke arah pencapaian visi dan misi sekolah jelas terpapar dalam budaya sekolah SMKA SHAMS.



2.3 Suasana Pembelajaran yang Unggul

Sebahagian besar etos sekolah ditentukan oleh visi, misi, nilai dan matlamat yang dipersetujui oleh warga sekolah. Ciri khas bagi suasana pembelajaran yang ideal akan wujud dalam atmosfera yang bertertib dan suasana persekitaran kerja yang menarik (Mortimore, 1995).

Suasana pembelajaran yang digambarkan oleh Mortimore (1995) berdasarkan konsep Sekolah Berkesan dapat diperhatikan di SMKA SHAMS. Suasana persekitaran di sekolah ini didapati tenteram, nyaman, bersih, indah dan ceria. Lata Zul' Ain yang hampir selesai pembinaannya diharap akan menambah lagi keceriaan sekolah. Guru yang ditemubual berharap bunyi air terjun Lata Zul' Ain ini dapat menenangkan fikiran dan menjernihkan hati anak murid. Keindahan sekolah di SMKA SHAMS bertambah seri lagi dengan perhiasan gambar, bunga dan pasu yang menarik di pejabat, bilik guru, bilik darjah, koridor dan tandas.

Bilik darjah di SMKA SHAMS didapati kemas dan menarik. Hampir kesemua bilik darjah dihiasi langsir. Meja murid dan guru dihiasi "*skirting*" dan ditutup baik dengan plastik. Di samping itu, papan kenyataan dalam kelas juga dimuatkan dengan bahan-bahan pembelajaran yang relevan. Setiap kelas didapati mempunyai "*class library*" yang dipenuhi buku-buku atas sumbangan murid sendiri. Di sini, budaya membaca sama ada membaca buku teks ataupun buku rujukan ataupun buku cerita adalah tinggi. Di setiap sudut, kelihatan murid yang sedang membaca buku. Lebih-lebih lagi, penambahbaikan kemudahan fizikal yang dijalankan di pusat sumber sekolah telah menjadikan SMKA SHAMS satu tempat pembelajaran yang kondusif.

SMKA SHAMS juga didapati mempunyai Pusat PAK Raudhatul Khawarizmi. PAK adalah singkatan bagi Pembelajaran Akses Kendiri yang merupakan satu pendekatan pembelajaran yang memberi akses kepada sumber pembelajaran dan membolehkan murid memperoleh pengetahuan dan kemahiran secara berdikari. Bahan pembelajaran direka dan diuruskan sedemikian rupa supaya murid dapat belajar mengikut kemampuan dan gaya pembelajaran mereka sendiri. Sebenarnya, penubuhan Pusat PAK Raudhatul Khawarizmi adalah bertujuan untuk menyediakan satu tempat yang sesuai bagi:

- Mewujudkan suasana pembelajaran yang memberi peluang kepada murid menguji kemampuan masing-masing
- Menggalakkan murid berinteraksi sesama sendiri
- Membantu murid menyedari terdapat pelbagai strategi dalam pembelajaran
- Melatih murid untuk belajar secara sendiri
- Membolehkan murid belajar mengikut keperluan dan gaya pembelajaran sendiri
- Membolehkan guru dan murid menjalankan aktiviti persatuan.

Pusat PAK Raudhatul Khawarizmi mempunyai sudut-sudut tertentu seperti sudut permainan, sudut pengetahuan dan yang menyimpan dan mempamerkan bahan-bahan berikut:

- Tokoh Sejarah
- Portal Pendidikan
- Uji Minda
- Hasil Kerja Pelajar
- Soalan dan Latihan Topikal mengikut Aras
- Bahan Bantuan Mengajar
- Bahan Aktiviti Persatuan Matematik

Satu kajian penggunaan kemudahan yang dilakukan oleh pihak sekolah menunjukkan hampir 40% murid telah menggunakan kemudahan di PAK Raudhatul Khawarizmi dan ia juga digunakan untuk tujuan pembelajaran kontekstual (misalnya pengukuran suhu persekitaran). Murid-murid juga menggunakan ruangan ini untuk membuat ulangkaji pada waktu petang atau malam.

Suasana pembelajaran di SMKA SHAMS begitu menggalakkan kesan daripada kemudahan fizikal yang lengkap. Semangat persaingan di antara rakan pelajar juga telah mendorong pelajar untuk terus maju jaya. Guru-guru dan murid-murid di sini adalah sangat rajin. Di samping itu, guru-guru dan murid-murid juga didapati mempunyai disiplin diri yang tinggi. Guru-guru suka mengajar di SMKA SHAMS sebab kurang menghadapi masalah disiplin. Proses pengajaran dan pembelajaran di sini berjalan lancar. Pelajar yang ditemu bual menyatakan mereka berasa sangat puas hati dengan suasana pembelajaran di sekolah ini dan mereka akan rasa sedih jika dipindahkan ke sekolah lain.

2.4 Penumpuan Kepada Pengajaran dan Pembelajaran

Perancangan pengurusan kurikulum di SMKA SHAMS jelas menunjukkan tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran. Pada tahun 2004, sebanyak 21 pogram telah dirancang untuk dilancarkan di bawah Projek Gemilang SHAMS 2004. Program-program yang dirancang ialah:

- Aku Janji Penetapan Target PMR/SPM/STPM
- Curahan Kasih (Mawaddah Warahmah)
- Pemantauan Kualiti Kumpulan Gemilang dalam Pencapaian Akademik
- Sesi Temu Mesra dengan Pentadbir
- Analisis Soalan Peperiksaan
- Mentor-Mentee (Attabanni)
- Tuisyen Gemilang
- Rakan Pembimbing
- Tuisyen Al-Bukhary
- Pra PMR/SPM/STPM
- Latih tubi 3000 Soalan
- Pra PMR/SPM/STPM
- Pakej Percutian
- Pemantauan Latihan dan Kerja-Kerja Bertulis
- Perkampungan PMR/SPM/STPM
- Pecutan Akhir
- Program Peningkatan Lepas Peperiksaan Percubaan
- Seminar Teknik Menjawab Soalan
- Solat Hajat/Bacaan Yassin
- Motivasi dan Kecemerlangan Pelajar
- Majlis Restu Guru

Program-program pengurusan kurikulum yang disenaraikan di atas jelas menunjukkan kesinambungan perancangan program yang lengkap daripada penetapan target pencapaian akademik kepada pemberian input pelajaran seperti tuisyen, analisis soalan dan teknik menjawab soalan yang disusuli dengan latih tubi serta motivasi untuk mengekalkan semangat belajar yang tinggi.

Strategi peningkatan kualiti akademik di SMKA SHAMS adalah berorientasikan pencapaian akademik terutama dalam peperiksaan awam. Dengan itu, penetapan target pencapaian akademik di SMKA SHAMS adalah tinggi. Peninjauan terhadap penetapan target gred purata bagi peperiksaan PMR, SPM dan STPM jelas menunjukkan harapan dan penghargaan yang tinggi diberikan kepada pelajar. Penetapan gred purata bagi semua mata pelajaran dalam PMR pada 1.21 bermaksud pihak sekolah mempunyai harapan bahawa semua murid akan dapat mencapai keputusan sekurang-kurangnya A dalam semua mata pelajaran yang diambil dalam peperiksaan PMR. (Jadual 3)

Jadual 3: Target Gred Purata bagi Peperiksaan PMR 2002

Bil	Mata Pelajaran	2001	Target 2002
1	Bahasa Melayu	1.14	1.00
2	Bahasa Inggeris	1.64	1.49
3	Bahasa Arab	2.18	2.03
4	Pendidikan Islam	1.08	1.00
5	Matematik	1.13	1.00
6	Sains	1.28	1.13
7	Sejarah	1.33	1.18
8	Geografi	1.39	1.24
9	Kemahiran Hidup Pilihan 1	1.14	1.00
10	Kemahiran Hidup Pilihan 2	1.11	1.00
	Gred Purata Sekolah	1.36	1.21

Nota: Gred mata pelajaran, A = 1, B = 2, C = 3, D = 4, E = 5

Penetapan gred purata bagi semua mata pelajaran dalam SPM pada 2.47 bermaksud pihak sekolah mempunyai harapan bahawa semua murid akan memperoleh keputusan sekurang-kurangnya 2A dalam semua mata pelajaran yang diambil dalam peperiksaan SPM. (Jadual 4).

Jadual 4: Target Gred Purata bagi Peperiksaan SPM 2002

Bil	Mata Pelajaran	2001	Target 2002
1	Bahasa Melayu	2.49	1.49
2	Bahasa Inggeris	3.72	2.72
3	Bahasa Arab	4.94	3.94
4	Sains	2.48	1.48
5	Matematik	1.84	1.00
6	Pendidikan Al-Quran & Assunnah	2.10	1.10
7	Sejarah	2.90	1.90
8	Pendidikan Syariah Islamiah	2.75	1.75
9	Perdagangan	3.56	2.56
10	Prinsip Akaun	3.01	2.01
11	Matematik Tambahan	5.18	4.18
12	Kimia	4.45	3.45
13	Fizik	5.16	4.16
14	Biologi	4.94	3.94
	Gred Purata Sekolah	3.45	2.47

Nota: Gred mata pelajaran, 1A = 1, 2A = 2, 3B = 3, 4B = 4, 5C = 5, 6C = 6, 7D = 7, 8E = 8, 9G = 9.

Penetapan gred purata bagi semua mata pelajaran dalam STPM pada 2.04 bermaksud pihak sekolah mempunyai harapan bahawa semua murid akan dapat mencapai keputusan sekurang-kurangnya prinsipal B dalam semua mata pelajaran yang diambil dalam peperiksaan STPM. (Jadual 5)

Jadual 5: Target Gred Purata bagi Peperiksaan STPM 2002

Bil	Mata Pelajaran	2001	Target 2002
1	Pengajian Am	3.89	2.79
2	Bahasa Arab	4.00	2.90
3	Usuluddin	1.78	1.00
4	Syariah	2.56	1.46
5	Sejarah	-	2.04
	Gred Purata Sekolah	3.06	2.04

Nota: Gred mata pelajaran, A = 1, B = 2, C = 3, D = 4, E = 5, R = 6, F = 7.

SMKA SHAMS amat memahami konsep Sekolah Berkesan. Dalam konsep Sekolah berkesan, harapan yang tinggi kepada murid harus diikuti dengan pengukuhan yang positif. Dalam usaha merealisasikan pengukuhan positif terhadap harapan tinggi pada murid, SMKA SHAMS telah melaksanakan pelbagai anugerah Permata SHAMS seperti tersenarai di bawah:



- Anugerah Permata Zamrud: pelajar cemerlang dalam peperiksaan akhir tahun.
- Anugerah Permata Nilam: kelas terbanyak mendapat A dalam tingkatan bagi peperiksaan akhir tahun 2002.
- Anugerah Permata Kecubung: kelas yang memperoleh pencapaian cemerlang minimum gred C dalam Peperiksaan akhir tahun.
- Anugerah Permata Firuz: kelas yang pelajar lelaki memperoleh pencapaian cemerlang mengatasi pelajar perempuan dalam peperiksaan akhir tahun.
- Anugerah Permata Baiduri: kelas yang pelajar perempuan memperoleh pencapaian cemerlang melebihi 90% minimum gred C dalam peperiksaan akhir tahun.
- Anugerah Permata Delima: pelajar cemerlang dalam peperiksaan PMR (8A, 9A), SPM (6A - 11A) dan STPM (Jumlah skor melebihi 50 unit).
- Anugerah Permata Berlian: pelajar terbaik dalam Peperiksaan Penilaian menengah Rendah (PMR), Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).
- Anugerah Permata Syurga Yaqut: mata pelajaran terbaik dalam peperiksaan PMR, SPM dan STPM.

Anugerah-anugerah yang dilaksanakan jelas menunjukkan penitikberatan yang seimbang dan bukan hanya tertumpu terhadap kejayaan individu semata-mata tetapi mengambil berat terhadap kejayaan kelas juga. Penghargaan yang adil saksama juga diberikan kepada murid lelaki dan perempuan dalam memupuk kesungguhan mereka mengejar kecemerlangan akademik.

Namun demikian, aspek adab dan sahsiah murid tidak pernah terabai. Misalnya, murid mempraktikkan puasa pada hari Isnin dan hari Khamis. Bulan Dakwah dan Ibadah juga dianjurkan dalam bulan Muharam selama empat minggu. Dalam bulan ini, pelbagai program dirancang dan dilaksanakan seperti tazkirah, kuiz terkumpul, usrah, qiamulail, edaran risalah edisi khas, Iftar Jamai'e, Mempraktikkan amalan sunnah, Pertandingan Menulis Makalah, Forum Agama, Info Al-Quran, kelas tajwid, kuliah subuh, ceramah, pertandingan hafazan (menengah rendah), Pertandingan Taranum (menengah atas), Simposium Tokoh Islam seperti Sheikh Haji Mohd Said dan Sheikh Ahmad Deedat, pertandingan melukis poster (menengah rendah), bacaan Yaasin, pertandingan menyampaikan puisi, jejak tokoh, pertandingan melukis kartun Berunsurkan Dakwah, kuiz terbuka, pertandingan khat dan akhirnya Majlis penyampaian hadiah dan penutup bulan dakwah dan ibadah.

Sesungguhnya, pelaksanaan Bulan Dakwah dan Ibadah di SMKA SHAMS mempunyai beberapa tujuan seperti berikut:

- Memupuk kesedaran kepada pelajar tentang kewajipan dan tanggungjawab mereka dalam berdakwah.
- Menanamkan rasa cinta kepada Allah dan hanya mengharapkan keredhaan-Nya dalam setiap amalan dan dalam segenap aspek kehidupan.
- Merealisasikan Islam sebagai satu cara hidup yang syumul di samping menjalankan amanah dan perintah Allah.
- Mewujudkan generasi pelajar yang beramal dengan ilmunya selaras dengan syariat.

Jelas, moto sekolah yang berbunyi “dunia dan akhirat tuntutan hidup” memang menjadi perjuangan bagi semua warga sekolah di SMKA SHAMS. Pengajaran di SMKA SHAMS memang menuju arah pencapaian akademik yang cemerlang dan pembinaan sahsiah murid yang baik seperti yang tercatat dalam visi sekolah iaitu visi sekolah “menjana generasi cemerlang di dunia, sejahtera di akhirat” .

2.5 Pemantauan Kemajuan

SMKA SHAMS amat menitikberatkan penilaian pencapaian akademik di sekolah. Konsep penilaian yang dijalankan adalah lebih mirip kepada penilaian untuk pembelajaran daripada penilaian pengajaran sahaja. Pihak sekolah mengamalkan konsep penambahbaikan secara berterusan. Oleh itu, penilaian kemajuan berasaskan sekolah telah dilaksanakan melalui ujian formatif dan ujian sumatif.

Pada setiap semester, sebanyak dua ujian formatif akan dilaksanakan sebelum ujian sumatif dijalankan dalam semester tersebut. Kedua-dua ujian formatif yang pertama dan kedua diperuntukkan 10% setiap satu. Jumlah markah bagi ujian sumatif pada akhir setiap semester hanya 80%. Pemberian markah kepada ujian formatif adalah bertujuan untuk menggalakkan murid mengambil berat terhadap setiap ujian formatif serta membuat persiapan awal dalam setiap satu ujian yang dijalankan.

SMKA SHAMS mempunyai Strategi Pemantauan Peningkatan Akademik untuk Peperiksaan PMR, SPM dan STPM. Murid tingkatan 5 yang akan menduduki peperiksaan SPM, perlunjuran panitia bagi sesuatu matapelajaran dalam peperiksaan SPM akan dibuat untuk mengenalpasti target sekolah (Misalnya, gred purata yang ditetapkan bagi Fizik dalam SPM bagi tahun 2004 ialah 1.87). Selain itu, analisis peperiksaan pertengahan tahun bagi tingkatan 5 yang diajar juga dijalankan (misalnya, gred purata didapati ialah 3.23). Selepas itu, perlunjuran bagi kelas yang diajar pada tahun tersebut juga dibuat (misalnya gred purata ditetapkan ialah 2.33). Di sini, perlunjuran gred purata bagi tingkatan yang diajar (2.33) didapati melebihi perlunjuran panitia dalam SPM pada 2004 (1.87), dengan itu, demi mencapai perlunjuran panitia dalam SPM, kelas-kelas lain dalam tingkatan yang sama perlu mempunyai keputusan yang lebih baik untuk menyeimbangkan pencapaian ini.

Demi melicinkan pemantauan pencapaian murid, murid-murid dalam setiap kelas pula dikategorikan kepada kumpulan gemilang, cemerlang dan sederhana. Pemantauan pencapaian dilaksanakan dalam ujian formatif dan ujian sumatif bagi semua kelas. Namun bagi kelas peperiksaan PMR, SPM dan STPM, graf histogram bagi ketiga-tiga kategori pelajar dipantau dari ujian formatif 1 hingga ujian formatif 4 sebelum murid-murid menduduki peperiksaan percubaan. Setiap guru mata pelajaran akan digesa memastikan bilangan murid dalam kategori sederhana bagi setiap matapelajaran berkurang secara beransur-ansur dari satu ujian ke satu ujian sebelum memasuki peperiksaan percubaan dan akhirnya peperiksaan awam (PMR, SPM ataupun STPM).

Selain daripada menitikberatkan penilaian pencapaian akademik, pihak sekolah juga amat menitikberatkan perkembangan keseluruhan murid yang seimbang. Berasaskan kepada konsep ini, pihak sekolah telah mula melaksanakan Laporan Adab Belajar (LAB) walaupun LAB masih dalam peringkat eksperimen di kebanyakan sekolah. SMKA SHAMS melaksanakan LAB untuk melaporkan lebih komprehensif berdasarkan penilaian yang menyeluruh bagi setiap murid oleh guru kelas. LAB yang dilaksanakan merangkum profil murid berkenaan dengan kedatangan dan pencapaian akademik yang dilaporkan oleh guru kelas, laporan prestasi bagi setiap mata pelajaran oleh guru mata pelajaran, laporan kegiatan dan pencapaian kokurikulum serta maklumat tentang kerja kelas, kerja rumah, kelakuan dan sikap murid semasa berada dalam kelas ataupun di luar kelas.

2.6 Permuafakatan Sekolah - Komuniti

Kajian sekolah berkesan pada umumnya menunjukkan sokongan penuh dan kerjasama rapat di antara komuniti dengan sekolah. Penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak mempunyai implikasi yang besar. Kecemerlangan yang tercapai di SMKA SHAMS juga dapat dikaitkan dengan pakatan dan permuafakatan strategik yang wujud di antara rumah dengan sekolah. Sepanjang tempoh 2002/2003, PIBG SMKA SHAMS telah melaksanakan banyak aktiviti bagi membantu menjana kecemerlangan di SMKA SHAMS. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dan sedang dilaksanakan merangkumi aspek Kebajikan Pelajar, Pembangunan Sekolah, Anugerah Kualiti Menteri Pendidikan, Jamuan Kesyukuran, Majlis Anugerah Cemerlang Permata SHAMS, Mesyuarat Agung PIBG dan lain-lain.

PIBG juga bekerjasama dengan pihak sekolah untuk mengadakan Kelas Tuisyen Gemilang bagi membantu murid-murid dalam kelas peperiksaan di peringkat PMR, SPM dan STPM. Demi memotivasikan murid belajar bersungguh-sungguh dan menjadi teladan kepada murid yang lain, PIBG telah memberi sumbangan wang tunai berjumlah RM 8 000.00 menaja hadiah-hadiah kepada pelajar-pelajar yang cemerlang dalam PMR, SPM dan STPM serta guru-guru yang telah memberi sumbangan yang cemerlang. PIBG juga membantu pihak sekolah mengenalpasti murid-murid yang layak untuk menerima sumbangan zakat daripada Syarikat Telekom Malaysia. Selain itu, Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua dan dua orang AJK PIBG telah memberikan sumbangan piala pusingan untuk Pertandingan Keceriaan Kelas dan Asrama.

Dalam usaha menjayakan program Anugerah Kualiti Menteri Pendidikan, PIBG SMKA SHAMS telah meluluskan sumbangan sebanyak RM 15 000.00 kepada pihak sekolah untuk membiayai perbelanjaan bagi pertandingan tersebut yang juga merupakan anugerah tertinggi kualiti Kementerian Pendidikan Malaysia. Bagi melahirkan tanda kesyukuran dan meraikan kejayaan SMKA SHAMS meraih Anugerah Kualiti Menteri Pendidikan Malaysia 2002, sumbangan sebanyak RM 7,200.00 telah diperuntukkan untuk menjayakan satu Jamuan Kesyukuran di Dewan Majlis Perbandaran Seremban pada 30 Oktober 2002 untuk memberi penghargaan kepada semua pelajar, guru dan AJK PIBG yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi sehingga berjaya memperoleh Anugerah Kualiti tertinggi dalam Kementerian Pendidikan Malaysia (pada masa itu).


Kejayaan SMKA SHAMS adalah banyak bergantung kepada kerjasama pelbagai pihak termasuk PIBG yang memberikan sumbangan wang, buah fikiran, tenaga dan sokongan padu secara berterusan demi kepentingan dan masa depan pelajar-pelajar di SMKA SHAMS. Sebagai rumusan, apabila ibu bapa, pelajar-pelajar dan guru-guru mempunyai objektif yang sama dan permufakatan antara satu sama lain, maka sokongan padu yang diperoleh melalui mereka merupakan satu kuasa yang mengkagumkan dalam proses mengejar kecemerlangan.



2.7 Pengukuhan yang Positif

Pengukuhan yang positif merupakan salah satu ciri yang penting bagi sekolah berkesan. Sebenarnya, SMKA SHAMS mempunyai ciri yang cemerlang ini. Pengetua menggalakkan guru-guru melakukan peningkatan pengajaran dan pengurusan melalui lawatan penandaarasan. Guru-guru dan staf sokongan digalakkan melawat ke sekolah-sekolah yang telah memenangi pelbagai bidang pertandingan. Dari tahun 1999 hingga 2002, sebanyak 9 buah sekolah telah dilawat oleh guru dan staf sokongan. Pengetua juga berjanji jika mana-mana mata pelajaran, semua murid lulus dengan cemerlang mendapat Gred A dalam peperiksaan PMR dan SPM, beliau akan memberi ganjaran kepada semua guru mata pelajaran berkenaan untuk melawat ke Kuching atas biayaan pengetua sendiri.

Pengetua telah mengaturkan kursus Kajian Tindakan yang dikendalikan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (BPPPP) untuk menggalakkan guru-guru menjalankan kajian tindakan di sekolah. Dalam kajian penandaarasan yang dijalankan, didapati bahawa banyak Kajian Tindakan telah dijalankan dan laporannya disimpan di bilik Pusat Operasi Wawasan (POW). Salah satu contoh kajian tindakan ialah Kajian Tindakan Meningkatkan Tahap Pemahaman dan Daya Ingatan Pelajar dalam Bab Usul Fiqh bagi mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah Tingkatan Empat.



Pengukuhan yang positif juga berlaku dalam perhubungan harian di SMKA SHAMS. Pengetua pandai bertutur kata dan berhujah. Bahasa yang digunakan oleh puan pengetua mudah menawan hati semua guru dan murid di dalam sekolah. Istilah “boleh”, “hebat”, , “terima kasih”, “maaf”, “tahniah” dan “dunia dan akhirat tuntutan hidup” sering menjadi sebutan pengetua untuk memotivasikan semua warga di sekolah. Pengetua juga sering memberi tahniah dan penghargaan kepada guru dan murid semasa perhimpunan. Sifat pengetua yang ceria dan mesra selalu membakar semangat dan mencabar pelajar serta guru untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang. Senyuman yang manis dan tutur kata yang bersopan menjadi dorongan untuk semua guru dan staf di dalam sekolah untuk berusaha keras untuk mencapai kejayaan yang cemerlang. Di samping itu, demi menggalakkan setiap panitia mencapai kecemerlangan, pengetua membiayai sepersalinan pakaian kepada panitia yang berprestasi tinggi untuk tahun semasa.

Pihak sekolah juga menyedari kepentingan motivasi diberi kepada golongan pelajar. Untuk membina motivasi, pelajar perlu memantapkan keyakinan diri mereka. Apabila pelajar rasa yakin untuk belajar, para pelajar akan menjadi lebih bersemangat. Mereka menjadi lebih bermotivasi dan berusaha dengan bersungguh-sungguh hingga mencapai kejayaan yang cemerlang. Menyedari potensi dan kekuatan diri, para pelajar akan juga menjadi lebih yakin bahawa mereka mempunyai kemampuan untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pelajaran, oleh itu, Program Bersiri “Motivasi dan Kecemerlangan” telah disusun oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling SMKA SHAMS agar dapat membantu meningkatkan motivasi diri pelajar dan sekaligus meningkatkan prestasi akademik sekolah ini. Contoh program yang dilaksanakan ialah seperti Aku Janji Penetapan Target PMR/SPM/STPM dan Ceramah Motivasi dan Curahan Kasih yang memberi fokus kepada aspek-aspek berikut:

- Renungan mengenai diri
- Kecergasan mental
- Minat belajar dan sikap positif
- Pengurusan masa
- Strategi belajar yang berkesan
- Membina matlamat dan berwawasan

Selain itu, kelas yang terbersih dalam pertandingan kebersihan dan keceriaan kelas mingguan akan diberikan piala pusingan dan sijil untuk menggalakkan pelajar dalam kelas tersebut mengekalkan kebersihan dan keceriaannya serta menggalakkan kelas lain mengikut jejak langkah kecemerlangan yang ditempa kelas yang berjaya menjadi Johan sebanyak 10 kali akan mendapat hadiah daripada Puan pengetua. Penggalakan positif yang dilakukan oleh puan pengetua didapati memberikan kesan kepada pembentukan organisasi pembelajaran di SMKA SHAMS.



Norma dan corak pembelajaran di sini sedikit sebanyak mempengaruhi guru menguruskan diri sendiri dan meningkatkan kualiti diri dalam profesion perguruan. Di SMKA SHAMS, guru menjadi lebih prihatin tentang perbezaan individu di kalangan pelajar. Dengan itu, cara pengajaran guru menjadi lebih mesra dan berpusatkan pelajar. Guru-guru yang ditemubual memberitahu bahawa di SMKA SHAMS, *“teacher goes to the level of the students, not the students go to the level of the teacher”*. Setelah berkhidmat beberapa lama di sini, guru-guru akan dapat belajar cara pendokumentasian dan sistem fail yang sistematik di sekolah ini. Secara umum, ramai guru berpendapat bahawa mereka telah belajar banyak pengetahuan dan kemahiran di sekolah ini. Lagi pun, pengalaman mereka dalam mendidik pelajar di sini dapat diaplikasikan dalam pendidikan anak mereka sendiri di rumah.

2.8 Organisasi Pembelajaran

Kejayaan sesebuah sekolah bukan sahaja bergantung kepada usaha pengetua, guru atau para pelajar bahkan juga merangkumi semua warga sekolah. Apabila semua ahli dalam sesebuah sekolah itu jelas tentang visi dan misi sekolah, maka kesemua warga sekolah akan menggembeleng sepenuh tenaga ke arah pencapaian niat yang satu iaitu kecemerlangan sekolah. Dalam pada itu, peranan pengetua adalah amat penting, manakala kerjasama dan persefahaman di kalangan semua warga sekolah adalah juga tidak kurang pentingnya.

Bertitik tolak daripada konsep inilah, maka sebuah sekolah di Seremban telah berjaya menyatukan semua warga sekolah sehingga sekolah tersebut diumumkan sebagai pemenang tempat pertama Anugerah Kualiti Menteri Pendidikan kategori Sekolah Menengah Berasrama Penuh/Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)/Kawalan JPN pada tahun 2002.

Anugerah yang diberi pada 24 Oktober 2002 telah membuktikan bahawa Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Mohd. Said (SMKA SHAMS) memiliki sistem pengurusan dan pentadbiran yang teratur. Dari segi kedudukannya dalam kategori anugerah tersebut, anugerah tersebut merupakan satu penghargaan yang sangat tinggi dalam sistem pendidikan di Malaysia. Penghargaan tersebut hanya diberi kepada sekolah yang telah mencapai tahap kualiti yang tinggi. Keunikan pengurusan, pentadbiran dan inovasi yang dilaksanakan seperti berikut telah membawa SMKA SHAMS ke mercu kejayaan gemilang:

- Fahaman, perkongsian dan penghayatan Moto, Visi dan Misi Sekolah bersama oleh semua warga SMKA SHAMS (Guru, Staf Sokongan dan Pelajar).
- Pendokumentasian yang kemas dan teratur. “Buat apa yang ditulis dan tulis apa yang dibuat”. Segala rancangan dilaksanakan dan disimpan dengan kemas dalam Pusat Operasi Wawasan (POW).
- Pencapaian cemerlang dalam Peperiksaan PMR, SPM dan STPM. Kualiti pencapaian akademik terus meningkat dari setahun ke setahun (1998-2001).

- Pencapaian cemerlang kokurikulum di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan (1998-2002).
- Pencerapan guru di bilik darjah dijalankan dua kali setahun menggunakan indikator yang disediakan oleh Jemaah Nazir Sekolah dalam Standard Tinggi Kualiti Pendidikan (STKP).
- Pemeriksaan buku latihan murid oleh pengurusan sebanyak dua kali setahun.
- Pembinaan Pusat Pembelajaran Akses Kendiri (PAK) untuk mata pelajaran Matematik dan Matematik Tambahan yang dinamakan sebagai "Raudatul Khawarizmi".
- Program Peningkatan Sahsiah yang terancang dan berkesan.
- Sukatan pelajaran khas untuk aktiviti BADAR (Badan Agama Dakwah Akhlak dan Rohani) dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5 yang digunakan setiap kali perjumpaan pada setiap petang Isnin.
- Program Membudayakan Al-Quran: Tilawah/membaca Al-Quran 30 juz dalam masa 20 minit setiap pagi Jumaat oleh semua pelajar.
- Kelas Tadrib Al-Quran untuk pelajar yang lemah bacaannya setiap petang Selasa.
- Kelas Tahsin Al-Quran untuk pelajar yang baik bacaannya tetapi perlu ditambahbaikkkan lagi, dijalankan pada setiap petang Selasa.
- Kelas Tahfiz Al-Quran "Dar Az Zikr" untuk pelajar berbakat besar dalam menghafaz. Mula dilaksanakan untuk pelajar tingkatan 1 pada tahun 2001. Apabila tamat tingkatan 5, mereka akan dapat menghafaz 7 juz Al-Quran.
- Klinik Syar'ei: Berperanan sebagai pusat kaunseling yang berkaitan dengan kemusykilan agama. Pusat ini dikendalikan oleh guru-guru pendidikan Islam untuk memantapkan kefahaman dan penghayatan Islam di kalangan pelajar, guru dan staf sokongan.
- Program "Zidni Ilman" (Majlis Penataran Ilmu) untuk semua guru dan staf sokongan dua kali setahun.
- Kelas Kemahiran Al-Quran untuk pelajar yang berbakat dalam membaca Al-Quran secara berlagu/tarannum.
- Unit Bimbingan dan Kaunseling menjadi tumpuan pelajar.
- Perpustakaan yang berperanan dengan cemerlang.
- Asrama yang menjadi tempat tinggal yang kondusif.

- Projek 3K berkonsepkan “dunia dan akhirat tuntutan hidup”.
- Buletin Dwi Bulanan “Al-Risalah” dikeluarkan untuk tatapan seluruh warga sekolah dan ibu bapa.
- Surau diizinkan mendirikan solat Jumaat, menjadi tempat melatih pelajar menjadi khatib dan lain-lain aktiviti yang berkaitan dengan solat Jumaat.
- Aktiviti mentakmir surau berjalan dengan terancang dan berkesan.
- Sekolah tanpa loceng.
- SAL (Self Access Learning) yang menarik para pelajar.
- PKBA (Pusat Kecemerlangan Bahasa Arab) yang dapat membantu para pelajar.
- PKPI (Pusat Kecemerlangan Pengajian Islam) yang berkesan.
- Makmal E-Learning (Projek Rintis Kementerian Pendidikan).
- Kursus-kursus diadakan untuk semua guru dan staf sokongan setiap tahun. Dari tahun 1999 hingga 2002, sebanyak 16 kursus telah dilaksanakan. Contoh: Kursus Kajian Kes yang dikendalikan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (BPPP).
- Lawatan penandaarasan oleh guru dan staf sokongan ke sekolah-sekolah yang telah memenangi pelbagai bidang pertandingan. Sebanyak 9 buah sekolah telah dilawat oleh guru dan staf sokongan sejak tahun 1999 hingga 2002.

3.0 Penutup

Menurut Mortimore (1995), faktor-faktor penentu keberkesanan sesebuah sekolah saling mempengaruhi antara satu sama lain. Faktor-faktor ini saling berkait dan menjana satu mekanisme yang menyokong tahap keberkesanan sesebuah sekolah. Kepimpinan profesional dengan pendekatan partisipatif, tetapi tegas merupakan gaya kepimpinan yang diamalkan sekolah ini. Pengongsian visi dan misi sekolah menjadi amalan semua warga SMKA SHAMS menuju ke arah kejayaan yang diinginkan. Suasana pembelajaran yang kondusif di dalam bilik darjah mahu pun di luar bilik darjah membantu memotivasikan murid untuk terus belajar.

Guru-guru yang berpengalaman dan berdedikasi di SMKA SHAMS turut menjadikan konsep '*maximization of learning time*' satu amalan dan kenyataan biasa dengan memberi keprihatinan yang tinggi terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, penyeliaan yang sistematik di SMKA SHAMS telah melicinkan proses pemantauan kemajuan murid serta keperluan guru dari semasa ke semasa. Kesemua ikhtiar dan inisiatif yang diambil jelas menunjukkan komitmen tinggi pengurusan SMKA SHAMS yang tidak bertolak ansur dengan kualiti.

Permuafakatan sekolah dengan rumah di SMKA SHAMS juga amat menggalakkan melalui pelbagai program yang dirancang bersama oleh pengurusan dan PIBG SMKA SHAMS. Mortimore mengatakan, "*Effective schools are learning organization with teachers and senior managers continuing to be learners*". Selari dan bersesuaian dengan kata-kata itu, staf ikhtisas SMKA SHAMS juga menyatakan mereka sentiasa dapat banyak pengalaman pembelajaran yang bermakna di situ. Tambahan pula, guru-guru di sini juga mengaku bahawa mereka kerap mempraktikkan amalan dan manfaat pembelajaran yang diperoleh di SMKA SHAMS di luar sekolah, terutama di rumah mereka sendiri semasa berhubung dengan anak-anak mereka.

Ciri-ciri SMKA SHAMS dibincangkan bukan sahaja menyokong ke arah pencapaian visi dan misi sekolah, bahkan juga merupakan bukti yang kukuh untuk menerangkan mengapa SMKA SHAMS berjaya memenangi tempat pertama Anugerah Kualiti Menteri Pendidikan kategori Sekolah Menengah Berasrama Penuh/SMK Agama/ Kawalan JPN pada tahun 2002.



SM SAINS TENGKU MUHAMMAD FARIS PETRA PENGKALAN CHEPA, KELANTAN

1.0 Pengenalan

1.1 Latar Belakang Sekolah

Sekolah ini merupakan satu daripada 10 buah Sekolah Menengah Sains Berasrama Penuh. Secara percubaan pada tahun 1993 bagi mematuhi aspirasi Dasar Ekonomi Baru seperti yang dijelaskan dalam Buku Merah Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975. Sekolah ini dahulunya dikenali sebagai Sekolah Menengah Sains Kelantan sehinggalah tahun 1986. Sekolah ini dibuka secara rasmi pada 1 Januari 1973 dengan 234 orang pelajar. Pada awal pembukaannya, sekolah ini telah ditumpangkan di Sekolah Menengah Ismail Petra, Kota Bharu. Pengetua pertamanya ialah En. Mahathir Hashim yang memulakan tugasnya pada 16 November 1973. Pada 11 Januari 1974 kampus tetap sekolah ini diduduki dan bilangan pelajar telah meningkat menjadi 567 orang. Kampus baru ini dibuka secara rasmi oleh Pemangku Sultan Kelantan ketika itu iaitu Tuanku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra, Sultan Kelantan sekarang pada 14 Julai 1974. Pengambilan pelajar selengkapnya ialah pada Januari 1975 iaitu 118 pelajar tingkatan 1, 122 tingkatan 4 dan 30 tingkatan 6 rendah. Pada tahun ini juga merupakan julung kali sekolah ini menyediakan calon-calon bagi peperiksaan LCE, MCE dan SPM. Keputusan amat membanggakan iaitu 100% lulus bagi MCE, LCE dan SPM serta 98% lulus bagi SRP.

Pada tahun 1976, 9 buah bilik darjah dan sebuah kantin telah dibina bagi memenuhi keperluan dan berlaku pertambahan bagi kakitangan sekolah kepada 108 orang (akademik dan bukan akademik). Pada 21 Mei 1981 seramai 95 orang pelajar telah diterima masuk untuk memulakan Kursus matrikulasi UKM dan upacara perasmian telah dilakukan oleh Naib Canselor UKM pada masa itu, Profesor Awang Had b. Salleh. Ini bermakna berakhirilah pengambilan pelajar-pelajar ke Tingkatan 6 sehinggalah sekarang.

Mulai 1986, sebuah Kelas Sains Sosial Tingkatan 4 telah dibuka dan pada tahun 1987 terdapat pertambahan kelas bagi tingkatan 4. Jumlah kelas menjadi 24 kelas dan 9 kelas tutorial dengan jumlah pelajar berjumlah 759 orang. Pada 1998 berlaku lagi pertambahan kelas dan jumlah pelajar meningkat menjadi 800 orang.

Sejak sekolah ini dibuka, seramai 8 orang Pengetua telah bertukar ganti iaitu:

- | | |
|---------------------------------|-------------------------------------|
| • En. Mahathir b. Hashim | 16 November 1973 - 28 Februari 1977 |
| • Pn. Hj. Rahmah bt. Hj. Hussin | 15 Mac 1977 - 14 Disember 1977 |

- Tn. Hj. Hamdan b. Abd. Rahman 15 Disember 1977 - 31 Mac 1979
- En. Zakaria b. Puteh 1 April 1979 - 30 November 1984
- Tn. Hj. Shafii b. Hj. Ismail 1 Disember 1984 - 15 Jun 1993
- En. Ishak b. Sin 4 Julai 1993- 30 Jun 1995
- Tn. Hj. Sidi Omar b. Mat Jusoh 1 Julai 1995 - 1 Mei 1996
- Tn. Hj. Wan Mat Tahir b. Abdullah 1 Mei 1996 - 16 Julai 1999
- En. Wan Hamzah b. Wan Daud 16 Julai 1999 - Hingga kini

2.0 Ciri-ciri Sekolah Berkesan

2.1 Kepimpinan Profesional

Encik Wan Hamzah Wan Daud mula bertugas di Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra mulai 16 Julai 1999. Kepimpinan beliau jelas dengan hala tuju yang dikongsi bersama dengan semua warga organisasi. Ilmu kepimpinan yang diperoleh semasa menghadiri kursus kepimpinan di Institut Aminuddin Baki membolehkan beliau merancang secara strategik menjurus kepada kecemerlangan organisasi di bawah kepimpinannya. Fokus kepimpinan strategik sekolah tertumpu kepada 10 bidang keutamaan yang merangkumi kurikulum, kokurikulum, kecemerlangan Hal Ehwal Murid, pembangunan insan, kecemerlangan staf, kecemerlangan ICT, kecemerlangan fizikal, kecemerlangan hubungan luar dan juga kecemerlangan pengurusan serta pentadbiran. Fokus strategik diedarkan kepada semua staf semasa mesyuarat pertama setiap tahun.

Berdasarkan pemerhatian dan temu bual yang dijalankan, pemimpin sekolah ini mempamerkan sifat-sifat berikut:

- Mempunyai hala tuju
- Tegas
- Peramah dan mesra
- Menjalinkan perhubungan yang baik dengan staf

Pengetua sekolah ini juga mempunyai kelulusan dalam bidang psikologi dan ini membantu beliau mendekati staf dan para pelajar dengan lebih berkesan. Dalam satu pemerhatian yang dibuat, pengetua ini berjaya memberi nasihat yang menyentuh hati kepada beberapa orang pelajar yang melanggar disiplin sekolah. Tindakan ini dapat memberi kefahaman di kalangan pelajar kenapa sesuatu tindakan itu diambil ke atas mereka.

Kepimpinan Ikhtisas sekolah ini juga dapat dilihat daripada jumlah Guru Cemerlang yang ramai di sekolah ini. Terdapat 8 orang Guru Cemerlang di sekolah ini merangkumi guru-guru Matematik, Matematik Tambahan, Kimia, Sejarah dan Bahasa Inggeris. Pengetua sekolah ini mengambil langkah bijak mencalonkan guru-gurunya untuk jawatan Guru Cemerlang. Beliau yakin dengan kemahiran pengajaran dan pembelajaran guru-guru di sekolah ini. Kepakaran yang ada pada guru-guru ini dapat membantu sekolah merancang pelbagai program untuk para murid di samping dapat membantu meningkatkan pencapaian kurikulum sekolah ini.

Kemampuan sekolah ini muncul sebagai salah sebuah sekolah “*Top 10*” di antara sekolah-sekolah berasrama penuh seluruh negara di peringkat peperiksaan PMR dan SPM semenjak tahun 2001 hinggalah kini adalah bukti kecemerlangan kepimpinan pengetua sekolah ini.

Pengetua sekolah ini telah bertekad untuk mencemerlangkan aktiviti-aktiviti kokurikulum untuk mengimbangi kecemerlangan kurikulum sekolah. “*Saya ingin buktikan bahawa sekolah asrama penuh bukan sahaja boleh cemerlang dalam kurikulum, tetapi ko-kurikulum pun boleh juga*”. Begitulah kata-kata yang diungkapkan oleh En. Wan Hamzah Wan Daud apabila ditemu ramah oleh penyelidik bila menyentuh tentang pencapaian cemerlang SMSTMFP. Antara anugerah-anugerah yang telah dicapai oleh sekolah ini adalah:

1. Anugerah Kualiti Yang Berhormat Menteri Pendidikan Kategori Sekolah Menengah Berasrama Penuh/SMKA/Kawalan JPN 2001/2002/2003
2. Sekolah Berasrama Penuh Dinamik 2001
3. Johan Inovasi Sains Pertandingan Reka Cipta (Kejuruteraan) dan Inovasi Sains SBP 2002
4. Juara Kelab & Persatuan Kategori Sekolah Menengah 2002 Negeri Kelantan
5. Juara Sukan Kategori Sekolah Menengah 2001/2002

Dalam pemerhatian yang dibuat, En. Wan Hamzah Wan Daud sering menghargai usaha-usaha yang diberikan oleh guru-guru di sekolah ini. Ucapan-ucapan seperti “*Tahniah cik gu di atas kerja kuat cik gu*”, “*Ini bukan kejayaan saya, you all yang sentiasa cemerlang dan komited dengan kerja you*”. Ucapan-ucapan seperti ini dari seorang pemimpin adalah salah satu cara penghargaan pemimpin yang mampu menyuntik semangat kerja yang bersungguh-sungguh di kalangan staf dalam sesebuah organisasi.

Guru-guru sekolah ini juga mempamerkan semangat ingin belajar yang tinggi. Terdapat seorang guru yang mempunyai kelulusan Doktor Falsafah iaitu Dr. Chan Siok Gim yang dikenali sebagai “*Mama*” yang merupakan salah seorang guru yang paling lama berkhidmat di sekolah ini. Beliau bertugas di sini lebih dari 18 tahun. Terdapat tujuh orang lagi staf yang lama berkhidmat di sekolah ini dan di antaranya masih lagi belajar secara sambilan untuk mempertingkatkan kelayakan akademik mereka. Guru seperti ini adalah model terbaik kepada para pelajar untuk dicontohi.

2.2 Perkongsian Wawasan dan Matlamat

Sekolah mempunyai wawasan dan matlamat yang jelas dan dikongsi bersama. Visi dan misi sekolah ini dipaparkan di lokasi-lokasi yang strategik dan penting di sekitar bangunan sekolah. Visi sekolah ini adalah:-

“SMSTMFP Menyediakan Pendidikan Berkualiti Bagi Melahirkan Bakal Pemimpin Bertaraf Dunia”

Untuk merealisasikan visi ini pihak sekolah telah cuba menyediakan pelbagai kemudahan dan persekitaran yang kondusif untuk memberangsang minda guru dan pelajar ke arah kecemerlangan masa akan datang.

Misi Sekolah:

“SMSTMFP komited menyediakan pendidikan berkualiti melalui:

- Kecemerlangan Akademik
- Kemapanan Sahsiah
- Kehebatan Kokurikulum
- Kesejagatan Kepemimpinan
- Kejituan Patriotisme
- Kemahiran ICT

Komitmen warga sekolah ini ke arah merealisasikan visi dan misi sekolah dapat dilihat dalam kejayaan-kejayaan cemerlang yang dicapai oleh warga Farisian. Semangat kerja berpasukan yang mencerminkan semangat kekitaan yang kuat di kalangan warga sekolah dapat diperhatikan dalam aktiviti yang berlangsung semasa pemerhatian ini dijalankan. Aktiviti-aktiviti yang mencerminkan semangat kekitaan yang kuat ini seperti Hari Sukan Sekolah, Hari Pendaftaran Pelajar Tingkatan 1, Mesyuarat PIBG, dan Aktiviti Alumni dapat diperhatikan semasa lawatan dan pemerhatian ‘benchmarking’ yang dilakukan di sekolah ini. Komitmen yang diberikan oleh warga sekolah dapat dicerminkan dalam Prinsip Sekolah ini iaitu:

*This is my school
My school is composed of people like me
It will be friendly, if I am friendly
It will be caring, if I am caring
It will be generous, if I am generous
It will be active, if I am active
It will be great in spirit, if I am great in spirit
It will serve God, if I serve God
This is my school
SMSTMFP*

2.3 Pengukuhan yang Positif

Persekitaran sekolah dengan landskap yang cantik dengan pelbagai kemudahan dapat meningkatkan semangat ingin belajar dan bekerja yang tinggi di kalangan warga SMSTMFP. Sekolah ini pernah memenangi Naib Johan Landskap Sekolah Berasrama penuh dan Anugerah Ketiga Program Peningkatan Keselamatan, Kebersihan dan Keindahan alam sekitar Sekolah ("3K") 2001 dan 2002.

Selain daripada itu, kantin sekolah yang bertaraf bintang, semangat kerja berpasukan dan konsep kekeluargaan yang erat merupakan kunci kejayaan sekolah ini. Semua warganya bergerak sebagai satu pasukan yang jitu dalam menjayakan sesuatu matlamat yang diharapkan. Konsep kekeluargaan juga jelas dilihat apabila Persatuan Pelajar-pelajar Tua SMSTMFP ini aktif memberi sokongan kewangan dan moral dalam menjayakan aktiviti-aktiviti sekolah yang dirancang selain membantu pelajar-pelajar yang mempunyai masalah kewangan.

Pengukuhan yang positif amat perlu untuk kekuatan rohani, jasmani, fizikal dan mental di kalangan pelajar-pelajar dan guru-guru SMSTMFP. Menyedari kepentingan aspek ini Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah telah mengatur pelbagai aktiviti dalam meningkatkan motivasi dalaman dan luaran pelajar-pelajar dan guru-guru. Pelajar-pelajar baru diberikan Kursus Pemantapan Diri untuk melatih ketahanan dari segi fizikal dan mental dan dapat membentuk para pelajar ke arah kecemerlangan. Selain itu Kursus Jati Diri Pelajar di adakan demi memupuk semangat patriotisme, cintakan agama, bangsa dan negara selain mendidik diri menghormati pemimpin.

Aktiviti "**Bicara Tokoh**" yang diadakan oleh pihak sekolah dapat membuka minda para pelajar bahawa untuk berjaya dengan cemerlang memerlukan ketekunan, semangat juang yang tinggi dan usaha yang tidak mengenal jemu. Bekas-bekas pelajar SMSTMFP yang telah terbukti cemerlang dalam kerjaya mereka, dijemput untuk memberikan motivasi kepada pelajar-pelajar seperti ahli-ahli korporat yang berjaya, doktor pakar dan jurutera. Dengan cara ini para pelajar akan mendapat "*first hand information*" dari mereka yang berjaya dan maklumat ini bukanlah rekaan semata-mata. Dengan ini pelajar-pelajar terdorong dan bermotivasi tinggi untuk meningkatkan usaha ke arah kecemerlangan seperti tokoh-tokoh yang telah dijemput.

Menyedari hakikat bahawa keyakinan diri amat penting dalam mencapai kecemerlangan, Program Motivasi Bersiri dirancang oleh Kaunselor sekolah di bawah Unit Bimbingan dan kaunseling dengan kumpulan sasaran yang berbeza iaitu pelajar-pelajar tingkatan 1, 2, 3, 4 dan 5. Pakar-pakar motivasi dijemput untuk memenuhi program-program ini selain penglibatan para ibu bapa yang dialu-alukan.

Hadiah-hadiah, biasiswa-biasiswa dan anugerah-anugerah diberikan kepada pelajar-pelajar yang cemerlang baik dalam kurikulum ataupun kokurikulum. Pengetua sekolah ini berganding bahu dengan staf-stafnya untuk mencari dana untuk menyediakan hadiah-hadiah kecemerlangan sebagai pengukuhan yang positif kepada pelajar-pelajar. Antara hadiah, biasiswa dan anugerah itu adalah :

- a. Anugerah Khas Pengetua
- b. Anugerah Cemerlang PIBG
- c. Biasiswa Alumni SMSTMFP
- d. Hadiah Cemerlang PMR dan SPM

Majlis Anugerah Sijil dan Program Khas Majlis Sirih Pulang Ke Gagang diadakan khas untuk pelajar-pelajar tingkatan 5. Ini adalah acara simbolik kepada penutupan tirai tahun terakhir pelajar-pelajar tingkatan 5 berada di kampus sekolah sebagai seorang manusia bergelar pelajar. Pelbagai perasaan berbaur hati di kalangan pelajar -pelajar tingkatan 5 sebelum meninggalkan SMSTMFP.

Bagi pihak guru-guru pula, kursus-kursus dalaman sentiasa diadakan dari masa ke semasa. Di samping itu program-program *benchmarking* sekolah-sekolah cemerlang dirancang oleh pihak pengurusan dengan kerjasama Kelab Guru.

2.4 Pemantauan Kemajuan

Sekolah ini memantau kemajuan pelajar dari aspek kurikulum, disiplin, pembangunan sahsiah dan agama. Dalam bidang kurikulum, sekolah ini melaksanakan *Ujian Pengesanan* pada awal tahun untuk memastikan tahap penguasaan para pelajar dalam setiap subjek. Ini membolehkan para guru merancang program-program yang bersesuaian untuk memastikan para pelajar maju dalam pelajaran mereka. Selain daripada itu pelbagai strategi dirancang dalam memantau kemajuan pelajar-pelajar. Antaranya ialah:

- Mesyuarat JK Kurikulum sebulan sekali
- Mesyuarat Panitia secara formal dan tidak formal (sekurang-kurangnya 8 kali setahun)
- Penyeliaan Proses Pengajaran dan Pembelajaran
- Kelas-kelas Bimbingan dan Tutorial bagi kumpulan sasaran tertentu
- Pemeriksaan Buku Latihan Rampaian Pelajar secara berkala
- Akujanji Pelajar-ibu bapa, Pelajar-Guru Mata Pelajaran dan Pelajar-Pengetua
- Program Jalinan Minda (Perjumpaan antara Ibu bapa/Penjaga Pelajar dengan Guru-guru Mata Pelajaran atau Mentor)
- Program Bicara Mutiara (Perjumpaan antara Pengetua, Penolong Kanan dan Kaunselor dengan Pelajar-pelajar yang berprestasi rendah)

- Penaksiran/Penilaian bulanan/Topikal
- Program Pelajar Bimbing Pelajar: Program Berkembar Pelajar Tingkatan 4 & Tingkatan 1.

Strategi-strategi ini membolehkan pihak sekolah memantau kemajuan pelajar dan sekali gus memastikan pencapaian para pelajar sentiasa cemerlang.

Dalam pemantauan disiplin pula, Sistem *mentor-mentee* (Keluarga Prihatin) dipraktikkan. Perjumpaan *Mentor-mentee* diadakan 2 minggu sekali di asrama. Sistem ini memberi perkhidmatan secara berkelompok yang berbentuk '*Parents Substitute*' kepada pelajar-pelajar. Program ini mewujudkan beberapa hubungan di mana merangkumi hubungan antara pelajar yang dikenali sebagai *mentee* dan guru sebagai mentor. Rasional program ini adalah untuk mewujudkan sebuah keluarga yang mana asrama dijadikan '*base*' kepada pertemuan antara anak dan ibu bapa. Sebagai ibu bapa peranan yang dimainkan ialah memerhatikan perkembangan anak-anak, menasihati, menegur, memberi motivasi dan perangsang. Begitulah sebaliknya sebagai seorang anak yang dewasa akan membantu adik-adik yang lebih kecil. Selain dari itu pemeriksaan juga diadakan dari masa ke semasa untuk memantau tahap disiplin murid-murid.

Dalam aspek keagamaan, sekolah ini menekankan solat jemaah di kalangan pelajar dan juga amalan bacaan doa dalam setiap aktiviti harian sekolah contohnya perhimpunan dan jamuan makan. Penerbitan risalah-risalah agama bulanan terbitan Badan Pelajar Islam, Kelas Al-Quran, kuliah agama dan bacaan Yasin setiap Khamis/Jumaat dapat membantu dalam memantau amalan dan ibadah harian para murid.

2.5 Hak dan Tanggungjawab Pelajar

Murid-murid di sekolah ini dipastikan oleh pihak sekolah mendapat keperluan asas yang diperlukan di bilik darjah dan di asrama. Di setiap bilik darjah, pengetua sekolah ini telah mengambil langkah untuk menyediakan "*locker*" untuk setiap pelajar. Ini bertujuan supaya para pelajar boleh menyimpan beg dan buku-buku mereka. Pengetua sekolah ini berpendapat beg dan buku-buku pelajar perlu di jaga dengan rapi kerana ia berkaitan rapat dengan keberkatan ilmu yang dipelajari oleh pelajar-pelajar. Oleh yang demikian beg dan buku-buku tidak boleh diletakkan di lantai atau di kerusi. Oleh itu para pelajar perlu menjaga kemudahan yang disediakan ini dengan baik dan dengan penuh rasa tanggungjawab.

Manakala di asrama pula segala keperluan asas diberikan selain tempat ibadah yang sangat selesa. Tempat tinggal dan iklim asrama yang kondusif menjadi faktor yang penting dalam merangsang minda yang cergas dan fizikal yang sihat. Pelajar-pelajar apabila berasa selesa mereka akan mendapat rangsangan yang positif untuk belajar .

Bagi pelajar-pelajar miskin mereka diberikan segala bentuk bantuan yang diperlukan sekiranya mereka menghadapi sebarang masalah. Kebajikan mereka sentiasa dijaga oleh pihak pengurusan sekolah seperti pelajar-pelajar yang menghadapi masalah kewangan. Pihak sekolah akan mengambil inisiatif untuk mencari sumber kewangan tersebut dari mana-mana pihak yang mampu membantu.

Selain dari itu, pelajar juga diberi ruang yang seluas-luasnya untuk memperkembangkan potensi kegiatan kurikulum dan kokurikulum supaya kecemerlangan dalam kedua-dua bidang ini selari dengan cita-cita sekolah dan negara. Untuk tujuan itu segala prasarana yang disediakan seperti makmal bahasa, makmal komputer, pusat sumber adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk menggunakannya secara optimum.

Demi menggalakkan penglibatan murid dalam aktiviti sekolah, seorang murid dibenarkan hanya memegang satu jawatan tertinggi (Presiden) dalam penglibatan kokurikulum. Mereka juga dibenarkan mewakili sekolah dalam satu permainan sahaja. Ini adalah untuk menggalakkan penglibatan murid semaksimum yang boleh dalam memastikan murid-murid bukan sahaja cemerlang akademik malah bukan akademik sama ada di peringkat sekolah, daerah, zon, negeri, dan kebangsaan.

Murid juga disediakan perkhidmatan kaunseling. Ini merupakan khidmat bimbingan yang boleh didapati oleh para murid dan sekolah mempunyai kaunselor-kaunselor yang berkelayakan untuk membimbing mereka. Usaha ini dapat melahirkan murid tidak bermasalah yang dapat menguruskan kerja-kerja dengan cekap dan bijaksana.

Adalah menjadi tanggungjawab murid untuk mematuhi segala peraturan sekolah dan asrama. Hubungan silaturrahim di kalangan warga sekolah adalah juga menjadi tanggungjawab murid untuk dipupuk dengan bimbingan guru-guru dan pihak pengurusan sekolah. "*Farisian cergas cemerlang*" adalah tanggungjawab murid untuk merealisasikan dengan sokongan dan bimbingan dari pihak guru dan sekolah.

2.6 Permuafakatan Sekolah - Komuniti

Permuafakatan sekolah dengan PIBG dan juga Persatuan Murid Tua (Alumni) sangat erat. Pelbagai program, aktiviti serta projek berjaya dilaksanakan. Antaranya :-

- Sukan tahunan sekolah yang dijayakan dengan kerjasama PIBG
- Pembinaan surau sekolah bernilai RM 800,000.00 sumbangan Murid Tua
- Program motivasi kecemerlangan akademik setiap tahun oleh Murid Tua
- Hari Pendaftaran murid baru dikendalikan oleh Murid Tua

- Pembinaan landskap sekolah sumbangan Murid Tua
- Biasiswa Murid Miskin Sumbangan Murid Tua

3.0 Penutup

Secara keseluruhannya, kecemerlangan sekolah ini bergantung kepada beberapa perkara seperti berikut:-

- Mempunyai wawasan dan hala tuju yang jelas.
- Dengan ini semua warga sekolah berusaha dengan bersungguh-sungguh mencapai matlamat yang sama.
- Komitmen pihak pengurusan untuk mencapai kecemerlangan .

Ini merupakan salah satu motivasi luaran yang membantu pencapaian yang cemerlang sekolah ini.

- Bekerja sebagai satu pasukan.

Semangat kekitaan iaitu "*Farisian*" wujud dengan kuat di kalangan staf dan para pelajar.

- Semangat kekeluargaan yang tinggi.

Perasaan "*sekolah kita jaga*" dan "*Berat sama dipikul dan ringan sama dijinjing*" jelas dipraktikkan.

- Hubungan baik dengan komuniti dan murid tua.

Jaringan yang kuat ini membantu kecemerlangan pelajar.

- Perancangan dan pelaksanaan yang baik dalam semua aspek utama

- Kemahiran pemikiran kritis dan kreatif perancang sekolah mampu menerajui organisasi ini.

- Penilaian dan pemantauan yang berterusan

Segala kelemahan dapat diatasi dan kecemerlangan diteladani.

- Pihak pengurusan mempunyai jaringan yang mantap yang boleh dieksploitasi untuk memajukan sekolah.

SEKOLAH MENENGAH TEKNIK SUNGAI PETANI 2 SUNGAI PETANI, KEDAH

1.0 Pengenalan

1.1 Latar Belakang Sekolah

Sekolah Menengah Teknik Sungai Petani 2 telah ditubuhkan pada tahun 1998. Pada asalnya sekolah ini dikenali sebagai Sekolah Menengah Vokasional Sungai Petani 2 dan telah ditubuhkan pada tahun 1989. Oleh kerana sekolah ini adalah sekolah menengah teknik, maka pelajar-pelajarnya terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan 4 dan 5 sahaja, yang berjumlah lebih kurang 800 orang pelajar.



Sekolah ini mempunyai falsafah, visi dan misinya sendiri.

Falsafah sekolah ialah;

"Pendidikan yang memberi penekanan kepada perkembangan potensi individu disertai dengan pemupukan nilai-nilai luhur secara teori dan amali agar dapat melahirkan insan berilmu, berkemahiran dan berakhlak mulia serta berupaya memberi sumbangan ke arah kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat dan negara."

Visi sekolah ini adalah;

*“Melahirkan insan yang cemerlang untuk kesejahteraan negara.”
Manakala misinya pula adalah “Bersama menggembleng tenaga mendidik serta melatih generasi muda berlandaskan nilai-nilai agama.”*

Sekolah ini mempunyai satu hala tuju yang berfokus untuk menjadikan Sekolah Menengah Teknik Sungai Petani 2 antara yang terunggul dikalangan sekolah-sekolah menengah teknik di Malaysia.

Pada tahun 2002, Sekolah Menengah Teknik Sungai Petani 2 telah dianugerahi Sekolah terbaik antara sekolah-sekolah Menengah Teknik di Malaysia.

1.2 Keistimewaan Sekolah

Sekolah ini mempunyai beberapa keistimewaan yang tidak terdapat di sekolah lain. Faktor terpenting ialah keluasan sekolah iaitu 40 ekar yang membolehkan banyak bangunan dibina tanpa memudaratkan landskapnya. Bahkan landskapnya menghidupkan satu ambien yang merangsang suasana pengajaran dan pembelajaran.

2.0 Ciri-ciri Sekolah Berkesan

2.1 Kepimpinan Profesional

Faktor kedua adalah kepimpinan. Kepimpinan pengetua dan guru-guru penolong kanan tidak pernah bercanggah bahkan sehaluan. Pengetua, walaupun seorang perempuan telah dapat menunjukkan kewibawaannya. Antara sifat-sifat semula jadi yang telah dapat digilap dengan baik adalah;

- Kepimpinan berfokus.
- Kepimpinan melalui teladan.
- “Low Profile”, tidak pernah membesarkan diri
- Pengetua berwibawa dan bersahsiah tinggi. Ikhlas, jujur, tegas dan telus yang dapat dilihat melalui air mukanya dan tindakan-tindakannya. Pengetua boleh dibawa berunding dan bertolak-ansur.
- Memberi pengupayaan (empowerment) dalam bidang tugas masing-masing (tadbir dan ikhtisas) mengikut jawatan dan kebolehan seperti dalam kokurikulum.
- Menyokong keputusan pegawai-pegawai yang diberi pengupayaan.
- Kepimpinan demokrasi. Ini dapat dilihat dalam pengendalian mesyuarat-mesyuarat.

- Setiap pendapat dan pandangan kakitangan dipertimbangkan.
- Mengutamakan kebajikan pelajar dan kakitangan daripada diri sendiri.
- Bertindak profesional iaitu berbincang dahulu dengan kepimpinan sekolah dan mengambil tindakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran.
- Mengamalkan falsafah permuafakatan membawa berkat.
- Penekanan konsep ibadah dalam pekerjaan.

2.2 Perkongsian Wawasan dan Matlamat

Sekolah sentiasa mengamalkan perkongsian wawasan dan matlamat. Visi dan misi sekolah yang telah dibina telah dihayati bersama semua warga sekolah termasuk kontraktor-kontraktor asrama, kantin, kebersihan kawasan, dan syarikat keselamatan.

Selain itu pengurusan sekolah mengamalkan

- Budaya Ilmu
- Sekolah Penyayang
- Pengiktirafan dan Penghargaan Kepada Semua.
- Hubungan dan Kerjasama ke arah Kesejahteraan Semua
- Berkhidmat Dengan Senyuman
- Konsep Permuafakatan.



2.3 Suasana Pembelajaran Yang Unggul

Pengurusan sekolah telah dapat membina dan mengekalkan satu suasana pembelajaran yang unggul. Ini telah dapat dicapai melalui perancangan yang rapi serta pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang dipantau setiap masa sehingga matlamat pengajaran dan pembelajaran tercapai. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dan sedang dilaksanakan;

- Pencerapan guru secara berjadual.
- Mengemas kini buku rekod pengajaran seperti dikehendaki oleh Kementerian Pelajaran.
- Pemeriksaan yang kerap buku-buku rekod pengajaran mengikut jadual yang telah ditetapkan di awal tahun.
- Komitmen guru dalam semua proses penilaian dan peperiksaan.
- Komitmen guru mengajar mengikut sukatan pelajaran.
- Pembahagian tugas yang sama rata dalam setiap program.

2.4 Penumpuan Kepada Pengajaran dan Pembelajaran

Banyak program diadakan sepanjang tahun dalam meningkatkan prestasi pelajar seperti;

- BINA (Bimbingan Individu Akademik)

Program peningkatan konsep asas mata pelajaran (back to basics) bagi pelajar-pelajar “galus” (gagal-lulus). Ini dilaksanakan selepas sukatan pelajaran selesai. Modul disediakan oleh setiap panitia mata pelajaran. Tujuan khusus ialah pemahaman asas konsep-konsep yang diperincikan semula. Semua kekeliruan berkaitan konsep-konsep ini diperjelaskan dalam program ini.

- BUDI (Bimbingan Untuk Didik Individu)

Program peningkatan kemahiran-kemahiran belajar, menulis nota dan peta minda. Selalunya diadakan di awal tahun tingkatan 4 dan dijalankan oleh beberapa orang pensyarah yang terkenal.

- UTIM (Ulang kaji Terancang Ikut Modul)

Dilaksanakan selama 40 hari selepas selesai semua sukatan mata pelajaran diajar bersama-sama dengan program BINA. Modul ini disediakan oleh panitia mata pelajaran. Di akhir setiap modul terdapat ujian-ujian yang selari dengan peperiksaan SPM. Pelajar hanya dapat membuat modul seterusnya selepas lulus ujian di akhir sesuatu modul sebelumnya. Modul mengandungi sukatan mata pelajaran tingkatan 4 dan 5.

- Program Pecutan Akhir

Program latihan-tubi soalan-soalan khas bagi pelajar-pelajar tingkatan 5 sebelum mengambil peperiksaan SPM.

- ELITIS

Program Motivasi dijalankan dalam hotel 5 bintang dengan bantuan PIBG khusus bagi pelajar-pelajar cemerlang.

2.5 Pengajaran Yang Mempunyai Hala Tuju Yang Jelas

Pengetua akan menerangkan hala tuju sekolah dengan seberapa jelas seperti yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah Pelajaran dan Pengarah Pelajaran Negeri. Sukatan pelajaran diikuti sepenuhnya seperti dipersetujui dalam mesyuarat panitia mata pelajaran. Setiap guru dipastikan komited dengan amanah yang diberikan.

2.6 Penghargaan Yang Tinggi

Sekolah sangat prihatin kepada kemajuan setiap pelajar. Sekolah mengiktiraf kecemerlangan pelajar dalam bidang kurikulum dan kokurikulum.

2.7 Pengukuhan yang Positif

Setiap pelajar diberi tumpuan yang sama. Pada awal tahun pelajar-pelajar akan dikumpulkan dalam kumpulan yang mengandungi 10 orang pelajar. Setiap kumpulan akan dipimpin oleh seorang pelajar cemerlang yang akan memberikan tunjuk ajar akademik dan sahsiah.

2.8 Pemantuan Kemajuan

Hak dan tanggungjawab pelajar dijelaskan pada awal tahun semasa Program Orientasi Tingkatan 4 dan Program Orientasi Tingkatan 5. Topik-topik disentuh ialah;

- Taklimat disiplin dan pemeriksaan diri
- Pembentukan kumpulan
- Kokurikulum
- Peperiksaan
- Ketahanan diri
- Taklimat asrama
- Ceramah agama

- Motivasi
- Qiamullail

2.9 Permuafakatan Sekolah Komuniti

Pihak sekolah dan PIBG sentiasa bekerja rapat dalam memajukan sekolah. Antaranya ialah perjumpaan dengan pelajar-pelajar bermasalah bersama-sama keluarga masing-masing. Pelajar-pelajar yang dibuang sekolah boleh membuat rayuan hanya dengan kehadiran keluarga masing-masing.

2.10 Organisasi Pembelajaran

Disiplin dititikberatkan dari awal lagi. Ini dapat dilihat daripada aktiviti orientasi pelajar-pelajar baru tingkatan 4 dan tingkatan 5. Disiplin di asrama dijalankan oleh warden-warden asrama bagi setiap blok manakala dalam kelas dan bengkel-bengkel oleh guru-guru mata pelajaran masing-masing.

2.10.1 Penonjolan Kekuatan dan Menangani Krisis

Kekuatan sekolah dapat dilihat daripada perspektif kepimpinan pengetua, komitmen guru-guru penolong kanan serta ketua-ketua panitia mata pelajaran yang sehaluan dengan pengetua. Perancangan dibuat pada bulan Disember lagi melibatkan semua guru dan kakitangan sokongan. Apa yang telah dirancang dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh sehingga berjaya. Kebanyakan guru-guru adalah guru-guru muda yang sangat komited dan bertenaga. Pemantauan akademik dan kokurikulum dijalankan berterusan mengikut jadual yang telah ditetapkan.



Kemudahan nurseri bagi kemudahan guru-guru yang mempunyai anak kecil.

Sekolah ini adalah sekolah vokasional yang mata pelajarannya adalah Sains Rumah Tangga, jahitan dan reka bentuk fesyen. Oleh itu kebanyakan pelajar adalah pelajar perempuan. Oleh itu, masalah disiplin adalah tidak serius. Pada tahun 1996, sekolah ini ditukar menjadi sekolah menengah teknik. Dengan perubahan ini, ramai pelajar lelaki telah memasuki sekolah ini. Untuk membendung masalah disiplin di sekolah ini, pihak sekolah telah merancang dan melaksanakan program-program menangani disiplin, seperti menghayati dan mengamalkan perintah Tuhan dan sunah Nabi Muhammad S.A.W. Guru-guru bukan agama Islam juga dipelawa dan telah mengambil bahagian yang aktif.

2.10.2 Persekitaran

Satu indikator kecemerlangan sekolah ini ialah “*turnover*” guru, iaitu bilangan guru yang memohon pertukaran. Di sekolah ini, “*turnover*” guru sangat kecil. Guru-guru yang pindah adalah disebabkan kenaikan pangkat sahaja. Keduanya, walaupun pengurusan berteraskan Islam, guru-guru bukan Islam tidak membantah bahkan patuh kepada keputusan yang dibuat bersama. Selain itu, bilik guru berhawa dingin dan sangat luas. Kemudahan nurseri juga diadakan bagi kemudahan guru-guru yang mempunyai anak kecil. Program-program peningkatan profesional guru diadakan dari masa ke semasa secara berterusan. Insentif juga diberikan pada kelab staf dan sukan seperti lawatan rekreasi untuk semua staf dan majlis jamuan *pot luck* dan hari keluarga.

3.0 Penutup

Kesimpulannya, pihak pengurusan sekolah telah merancang dan melaksanakan berbagai-bagai program yang kreatif dan inovatif untuk meningkatkan kecemerlangan dalam bidang kurikulum, kokurikulum dan sahsiah. Hal ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada pihak pengurusan sekolah yang lain untuk sama-sama meningkatkan kecemerlangan sekolah masing-masing.

SEKOLAH MENENGAH TEKNIK TANAH MERAH TANAH MERAH, KELANTAN

1.0 Pengenalan

1.1 Latar Belakang Sekolah



Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah (SMTTM) yang dahulunya dikenali sebagai SM Vokasional telah dibuka pada Disember 1989. Sekolah ini mula beroperasi sepenuhnya pada 24 Februari 1990 dengan kumpulan pertama pelajar tingkatan empat seramai 234 orang yang mengikuti 12 kursus yang ditawarkan. Kursus-kursus tersebut terdiri daripada 7 kursus aliran pertukangan dan 5 kursus aliran ERT.

Pada 26 Februari 1997, sekolah ini telah bertukar nama dari SM Vokasional kepada SM Teknik apabila kumpulan pertama tingkatan 4 aliran teknik seramai 120 orang pelajar mula mendaftar diri. Kursus-kursus aliran teknik yang ditawarkan ialah Kejuteraan Mekanikal, Kejuteraan Awam dan Kejuteraan Elektrik. Ekoran perkembangan tersebut aliran vokasional turut mengalami perubahan iaitu dengan menawarkan 4 kursus aliran Pertukangan, 4 kursus aliran ERT dan 5 kursus aliran Kemahiran. Pada tahun 2000 jumlah pengambilan pelajar bagi aliran teknik telah meningkat kepada 240 orang.

Perkembangan jumlah pelajar dan guru dari tahun 1990 hingga 2003

Jadual I: Bilangan pelajar dari tahun 1990 hingga 2003

Tahun	Aliran				
	TEK	VOK	ERT	KEM	Jumlah
1990	-	140	123	100	363
1995	-	166	186	135	487
1997	120	155	188	125	588
2003	450	360	369	108	1287

Sumber: Majalah SMTTM 2002/2003

Jadual II: Bilangan guru dari tahun 1990 hingga 2003

Bil.	Kategori Guru	1990	1995	1997	2003
1	Siswazah	45	55	69	108
2	Bukan Siswazah	30	43	48	33
3	Staf Sokongan	15	17	17	20
JUMLAH		95	115	134	161

Sumber: Majalah SMTTM 2002/2003

1.2 Pernyataan Visi Sekolah

Melahirkan tenaga profesional dan juruteknik yang cekap, berketrampilan dan bertanggungjawab kepada penciptanya dan masyarakat.

1.3 Pernyataan Misi Sekolah

- Mewujudkan iklim bilik darjah dan persekitaran yang memberangsangkan budaya ilmu untuk mencapai cita-cita membina sekolah Menengah Teknik Tanah Merah yang unggul, dinamis serta gemilang
- Berusaha sedaya-upaya menyediakan infrastruktur pendidikan berkualiti yang secukupnya serta tenaga pengajar dan pengurusan yang profesional, berdisiplin, dedikasi, kreatif dan inovatif.

1.4 Anugerah-Anugerah Kecemerlangan SMTTM

- Anugerah Sekolah harapan Negara
 - (a) Peringkat negeri:
 - i. Johan 2002
 - ii. Johan 2003 (Kategori SM Teknik)
 - (b) Peringkat Kebangsaan: tempat Kedua (Kategori SM Teknik)

- Anugerah-anugerah lain yang pernah dimenangi oleh Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah semasa berada di bawah kepemimpinan sekarang (Tuan Haji Hassan bin Kemat) seperti dalam Permainan dan sukan, Persatuan/Kelab dan Badan Beruniform.

2.0 Ciri-ciri Sekolah Berkesan

2.1 Kepimpinan Profesional

Dapatan daripada temu bual dengan Pengetua dan guru-guru yang terpilih (secara rawak) menunjukkan Pengetua Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah menunjukkan ciri-ciri kepimpinan cemerlang. Pengetua adalah seorang yang berwawasan, berprinsip dan senang dibawa berunding (Responden 1). Dasar sekolah yang ditetapkan adalah selari dengan kehendak visi dan misi sekolah (Responden 3). Contohnya Pengetua adalah pencetus idea kepada program Hari Graduasi, Hari Kokurikulum dan *English In-Camp* yang bermatlamat menjadikan visi dan misi sekolah sebagai satu realiti.

Pengetua sentiasa berusaha mewujudkan budaya ilmu dan berfikir di kalangan warga sekolah selaras dengan kehendak misi sekolah. Contohnya, sebelum sesuatu idea dikemukakan kepada warga sekolah, beliau akan mengumpul fakta dan membuat rujukan. Antara sumber bacaan yang diminati ialah buku *Thinking Big*. Ini dapat dilihat melalui idea Hari Kokurikulum yang diilhamkan oleh beliau. Beliau mula bercerita dengan GPK Kokurikulum yang kemudian dilantik sebagai Pengarah (satu strategi beliau gunakan untuk meningkatkan motivasi staf dengan menggunakan gelaran nama jawatan yang hebat seperti pengarah). Selepas perbincangan dengan GPK Kokurikulum, baru dibawa ke mesyuarat eksekutif (Mesyuarat Ketua Jabatan) dan menyerahkan kepada ahli mesyuarat eksekutif untuk membuat keputusan bersama. Idea atau cadangan baru ini hanya dikemukakan kepada semua staf apabila idea tersebut diterima oleh ahli mesyuarat eksekutif. Dalam menyampaikan idea baru ini, beliau sentiasa bersedia dengan keadaan yang diistilahkan *the black sheep* dan cuba meminimumkan cabaran supaya segala rancangan yang telah dipersetujui bersama berjalan seperti yang dirancang. Dengan kata lain, Pengetua bersedia melakukan pembaharuan dan perubahan sekolah ke arah yang lebih baik tanpa terlalu memikirkan kepada risiko dan senantiasa bersedia bertindak dengan penuh hemah dalam menangani sesuatu isu atau masalah yang boleh menimbulkan konflik kepada sekolah. Dalam mengurus perubahan dan pelaksanaan perancangan, Pengetua mengambil sikap terpuji dengan sentiasa memberikan peluang dan fleksibel kepada warga sekolah dalam melaksanakan program yang dirancang (Responden 5).



2.2 Perkongsian Wawasan dan Matlamat

Dapatan daripada temu bual secara rawak guru-guru yang terpilih menunjukkan semua warga sekolah berkongsi matlamat yang sama iaitu untuk mencapai kecemerlangan seperti yang dinyatakan dalam visi dan misi (Responden 6). Perkongsian ini wujud apabila semua guru telah diberi penerangan yang jelas tentang visi dan matlamat sekolah dan hubungannya dengan setiap aktiviti yang akan dijalankan (Responden 4). Ini penting bagi menimbulkan semangat *a Sense of belonging* dan motivasi di kalangan guru-guru terhadap aktiviti-aktiviti yang dirancang dan akan dijalankan (Responden 6). Sebagai contoh, pihak sekolah berjaya menganjurkan beberapa program besar yang dilakukan secara bersama oleh semua warga sekolah seperti Hari Assyura, Hari Terbuka Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah, Hari Graduasi, Hari Ulang Tahun Kokurikulum dan English In-Camp. Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah adalah pencetus idea aktiviti tersebut dan kini telah dilaksanakan secara bersama dengan sekolah menengah teknik lain diperingkat negeri.

Pendekatan yang diambil oleh Pengetua untuk memastikan setiap warga sekolah berkongsi visi dan misi sekolah ialah dengan sentiasa memaklumkan secara langsung atau tidak langsung dalam setiap perjumpaan dengan stafnya (Responden 9). Pernyataan visi dan misi dipamerkan di sudut strategik dan mudah dilihat supaya semua warga sekolah sentiasa mengingati dan menghayati visi dan misi sekolah sebagaimana dijelaskan oleh Pengetua:

“Saya sentiasa timbulkan keghairahan. Saya mahu guru saya bangga menjadi guru dan saya sentiasa menjadikan diri saya sebagai contoh teladan (Model). Contohnya saya mengajak guru-guru saya bersama berpakaian segak dan comel pada hari Ahad, kasut berkilat dan mempertuturkan percakapan yang cantik”.



2.3 Suasana Pembelajaran yang Unggul

Suasana pembelajaran yang kondusif adalah merupakan salah satu aspek yang dinyatakan secara jelas dalam pernyataan misi Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah (rujuk penyataan misi SMTTM). Pernyataan Responden 7 menjelaskan perkara ini:

“Suasana pembelajaran yang unggul wujud di sekolah ini dengan adanya keperluan pengajaran dan pembelajaran yang lengkap, bilik darjah dihias dengan kemas berasaskan konsep kelas beridentiti. Pondok ilmu yang menarik dibina untuk kemudahan pelajar pada waktu rehat. Persekitaran sekolah yang ceria dengan pokok-pokok bunga dan lanskap yang cantik termasuk Taman Pokok Herba”.

Hal ini ditegaskan lagi oleh Responden 8 bahawa suasana sekolah yang ceria melalui kelas yang ceria, persekitaran yang menarik dan kondusif adalah penting kerana ini dapat membantu merangsang minda dan semangat kerja semua warga sekolah ke arah kecemerlangan Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah.

Lawatan pertama pada hari pertama sekolah dibuka menunjukkan semua warga sekolah begitu sibuk sekali menyediakan dan meningkatkan keceriaan bilik, bengkel dan bilik-bilik lain termasuk bilik guru. Lawatan kali kedua pada bulan Februari menunjukkan pembelajaran di dalam kelas berjalan sepenuhnya termasuk kegiatan ko-kurikulum. Dalam lawatan kedua, sekolah sibuk membuat persediaan bagi menyambut Hari Kokurikulum. Program ini adalah pertama kali dilakukan secara besar-besaran dan ini merupakan inisiatif baru tahun ini oleh Pengetua Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah. Pandangan Pengetua Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah menjelaskan lagi kepentingan aspek ini:

“Antara visi saya ialah ingin mengubah pandangan masyarakat (pelanggan) terhadap sekolah teknik iaitu daripada sekolah ‘second class’ atau ‘second choice’ kepada sekolah ‘First Choice’ terutama di kalangan ibu bapa yang anak-anak mereka cemerlang dalam PMR . Program seumpama ini perlu bagi meningkatkan keyakinan dan imej sekolah teknik dan vokasional di kalangan masyarakat”.

2.4 Penumpuan kepada Pengajaran dan Pembelajaran

Pengajaran dan pembelajaran tetap menjadi fokus utama Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah dalam meningkatkan kecemerlangan sekolah. Misi memperkenalkan sekolah melalui kecemerlangan kurikulum menjadi sumber inspirasi bagi guru-guru Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah untuk sentiasa berusaha gigih bagi meningkatkan prestasi pencapaian sekolah khususnya dalam peperiksaan SPM. Bagi mencapai misi tersebut, pihak sekolah banyak merancang program peningkatan akademik seperti Kelas Tambahan, Kelas Intensif, Program 40 hari, Kempen 9A, Kempen Sijil, dan Bengkel Teknik Menjawab Soalan. Selain itu, aktiviti seperti post-mortem pada setiap kali ujian dalaman dijalankan (Responden 2). Temu bual dengan GPK 1 menjelaskan lagi peranan pihak pengurusan khususnya Pengetua bahawa kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran tetap fokus utama sekolah:

“ Pengetua sentiasa menggalakkan guru supaya lebih kreatif dan berinovasi dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. Pengetua dan setiap guru kanan sentiasa memantau pelaksanaan pembelajaran di samping membimbing guru-guru untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran”.

2.5 Pengajaran yang Mempunyai Hala Tuju yang Jelas

Kecemerlangan Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah berpunca daripada perkongsian hala tuju yang jelas di kalangan guru-gurunya terhadap apa yang perlu dilakukan oleh mereka dalam pengajaran di bilik darjah bagi mencapai visi dan misi sekolah (Responden 10). Hala tuju yang jelas ini juga mendapat sokongan padu daripada unit-unit lain seperti pusat sumber dan unit kaunseling sekolah bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat dilakukan dengan sebaik-baiknya.

Bagi membantu meningkatkan kecekapan dan kecemerlangan pengajaran guru, pihak sekolah mengadakan Program Pembangunan Staf (Responden 3). Temu bual dengan guru-guru bengkel kemahiran seperti ERT dan bengkel vokasional lain menunjukkan mereka mempunyai hala tuju pengajaran yang jelas dan murni serta berdedikasi dalam melatih dan memberikan kemahiran kepada pelajar yang terdiri daripada pelbagai aras keupayaan. Guru-guru mampu memberikan keyakinan kepada pelajar-pelajar bahawa mereka mampu memiliki kemahiran yang sepatutnya apabila tamat belajar dari Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah. Sebagai bukti melalui perkhidmatan penyajian makanan dan perkhidmatan oleh pelajar-pelajar ERT kepada penyidik semasa melakukan lawatan kali pertama adalah cemerlang.

Perhimpunan Rasmi

Suasana pagi yang berkabus yang jarang-jarang dirasakan di sesetengah sekolah khususnya di bandar-bandar telah mengukir kesegaran kepada warga Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah. Pada hari pertama itu, mereka seolah-olah telah bersiap sedia menerima arahan memasuki dewan untuk mendengar amanat yang akan disampaikan oleh guru-guru khasnya pengetua mereka. Pada hari pertama persekolahan perhimpunan rasmi diadakan guru-guru telah siap sedia dengan pakaian rasmi mereka iaitu blazer. Guru-guru bukan sahaja kelihatan kemas malah lebih dihormati dan dipandang tinggi.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa dan seterusnya Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) menyampaikan ucapan alu-aluan kehadiran pelajar sambil mengingatkan objektif dan matlamat mereka berada di sekolah teknik yang berbeza dengan sekolah-sekolah biasa yang lain. Dalam majlis ini juga Penolong Kanan Hal Ehwal Murid turut memberikan kata-kata semangat dan motivasi kepada pelajar. Antara acara menarik dalam perhimpunan rasmi tersebut, pengetua membacakan ayat-ayat suci Al-Quran bagi mewujudkan keyakinan pelajar bahawa pendekatan ini amat sesuai dengan budaya tempatan yang pelajarannya hampir 100% Melayu. Setelah pengetua membacanya kali pertama, pelajar pula dikehendaki mengikutnya membaca bersama-sama. Dalam ucapan hari pertamanya juga, pengetua telah menekankan tentang visi dan misi sekolah yang inginkan pencapaian kecemerlangan pelajar-pelajar dalam kurikulum dan kokurikulum. Perhimpunan pada pagi itu diakhiri dengan bacaan zikir yang memberikan semangat kepada semua yang berada dalam perhimpunan tersebut.

2.6 Pengukuhan yang Positif

Kesibukan hari pertama persekolahan dapat dilihat apabila pengagihan buku-buku pinjaman SPBT dan beberapa urusan penyusunan kelas dijalankan. Guru-guru mengambil peluang untuk bertemu ibu bapa yang datang dan ada juga memberikan semangat kepada murid-murid di dalam kelasnya tentang kepentingan jurusan yang diikuti. Bagi menghormati bapa pelajar yang bekerja sebagai nelayan, pengetua mengarahkan guru-guru mengutip yuran pada hujung bulan kerana para nelayan pada waktu itu terlibat dengan musim hujan yang menjejaskan pendapatan mereka. Selain nasihat dan motivasi, kain-kain rentang dan papan tanda juga dipamerkan bagi mengalu-ngalukan kehadiran dan penyertaan pelajar dalam bidang-bidang yang diceburi.

Bagi meningkatkan semangat dan motivasi pelajar, pengetua dan guru-guru akan mengadakan Hari Graduasi dan Majlis Anugerah Kokurikulum setiap tahun sebelum mereka menghadapi peperiksaan SPM sebenar. Bagi meningkatkan kecergasan pelajar pihak sekolah menyediakan tempat riadah bagi pelajar-pelajar warm-up sebelum memulakan pembelajaran mereka. Ini sesuai dengan falsafah pengetua yang berpendapat bahawa 'badan yang cergas akan melahirkan otak yang sihat'.

2.7 Pemantauan Kemajuan

Kesibukan tugas tidak menghalang pihak pentadbir khasnya pengetua mengadakan mesyuarat 'wajib' pada setiap hari Rabu. Mesyuarat Eksekutif selama satu jam ini diadakan bagi memaklumkan maklumat terkini dan membincangkan program-program yang telah dirancang. Pemantauan ini dilakukan bagi memastikan kecemerlangan dan kejayaan pelajar sentiasa berada pada landasan yang diharapkan. Selain mesyuarat 'wajib' ini, pihak pengurusan juga kerap membuat 'Post Mortem' setiap kali selepas peperiksaan dijalankan bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan yang wujud dan bersedia mengambil langkah mengatasinya. Pengetua juga kerap bertemu pelajar secara individu dan memasuki kelas-kelas yang perlu motivasi. Di samping itu, perjumpaan ibu bapa dan guru juga kerap diadakan bagi membincangkan pencapaian pelajar.

2.8 Hak dan Tanggungjawab Pelajar

Pelajar diberikan peluang untuk mempamerkan hasil kemahiran yang mereka pelajari seperti membina garaj, pintu pagar, laluan dan taman-taman. Dengan kemahiran yang ada, dan bimbingan guru-guru, pelajar ini berjaya membina tempat riadah bagi latihan kecergasan, litar berhalangan dan tempat perkhemahan. Pelajar juga membina beberapa pondok belajar untuk digunakan semasa waktu rehat mereka.

Dalam meningkatkan keyakinan diri, pelajar dilatih agar memiliki ciri-ciri kepimpinan yang tinggi dengan mengadakan Hari Perkhemahan Kepimpinan dan Hari Kokurikulum Unit Beruniform secara besar-besaran. Program ini bukan sahaja dijalankan secara dalaman tetapi ada kalanya program-program ini melibatkan sekolah-sekolah di daerahnya. Objektif program bukan sahaja bagi mewujudkan rasa tanggungjawab sebagai pemimpin malah melatih pelajar berdikari, bersaing dan sanggup menghadapi cabaran.

2.9 Permuafakatan Sekolah - Komuniti

Pada permulaan sesi persekolahan kelihatan ibu bapa sibuk mengunjungi sekolah dengan berbagai-bagai urusan. Antara urusan yang membanggakan apabila salah seorang daripada wakil PIBG membawa beberapa nama pelajar untuk dipertimbangkan pendaftaran di sekolah tersebut. Hari Terbuka untuk ibu bapa juga diadakan, pada hari tersebut mereka dibenarkan melawati bengkel-bengkel tempat anak-anak mereka belajar.

Memandangkan hubungan yang erat antara pihak sekolah dan PIBG beberapa program bersama dilaksanakan seperti Program As-Syurah, Kongsi Raya, Gotong-royong dan ibu bapa juga sanggup menderma wang bagi membina surau sekolah. Program motivasi juga diadakan bagi menjelaskan kerjaya yang boleh diceburi oleh pelajar teknik dan vokasional. Program ini telah dikendalikan oleh wakil PIBG sebagai penceramahnyanya.

2.10 Organisasi Pembelajaran.

Dalam meningkatkan kemahiran guru-guru pihak sekolah mengadakan perkembangan staf bukan sahaja di peringkat sekolah malah menghantar guru-gurunya berkursus di bawah anjuran Pejabat Pelajaran Daerah dan Jabatan Pelajaran Negeri.

3.0 Penutup

Dalam usaha meningkatkan kecemerlangan sesebuah organisasi awam seperti sekolah, faktor kepimpinan dilihat sebagai faktor utama di samping beberapa faktor lain. Kekuatan daya kepimpinan bukan sahaja Pengetua tetapi juga Guru Penolong Kanan dan Ketua Bidang adalah penyumbang besar kepada peningkatan tenaga untuk SMTTM menjadi sebuah sekolah cemerlang.

Hasil kajian juga menunjukkan kecemerlangan Pengetua sahaja tidak mencukupi untuk melonjakkan sekolah ini sebagai sekolah contoh di kalangan sekolah menengah teknik di Malaysia tetapi ia adalah merupakan sumbangan dari kesepaduan dan kesepakatan di kalangan semua ahli sekolah yang bergerak sebagai satu pasukan. Hubungan yang baik dengan PIBG juga membantu menjadikan Sekolah Menengah Teknik Tanah Merah bertambah kuat dalam usaha mereka meningkatkan kecemerlangan sekolah ini.



SEKOLAH MENENGAH TEKNIK WAKAF TEMBUSU KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

1.0 Pengenalan

1.1 Latar Belakang Sekolah

Sekolah Menengah Teknik Wakaf Tembusu (SMTWT) dibuka pada tahun 1974, yang dikenali pada awalnya sebagai Sekolah Menengah Vokasional Kuala Terengganu (SMVKT). Sekolah ini didirikan di atas tapak yang mempunyai keluasan 7.5 hektar dan merupakan sekolah aliran vokasional yang pertama di Negeri Terengganu. Sekolah ini terletak lebih kurang 14 km dari bandar Kuala Terengganu, bersebelahan dengan Sekolah Menengah Sains Kuala Terengganu dan Sekolah Menengah Teknik Kuala Terengganu.

YAB Dr. Mahathir b. Mohamed, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Pelajaran Malaysia pada ketika itu, telah merasmikan pembukaan sekolah ini pada 5 Jun 1976. Pada 1 Januari 1997 pula, nama SMVKT telah ditukarkan kepada SMTWT selaras dengan penaiktarafan dari sekolah menengah vokasional kepada sekolah Menengah Teknik.

Pada awal penubuhannya, SMTWT mempunyai 28 orang guru, 13 kakitangan sokongan dan 149 orang pelajar. Kursus yang ditawarkan pula hanyalah terdiri daripada enam kursus aliran vokasional. Pada bulan Februari 2004, SMTWT mempunyai 124 orang guru, 22 orang kakitangan sokongan dan 862 orang pelajar. Daripada 124 orang guru, 123 adalah guru berbangsa Melayu dan seorang berbangsa Cina. Bilangan guru berdasarkan kategori perkhidmatan dan jantina ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Bilangan Guru Berdasarkan Kategori Perkhidmatan dan Jantina

Kategori Guru	Jantina	Lelaki	Perempuan	Jumlah
DG 52		1	-	1
DG 48		-	2	2
DG 41		27	47	74
DG 32		11	1	12
DG 29		30	5	35
Jumlah		69	55	124

Sumber: Panduan Pengurusan & Perancangan Aktiviti 2004

Kesemua kakitangan sokongan pula adalah berbangsa Melayu seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Bilangan Kakitangan Sokongan Berdasarkan Kategori Perkhidmatan dan Jantina

Jantina Kategori Staf Sokongan	Lelaki	Perempuan	Jumlah
N 22	1	-	1
N 17	-	4	4
N 11	1	2	3
N 1	2	7	9
R 1	1	-	1
Juruteknik (J 17)	1	1	2
Pemandu (R 1)	2	-	2
Jumlah	8	14	22

Sumber: Panduan Pengurusan dan Perancangan Aktiviti 2004

Pada tahun 2004, SMTWT menawarkan kursus-kursus dalam tiga aliran iaitu aliran teknikal, aliran vokasional dan aliran profil kemahiran seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Kursus-kursus ini menyediakan peluang pembelajaran kepada pelajar-pelajar lepasan Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau pun lepasan tingkatan tiga sekolah-sekolah kerajaan.

Jadual 3: Aliran dan Jurusan Kursus Yang Terdapat Di SMTWT

Aliran	Jurusan Kursus
Teknikal	Pengajian Kejuruteraan Awam Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Pengajian Kejuruteraan Mekanikal Perdagangan
Vokasional	Amalan Bengkel Mesin Automotif Binaan Bangunan Elektrik Elektronik Kimpalan dan Fabrikasi Logam Pengurusan Perniagaan Penyejukan dan Penyamanan Udara
Profil Kemahiran	Amalan Bengkel Mesin Juruelektrik Domestik Kimpalan Mekanik Kenderaan Bermotor Mekanik Penyejukan dan Penyamanan Udara Menservis Radio dan TV

Pelajar-pelajar sekolah ini terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat dan tingkatan lima yang majoritinya (89.8 %) merupakan anak kelahiran Negeri Terengganu. Pada bulan Februari 2004, terdapat 861 orang pelajar berbangsa Melayu dan seorang pelajar lelaki berbangsa Cina. Bilangan pelajar sekolah ini ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Bilangan Pelajar Berdasarkan Tingkatan, Aliran dan Jantina Pada Bulan Februari Tahun 2004

Pelajar	Aliran	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Tingkatan 5	Teknikal	105	91	196
	Vokasional	137	52	189
	Profil Kemahiran	71	-	71
Tingkatan 4	Teknikal	171	98	269
	Vokasional	95	26	121
	Profil Kemahiran	16	-	16
Jumlah		595	267	862

Sumber: Analisis Keramaian Murid Mengikut Tingkatan, Jantina dan Bangsa Sehingga 24 Februari 2004

1.2 Anugerah di Peringkat Kebangsaan

SMTWT telah memperoleh beberapa anugerah di Peringkat Kebangsaan seperti yang terdapat di dalam Jadual 5 di bawah.

Jadual 5: Anugerah Yang Diterima Oleh SMTWT Di Peringkat Kebangsaan

Tahun	Anugerah	Catatan
2001	Anugerah Kualiti MS ISO 9002 : 1994 Pertama di Malaysia	Sekolah Menengah Teknik
2002	Anugerah Kualiti Menteri Pendidikan Malaysia	Tempat Kedua
2003	Anugerah Pengurusan Kokurikulum Terbaik	Jabatan Pendidikan Teknikal, Kementerian Pendidikan Malaysia

2.0 Ciri-ciri Sekolah Berkesan

2.1 Kepimpinan Profesional

Pengetua menunjukkan ciri-ciri tegas dan mempunyai hala tuju yang jelas. Hal ini diserlahkan secara rasmi kepada semua guru dan pelajar pada perhimpunan pagi Ahad, 4 Januari 2004. Antara intipati ucapan pengetua adalah berkisar tentang huraian pernyataan wawasan, misi dan piagam pelanggan sekolah. Beliau menegaskan bahawa kefahaman warga SMTWT yang jitu akan memudahkan sekolah mencapai apa yang dihasratkan oleh pihak sekolah. Beliau juga menyampaikan satu peraturan baru, guru-guru akan mengiringi pelajar masuk ke kelas untuk sesi pengajaran dan pembelajaran pada awal pagi. Seterusnya guru-guru pada waktu terakhir persekolahan akan mengiringi pelajar-pelajar ke surau untuk menunaikan sembahyang Zohor. Hal ini juga dapat dilihat bahawa 100 % guru berpendapat bahawa pengetua menjelaskan pendapatnya kepada semua staf dan mencuba idea-idea baru secara bersama. Sokongan perkara ini dapat dilihat dengan 95 % guru berpendapat bahawa pengetua memberitahu terlebih dahulu mengenai sebarang perubahan yang akan berlaku.

Pendekatan perkongsian kepimpinan dengan guru-guru penolong kanan dan ketua-ketua bengkel dan panitia digunakan oleh pengetua untuk mengemudikan sekolah ini. Beliau menyokong keputusan-keputusan yang dibuat oleh guru-guru berkenaan. Tinjauan pendapat juga menyokong perkara ini di mana 100 % guru menyatakan bahawa pengetua yakin dengan kebolehan staf-stafnya menjalankan tugas masing-masing.

Selain itu, beliau juga bijak berkongsi tugas kepimpinan. Beliau bekerjasama dengan pemimpin peringkat pertengahan iaitu ketua-ketua bidang, panitia dan bengkel untuk menyampaikan dan menjelaskan arahan dan teguran yang beliau buat kepada staf-staf lain. Misalnya apabila beliau bersemuka, berbincang dan menasihati staf-staf bermasalah, beliau akan menggunakan teknik kaunseling. Sekiranya staf tersebut kurang faham apa yang beliau kehendaki, ketua-ketua bidang, panitia dan bengkel akan menerangkan pula apa yang dimaksudkan oleh pengetua.

Pengetua sentiasa bertanggungjawab dan menyokong gurunya. Beliau tidak bersikap lepas tangan. Contohnya semasa berlaku satu insiden di asrama di mana seorang murid telah menuduh seorang warden mengasarinya sehingga bengkak pipinya. Kes ini telah dilaporkan kepada pihak polis. Pengetua menasihati warden tersebut supaya bersabar dan berjanji akan menyelesaikan masalah tersebut. Kes itu akhirnya dapat diselesaikan apabila pihak hospital mendapati bahawa bengkak pada pipi murid tersebut adalah disebabkan penyakit ketumbuhan dan bukannya berpunca daripada perlakuan warden.

Pengetua memimpin secara profesional dengan penglibatan dan pengetahuan dalam bilik darjah meliputi kurikulum, strategi pengajaran dan pemantauan pencapaian pelajar. Beliau akan memastikan guru-guru menjalankan tugas dengan baik dan sentiasa memberi teguran membina agar kerja-kerja mencapai prestasi lebih baik.

2.2 Perkongsian Wawasan dan Matlamat

Pengetua SMTWT telah cuba berkongsi wawasan, misi dan piagam pelanggan sekolah dengan ibu bapa dalam majlis yang diadakan pada 3 Januari 2004. Majlis Taklimat Asrama dengan Ibu Bapa Penghuni Asrama Tingkatan 5 Tahun 2004 telah dijadikan pentas oleh pengetua dalam usaha menyampaikan hasrat sekolah kepada lebih kurang 300 orang ibu bapa dan penjaga yang hadir. Antara intipati ucapan beliau ialah usaha pihak sekolah untuk menjadikan SMTWT sebagai pemegang sijil ISO 9000:2000 yang pertama di Malaysia. Di samping itu, beliau juga memaklumkan bahawa seharusnya pelajar-pelajar menjadikan asrama sebagai rumah kedua yang berpotensi besar untuk meningkatkan disiplin, membina sahsiah, meningkatkan pencapaian akademik dan sebagai satu kemudahan yang perlu dihargai.

Satu mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Sekolah telah diadakan di Bilik Kualiti pada 6 Januari 2004 jam 12.00 tengahari. Di dalam mesyuarat ini, pengetua menjelaskan tentang harapan dan usaha sekolah untuk mendapat pengiktirafan sijil MS ISO 9000:2000 kepada semua guru penolong kanan dan ketua-ketua bidang mata pelajaran. Perkongsian di peringkat pentadbiran tertinggi sekolah ini menunjukkan komitmen tinggi pengetua dalam mengembleng tenaga peringkat atasan sekolah.

Pendekatan konsisten seperti penguatkuasaan peraturan berhubung ganjaran dan dendaan dapat dilihat pada sesi ucapan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (GPK HEM) di dalam taklimat asrama dengan ibu bapa penghuni asrama Tingkatan 5 Tahun 2004. GPK HEM memaklumkan bahawa seramai 23 orang pelajar lelaki dan 4 orang pelajar perempuan tidak ditawarkan tempat di asrama pada tahun 2004 diakibatkan oleh perlanggaran peraturan-peraturan asrama pada tahun 2003. Antara kata-kata beliau adalah:

“Pihak sekolah amat mengambil berat tentang masalah disiplin di sekolah ini. Kita tidak mahu pelajar-pelajar menjadi seperti ulat nangka terhempas ke batu iaitu tidak serik-serik terhadap perlanggaran peraturan dan juga tidak serik terhadap hukuman yang telah dilaksanakan. Justeru itu, pihak sekolah mengambil keputusan untuk tidak menerima permohonan kemasukan ke asrama terhadap 27 orang pelajar tahun lepas. Kita hanya akan mempertimbangkan rayuan pelajar-pelajar ini di dalam mesyuarat khas yang akan kita adakan.”

Dalam hal ini, pihak sekolah telah menerbitkan Buku Panduan dan Peraturan Sekolah untuk menjelaskan matlamat pendidikan sekolah dan sebagai rujukan serta panduan kepada semua warga SMTWT termasuk ibu bapa pelajar. Buku ini menerangkan tentang latar belakang sekolah, pentadbiran dan pengurusan serta peraturan dan tatatertib sekolah.

Dalam usaha berkongsi wawasan dan matlamat sekolah dengan staf-staf sekolah, pengetua sering kali menyatakan keperluan bekerja secara berkumpulan untuk mendapatkan hasil yang terbaik. Hal ini dikuatkan dengan 100 % staf berpendapat bahawa pengetua menentukan semua staf

bekerja sebagai satu kumpulan. Kumpulan akademik berasaskan mata pelajaran amat ketara fungsi dan peranannya apabila mesyuarat-mesyuarat panitia diadakan. Hal ini disebabkan ketetapan sekolah terhadap keperluan mengadakan mesyuarat sebulan sekali, guru-guru yang mempunyai kemahiran yang lebih kurang sama, mengajar subjek yang sama dan tempat duduk di bilik guru atau bengkel yang berhampiran di antara satu sama lain. Di samping itu, perkongsian idea di kalangan staf serta peluang belajar sesama sendiri dapat meningkatkan kualiti program pengajaran dan pembelajaran.

Hubungan yang akrab dan mesra di antara guru dengan murid dapat dilihat daripada pendapat yang dikemukakan oleh, ketua murid lelaki 2004 yang berkata:

“Saya seronok belajar di sekolah ini. Semua guru ambil berat terhadap semua perkara. Pengetua juga amat mengambil berat tentang masalah kami. Selalunya semasa pengetua beriadah ‘jogging’ di waktu petang di kawasan sekolah, beliau akan menegur pelajar-pelajar yang berselisih dengan beliau. Beliau sering bertanyakan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar secara spontan.

Setiap minggu iaitu pada hari Isnin malam Selasa pula, pengetua akan berada di surau untuk menyampaikan kuliah agama kepada semua pelajar SMTWT. Waktu selepas sembahyang Maghrib sehingga sebelum Isyak digunakan oleh pengetua untuk menyampaikan pesanan-pesanan di samping mengajar kami tentang Fardu Ain dan Ilmu Tauhid.”

Dalam mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Sekolah Kali Ketiga pada 27 Jun 2004, pihak sekolah juga dilihat amat menumpukan perbincangan terhadap pencapaian cemerlang dalam bidang akademik. Antara perkara yang dibincangkan adalah berkaitan dengan analisis Peperiksaan Pertengahan Tahun Tingkatan 4, Program Penghayatan Akademik 2004, Laporan Aktiviti Panitia dan Laporan Pemantauan Panitia.

2.3 Suasana Pembelajaran yang Unggul

Semasa lawatan pemerhati-pemerhati kali kedua ke SMTWT pada 24 hingga 27 Februari, 2004 keadaan dan suasana sekolah tenang dan terkawal. Pada 25 dan 26 Februari 2004, pihak sekolah sedang membuat persediaan untuk mengadakan Hari Sukan Sekolah. Sebahagian besar pelajar terlibat dengan acara raptai perbarisan di padang sekolah. Pelajar-pelajar yang tidak terlibat dengan raptai perbarisan berada di dalam kelas masing-masing di dalam keadaan terkawal walaupun tiada guru yang masuk mengajar.

Sebilangan kecil guru didapati mengajar di kelas-kelas tingkatan 4 yang mempunyai bilangan pelajar yang kurang iaitu di antara 10 hingga 20 orang pelajar di setiap kelas. Berdasarkan maklumat daripada pengetua SMTWT, pelajar-pelajar baru tingkatan 4 bagi ambilan kedua melaporkan diri ke SMTWT ini pada pagi 26 Februari 2004 untuk mengisi kekosongan di kursus-kursus yang tertentu.

2.4 Penumpuan kepada Pengajaran dan Pembelajaran

Penumpuan terhadap pengajaran dan pembelajaran amat dititikberatkan oleh sekolah ini selaras dengan pengiktirafan Sijil MS ISO 9002:1994 pada tahun 2001. Sijil MS ISO 9002:1994 ini merupakan anugerah khas yang bertunjangan standard terhadap proses pengajaran dan pembelajaran di SMTWT. Oleh itu, tumpuan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran merupakan perkara terpenting yang digerakkan oleh warga SMTWT. Di samping itu juga, Anugerah Kualiti Menteri Pendidikan (AKMP) yang diterima pada tahun 2002 juga menunjukkan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap yang baik dan memuaskan. Sehubungan dengan itu juga, program-program bercorak akademik banyak diadakan seperti seminar peperiksaan dan kelas pengkayaan yang memfokuskan kepada kecemerlangan akademik sekolah ini.

Bilangan waktu mengajar guru yang rendah iaitu sebanyak lebih kurang 18 waktu seminggu membuatkan guru-guru mempunyai ruang untuk berbincang tentang peningkatan proses pengajaran dan pembelajaran. Perbincangan tentang kandungan mata pelajaran, teknik mengajar, penyediaan alat bantu mengajar dan pemeriksaan buku latihan pelajar dapat dilaksanakan dengan baik kerana masa yang mencukupi.

Faktor nisbah bilangan guru kepada pelajar adalah yang sangat rendah iaitu 1:7 dan nisbah bilangan kelas kepada murid sebanyak 1:24 merupakan satu keistimewaan yang menjadi kekuatan bagi SMTWT. Nisbah bilangan 1 orang guru terhadap 7 orang murid akan membolehkan tumpuan terhadap pelajar secara individu oleh guru-guru dapat dilaksanakan secara tekal dan berkesan. Begitu juga nisbah bilangan kelas terhadap murid yang sesuai iaitu 1 kelas terhadap 24 pelajar membuatkan guru-guru mudah untuk mengawal kelas dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Bukti yang menyokong perkara ini dapat dilihat daripada kata-kata seorang pelajar pelajar Tingkatan 5:

“Walaupun pencapaian akademik sekolah ini tidak terlalu menonjol seperti mana sekolah-sekolah cemerlang akademik di Malaysia, saya tetap merasakan keseronokan bersekolah di sini. Pergaulan guru-murid yang harmoni dan mesra menyebabkan saya dapat menumpukan pelajaran saya di kelas sewaktu guru mengajar. Contohnya dalam pengajaran Bahasa Inggeris, Encik Muzi merupakan seorang guru yang mampu mengawal kelas dengan layanan mesra sehinggakan kami merasakan bahawa kami merupakan rakan beliau. Kami bebas untuk mengemukakan pendapat atau bersuara tidak kira masa dan kami tidak takut didenda kerana sifatnya yang tegas tetapi lembut. “

Ketua Murid Perempuan pula yang menyatakan:

“Guru sering berada di dalam kelas untuk mengingatkan kami tentang kepentingan kefahaman yang jitu dan jelas terhadap apa yang kami pelajari. Antara guru yang paling saya sukai ialah Puan Faridah yang mengajar kami mata pelajaran Matematik Tambahan. Beliau seringkali menyelitkan pengalaman-pengalaman beliau menyebabkan kami berminat dan mudah memahami mata pelajaran yang sukar ini.”

SMTWT mempunyai reputasi dan imej yang agak baik di Daerah Kuala Terengganu. Kedudukan SMTWT dari segi pencapaian akademik iaitu keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di kalangan sekolah-sekolah yang berhampiran adalah amat baik. Pada penghujung tahun 2002, seorang pelajar sekolah ini telah berjaya mencatatkan keputusan 9 A dalam SPM. Pencapaian ini adalah sangat tinggi bagi SMTWT kerana majoriti pelajar-pelajar yang masuk selepas peperiksaan PMR hanya mendapat keputusan 2 A sahaja pada tahun 2001.

Selain itu, pengetahuan dan kepakaran guru-guru di dalam bidang vokasional seperti automotif, kimpalan dan fabrikasi logam, amalan bengkel mesin dan elektrik menjadikan sekolah ini istimewa dari pandangan masyarakat sekeliling. Pengetahuan dan kepakaran yang diberikan kepada pelajar-pelajar memudahkan mereka menceburi sektor pekerjaan selepas menamatkan zaman persekolahan mereka. Hal ini dapat dibuktikan dengan adanya permintaan daripada kilang-kilang berhampiran sekolah untuk mendapatkan pekerja-pekerja dari kalangan lepasan SMTWT.

2.5 Pengajaran yang Mempunyai Hala Tuju yang Jelas

Pengajaran yang mempunyai hala tuju yang jelas dapat dilihat dalam proses penyediaan pengajaran lagi. Pemeriksaan buku-buku rekod mengajar guru oleh ketua bidang mata pelajaran seminggu sekali menunjukkan organisasi pengajaran mempunyai pemantauan yang berkesan dan terancang. Buku-buku ini pula akan disemak oleh pengetua pada setiap bulan untuk melihat keakuratan proses perancangan pengajaran dengan pengiktirafan sijil MS ISO 9002:1994 yang telah diterima.

Guru-guru seringkali memaklumkan objektif pengajaran dan mengapa perlu menguasai kandungan pelajaran dengan baik. Aktiviti-aktiviti amali di makmal dan bengkel sangat-sangat membantu pelajar memahirkan diri dalam mata pelajaran yang diajar. Sejumlah 13 waktu seminggu diperuntukkan untuk mata pelajaran amali bagi aliran vokasional dan 34 waktu seminggu bagi aliran profil kemahiran. Sehubungan dengan itu, pelajar-pelajar yang keluar dari SMTWT mempunyai kemahiran vokasional asas dan tidak akan menghadapi masalah yang besar apabila menceburi bidang pekerjaan selepas tamat persekolahan mereka.



2.6 Pengharapan yang Tinggi kepada Pelajar

Pengharapan yang tinggi terhadap penglibatan dan prestasi yang ditunjukkan oleh pelajar-pelajar dapat dinilai daripada pernyataan-pernyataan yang dikemukakan seperti di bawah ini.

“Harapan dan penghargaan yang diberikan oleh guru-guru menyebabkan pelajar-pelajar terasa dicabar dan ingin bersaing terutamanya dalam bidang akademik. Pengetua, GPK HEM dan kaunselor seringkali menyatakan harapan dan penghargaan mereka kepada pelajar-pelajar semasa perhimpunan mingguan sekolah. Guru-guru lain menyatakan perkara yang sama apabila kami berada di kelas, di asrama atau di surau.”

“Pihak sekolah seringkali mengadakan majlis penyampaian hadiah semasa perhimpunan untuk meraikan kejayaan pelajar-pelajar SMTWT dalam bidang akademik atau kokurikulum. Di samping itu, guru-guru lain seperti Puan Anita yang mengajar Mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Puan Nor yang mengajar Matematik juga turut memberikan hadiah di dalam kelas, kepada pelajar-pelajar yang mendapat markah tertinggi bagi mata pelajaran berkenaan.”

2.7 Penggalakan yang Positif

Hadiah yang diberikan semasa sesi perhimpunan pagi mampu menaikkan motivasi pelajar untuk lebih bersaing sesama sendiri. Pengiktirafan positif ini dengan secara tidak langsung menaikkan semangat pelajar untuk terlibat lebih aktif dalam semua perkara terutamanya dalam bidang kokurikulum. Bilangan pelajar yang tidak terlalu ramai, terdiri daripada tingkatan 4 dan 5 membuatkan peluang pelajar terlibat dalam aktiviti kokurikulum adalah sangat besar. Pelajar akan berasa lebih seronok kerana penglibatan mereka untuk menaikkan nama sekolah di peringkat daerah diberikan pengiktirafan.

Semangat kekitaan seperti sayangkan sekolah, menjaga imej sekolah dan memberikan yang terbaik untuk sekolah dapat disemaikan dalam diri pelajar-pelajar. Selain daripada itu, penglibatan aktif dalam kegiatan kokurikulum akan dapat menambahkan pengalaman dan menaikkan motivasi pelajar. Pemberian sijil penghargaan kepada pelajar-pelajar selepas setiap sesi kokurikulum di peringkat sekolah atau daerah menjadi bukti penglibatan mereka. Di samping itu, sijil-sijil ini boleh digunakan sebagai tiket oleh pelajar-pelajar untuk menceburi bidang pekerjaan yang mereka minati.

2.8 Pemantauan Kemajuan

Pemantauan pencapaian pelajar dari segi akademik dilakukan oleh SMTWT melalui ujian bulanan dan peperiksaan pertengahan dan akhir tahun. Keputusan ujian bulanan akan dijadikan instrumen oleh guru-guru untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan aspek pengajaran dan pembelajaran. Kelas pengayaan dan pemulihan akan dijalankan sebaik sahaja keputusan ujian bulanan dianalisis dalam mesyuarat panitia mata pelajaran berkenaan.

Keputusan Peperiksaan Pertengahan Tahun dan Akhir Tahun pula akan diposkan kepada semua ibu bapa pelajar agar mereka dapat mengikuti perkembangan pencapaian akademik anak masing-masing. Maklumat daripada analisis keputusan peperiksaan dan respon ibu bapa akan digunakan oleh pihak sekolah untuk melaksanakan program-program khusus kepada pelajar-pelajar.

Pada setiap tahun, perbandingan keputusan SPM dibuat sama ada di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan untuk melihat kedudukan pencapaian SMTWT. Kedudukan ini akan dapat memberikan gambaran umum tentang kualiti program-program yang telah dilaksanakan oleh Unit Peningkatan Akademik Sekolah (UPAS) pada tahun-tahun sebelumnya.

2.9 Hak dan Tanggungjawab Murid

Semua murid yang telah ditemu bual menyatakan rasa bangga terhadap SMTWT berdasarkan pengiktirafan yang diterima iaitu Sijil Kualiti MS MS ISO 9002:1994 pada tahun 2001, Sijil Anugerah Kualiti Menteri Pendidikan pada tahun 2002 dan Sijil Anugerah Pengurusan Kokurikulum Terbaik pada tahun 2003. Hal ini juga dikuatkan dengan kata-kata ketua murid lelaki 2004 iaitu:

“Jika saya ada adik yang ingin memasuki tingkatan 4, saya akan syorkan SMTWT sebagai tempat dia belajar. Hal ini disebabkan oleh tiga perkara iaitu tahap disiplin yang boleh dibanggakan, proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan aktiviti keagamaan yang banyak.”

Pendapat pelajar ini pula disokong oleh Ketua Murid Perempuan 2004 yang menyatakan bahawa:

“Abang-abang saya telah mengesyorkan kepada saya untuk belajar di sekolah ini. Saya juga ingin syorkan kepada semua pelajar yang berminat agar dapat menjadikan SMTWT sebagai tempat belajar mereka. Apa yang unikny sekolah ini berbanding dengan sekolah-sekolah lain adalah peluang untuk terlibat dalam aktiviti kokurikulum adalah sangat besar. Saya tidak dapat peluang sebegini di sekolah lama saya. Begitu juga dari segi perhimpunan pagi Ahad di mana kami diberikan peluang untuk mengendalikan sendiri perhimpunan mingguan sekolah.”

2.10 Permuafakatan Sekolah - Komuniti

Penglibatan ibu bapa terhadap sekolah dapat dilihat dengan peranan yang dimainkan secara langsung oleh Yang Di Pertua Persatuan Ibu Bapa Guru iaitu YB Dr. Abdul Wahab bin Ngah. YDP PIBG yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang pertanian seringkali memberikan pendapat dan pertolongan untuk menceriakan kawasan sekolah. Ada ketikanya, bekalan pokok-pokok dalam kuantiti yang besar bagi tujuan keceriaan sekolah didapati dengan pertolongan YDP PIBG.

Pengetua merupakan seorang pemimpin yang mudah mesra dan mudah menjalin hubungan erat dengan komuniti setempat. Beliau percaya pada prinsip memberi dan menerima (give and take). Misalnya beliau dengan murah hati meminjamkan atau membenarkan kemudahan sekolah seperti bas digunakan oleh pihak luar seperti JPN, PPD dan sekolah-sekolah lain yang berdekatan. Pihak JPN dan PPD pula sering kali menggunakan bilik mesyuarat SMTWT untuk mengadakan mesyuarat atau perbincangan. Sebagai balasan kepada kemurahan hati beliau, pengetua dengan mudah mendapat sokongan daripada pelbagai pihak dalam program yang dijalankan oleh SMTWT. Contoh yang paling jelas adalah pembinaan dewan serba guna secara permuafakatan yang melibatkan sumbangan PIBG, PPD, JPN dan Jabatan Pendidikan Teknikal.

Pelajar juga dilibatkan dalam aktiviti kemasyarakatan sebagai sumbangan sosial sekolah kepada masyarakat setempat. Pada tahun 2003, pelajar-pelajar daripada aliran vokasional telah melakukan pendawaian elektrik secara percuma di sebuah surau di kampung yang berdekatan. Hal ini dapat memupuk rasa tanggungjawab terhadap komuniti di samping sebagai pentas pelajar-pelajar untuk mempraktikkan apa yang telah mereka pelajari.

2.11 Organisasi Pembelajaran

Dalam usaha membekalkan pengetahuan terkini kepada guru-guru sekolah ini, pihak sekolah telah mengadakan aktiviti pembangunan staf berpusatkan sekolah. Pada awal tahun 2004, semua guru dilibatkan dengan pendedahan Perlaksanaan Kajian Tindakan di Maktab Perguruan Batu Rakit, Kuala Terengganu. Kursus yang dijalankan sebanyak 2 kali iaitu pada bulan Januari dan Februari 2004 dikendalikan oleh pensyarah-pensyarah MPBRKT.

Pada 17 Julai 2004 pula, Kursus Peningkatan Sahsiah yang melibatkan kesemua 141 guru SMTWT telah diadakan di Hotel Sri Malaysia, Kuala Terengganu. Antara lain, kandungan kursus ini memfokuskan tentang gaya penampilan guru, pengurusan masa dan teknik asas pengucapan awam yang sangat perlu dikuasai oleh setiap orang guru.



Berdasarkan catatan dalam majalah sekolah iaitu Perintis edisi 19/2003, aktiviti-aktiviti lain yang disertai oleh guru-guru SMTWT termasuklah:

- i. Kursus Teknologi Maklumat dan Komunikasi di Unit ICT Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) pada 11 - 13 Januari 2003.
- ii. Kursus Aplikasi Komputer di Unit ICT JPNT pada 19 - 21 Januari 2003.
- iii. Kursus Aplikasi Komputer (Microsoft Acces) di Unit ICT JPNT pada 25 - 27 Januari 2003.
- iv. Kursus Dalaman Panitia Matematik di SMTWT pada 23 Jun 2003
- v. Kursus Peningkatan Profesionalisme Guru dan Kakitangan SMTWT di Hotel Midtown, Kuala Terengganu pada 23 Ogos 2003.

3.0 Penutup

Komitmen pentadbir, guru, staf sokongan dan pelajar adalah tinggi terhadap sekolah ini. Faktor tempat asal atau tempat kelahiran pengetua, guru, staf sokongan mungkin merupakan faktor pendorong kepada kecemerlangan sekolah ini. Berdasarkan kata-kata seorang guru:

“Majoriti penghuni warga SMTWT merupakan anak kelahiran Negeri Terengganu. Justeru itu mereka merasakan tenaga mereka perlu dicurahkan sepenuhnya terhadap sekolah kerana mereka berkemungkinan tidak mahu berpindah ke tempat lain lagi. Di samping itu, guru-guru dan pelajar sekolah ini adalah 99.9 % berbangsa Melayu. Oleh itu, semua orang di SMTWT mempunyai sikap, budaya dan perasaan yang lebih kurang sama.”

3.1 Rumusan

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan di SMTWT, kekuatan dan kecemerlangan sekolah ini ditunjangi oleh pengetuanya. Ciri-ciri pengetua yang mengamalkan stail kepimpinan berorientasikan kemanusiaan seperti yakin dengan kebolehan staf, memberikan perhatian terhadap masalah dan kebajikan staf, menganggap semua staf setaraf dengannya, senang didekati dan mesra merupakan faktor-faktor pendorong terhadap kecemerlangan yang dicapai.

Stail kepimpinan pengetua yang berorientasikan tugas juga membantu kecemerlangan sekolah ini. Ciri-ciri seperti berbincang sebelum membuat keputusan, menggalakkan semua staf menggunakan prosedur yang sama, menjelaskan peranan dan harapannya terhadap staf dan diyakini mempunyai hubungan baik dengan PPD, JPNT dan JPT.

Hanya 60 % guru berpendapat pengetua berjaya mengambil tindakan ke atas perkara yang berlaku di sekolah yang menjurus kepada masalah salah laku staf-staf SMTWT. Hal ini disebabkan sebarang teguran dan nasihat yang diberikan oleh pengetua, hanya diketahui oleh beberapa orang tertentu sahaja untuk mengelakkan rasa malu di kalangan staf terlibat. (Pengetua, 2004) Antara tindakan yang telah dijalankan oleh pengetua adalah pengeluaran surat tunjuk sebab kepada 4 orang guru SMTWT pada 31 Oktober 2002 disebabkan ketidakhadiran ke Mesyuarat Kurikulum Sekolah Sesi 2002 sebanyak 3 atau 4 kali tanpa alasan munasabah. Hal ini menunjukkan ketegasan pengetua dalam memastikan guru-guru SMTWT mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Pengalaman pengetua yang telah lebih 16 tahun berkhidmat di SMTWT juga merupakan faktor penting di mana beliau mampu meraih keyakinan dan kepercayaan staf-stafnya. Beliau tahu dengan menyeluruh peribadi staf-stafnya kerana kebanyakan staf SMTWT mula berkhidmat selepas beliau memegang jawatan sebagai Pengetua SMVWT pada 1.6.1987. Antara kata-kata beliau adalah:

“Saya amat yakin dengan kebolehan ketiga-tiga GPK SMTWT. Mereka merupakan orang-orang muda yang ingin belajar dan terus belajar. Saya boleh tidur lena sekiranya saya tidak ada di sekolah ini. Mereka mampu menjalankan tugas-tugas yang telah diamanahkan kepada mereka.”

Di samping itu pengetua juga merupakan guru yang paling tua dan berpengalaman dari segi umur berbanding dengan staf-staf yang lain. Faktor umur ini juga dilihat sebagai faktor yang menyumbangkan rasa hormat di kalangan guru, staf sokongan dan pelajar-pelajar sekolah ini. Beliau selalu dijadikan tempat rujukan terhadap sebarang masalah yang dihadapi oleh warga SMTWT.

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN WAKAF BHARU TUMPAT, KELANTAN



Gambar semua guru bersama penyelidik

1.1 Latar Belakang Sekolah

Sekolah Menengah Kebangsaan Wakaf Bharu atau nama asalnya Sekolah Menengah Rendah Wakaf Bharu telah ditubuh pada 16 April 1981 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di atas tanah seluas 4 hektar. Rasional penubuhannya adalah untuk memenuhi keperluan semasa memandangkan sekolah yang ada di kawasan ini iaitu SMKMM sudah tidak mampu lagi menampung pelajar yang semakin ramai. Pada tahun pertama operasi, pelajar-pelajar didatangkan terus dari SMKMM, dengan tenaga pengajar seramai 16 orang.

Pada tahun 1982, pelajar-pelajar Tingkatan 1 diambil terus dari sekolah-sekolah saluran yang ditetapkan iaitu SK. Wakaf, SK. Delima, SK. Kubang Batang, SK. Kebakat dan SK. Morak. Pada tahun 1982, seramai 212 orang pelajar sekolah ini telah menduduki peperiksaan PMR untuk pertama kali.

Pada tahun 1983, 4 kelas Tingkatan 4 diadakan, terdiri daripada 1 kelas perdagangan dan 3 kelas sastera. Buat pertama kali juga sekolah 2 sesi diadakan bagi menampung keperluan pendidikan yang kian mendesak seiring dengan perkembangan zaman. Pada tahun 1984, 140 orang pelajar sulung sekolah ini telah menduduki SPM.

Peneraju pertama SMKWB ialah Tn. Hj. Husin Salleh yang telah berkhidmat bermula 16.04.1981 hingga 1.02.86, dibantu En. Hassan Mohamad (16.04.81 - 01.04.85) selaku PKI. Dari sehari ke sehari, sekolah ini terus mendapat kepercayaan daripada penduduk setempat. Bilangan pelajar dari setahun ke setahun semakin bertambah sehingga menuntut pertambahan bilik darjah. Daripada 2 bangunan asal, 1 bangunan kilat dengan 3 bilik darjah di bawah Rancangan Projek Segera telah dibina pada tahun 1983. Pada tahun 1984, sekolah ini sekali lagi mendapat sebuah bangunan di bawah rancangan yang sama dengan 6 bilik darjah.

Di bawah pentadbiran baru iaitu di bawah pengurusan Tn. Haji Ab. Rahman Jusoh (1986 - 1989), bangunan bilik darjah ditambah lagi. Pada tahun 1990 pula, bangunan 1 tingkat yang terdiri daripada 11 kelas dibina. Pada tahun 1986 juga sekolah ini mula meyahut cabaran pertandingan di peringkat negeri. Penyertaan kali pertama sekolah cantik telah membuahkan hasil apabila muncul sebagai juara. Pada tahun 1989, teraju pentadbiran bertukar lagi. Kali ini, Tn. Hj. Aziz Yusoff (1989 - 1995) mengambil alih jawatan pengetua, manakala PK1 satunya masih dikekalkan. Sepanjang pentadbiran mereka, SMKWB terus cemerlang daripada semua segi, sama ada kurikulum mahupun kokurikulum.

Kecemerlangan SMK Wakaf Baru diteruskan oleh pengetua sekarang, iaitu Tn. Hj. Abd. Rashid Saad. Berpengalaman luas dalam bidang pengurusan di samping meneruskan kecemerlangan sedia ada, beliau juga telah membawa inovasi-inovasi baru untuk mempertingkatkan kemajuan dan kecemerlangan sekolah.

2.0 Ciri- ciri Sekolah Berkesan

2.1 Kepimpinan Profesional

Tn. Hj. Abd. Rashid Saad selaku Pengetua SMK Wakaf Baru sentiasa disifatkan sebagai seorang pemimpin sekolah bukan kerana kedudukan dan jawatannya tetapi kerana kepimpinannya yang unik dan diiktirafkan oleh warga sekolah dan masyarakat setempat. Beliau bersikap terbuka, mudah didekati, senang berbincang dan amat menghormati pandangan orang lain. Hubungannya dengan guru dan masyarakat setempat lebih berbentuk kekeluargaan berteraskan sikap hormat menghormati dan saling mempercayai di antara satu sama lain.

Sesi perbincangan dijadikan sebagai amalan, sama di kalangan pentadbir, panitia atau guru dalam menentukan cadangan dan seterusnya membuat sesuatu keputusan. Keadaan ini telah mewujudkan budaya sekolah yang harmoni berteraskan semangat kepunyaan dan kekitaan yang tinggi di kalangan warga sekolah yang terdiri daripada guru, staf sokongan dan pelajar sekolah. Ternyata permintaan di kalangan masyarakat tempatan mahu pun luar untuk memasukkan anak-anak mereka bersekolah di sini amat tinggi. Juga, sebahagian besar guru di sini adalah guru-guru yang telah lama berkhidmat di sekolah ini dan bilangan yang bertukar sekolah adalah rendah.

Kepimpinan pengetua sekolah bolehlah dikatakan sebagai kepemimpinan yang berteraskan peranan dan bukannya berteraskan kedudukannya sebagai seorang pemimpin pendidikan.

Adakah jelas bahawa gaya kepimpinan pengetua amat penting dalam mewujudkan kecemerlangan pencapaian pelajar dalam semua bidang khususnya kecemerlangan akademik. Kejayaan ini menurut beliau boleh dicapai melalui pembinaan sahsiah pelajar dan pembangunan semangat profesionalisme yang tinggi di kalangan guru-guru dan staf sokongan. Apabila disoal tentang rahsia kejayaan dan kecemerlangan sekolah kepada beliau, jawapannya ringkas tapi cukup bermakna, iaitu;

“Saya sentiasa memberi keutamaan untuk mengurangkan masalah disiplin pelajar kerana saya berpendapat proses pengajaran dan pembelajaran tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan berkesan jika pelajar tidak mempunyai disiplin yang tinggi”.

2.2 Perkongsian Wawasan dan Matlamat

“Sama tahu, sama faham dan sama kerja” adalah merupakan kata-kata yang sering diungkapkan kepada para pentadbir, guru-guru, staf sokongan dan pelajar-pelajar. Tidak cukup dengan ucapan dan kata-kata nasihat yang diberikan saban hari, ungkapan visi, misi dan matlamat pendidikan serta ungkapan perangsang diukir di segenap ruang dan penjuru sekolah. Lualuan dan dinding-dinding sekolah menjadi sasaran ukiran yang menarik dan senang dipandang. Tidak ada sudut dan dinding yang dibiarkan kosong melainkan dijadikan sudut maklumat kepada semua warga sekolah.

Perhimpunan mingguan adalah amalan dan tradisi seperti di sekolah-sekolah lain. Dalam perhimpunan ini akan diisi dengan peringatan disiplin dan matlamat sekolah, makluman aktiviti mingguan, pengiktirafan kepada guru dan pelajar di atas sumbangan dan kejayaan yang diperolehi serta perkara-perkara dasar yang baru dikemukakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri atau Kementerian Pelajaran Malaysia.

Biasanya perhimpunan mingguan akan memakan masa yang agak lama di antara tiga puluh minit hingga satu jam. Untuk mengelakkan daripada pelajar-pelajar penat dan hilang tumpuan semasa perhimpunan dijalankan, pelajar-pelajar dikehendaki duduk di tapak perhimpunan bersimen mengikut kelas dalam dua kumpulan, iaitu kumpulan pelajar lelaki dan perempuan. Manakala guru-guru pula duduk di barisan hadapan mengadap pelajar.

Penyelidik berkesempatan menghadiri dua kali perhimpunan mingguan. Didapati, perhimpunan berjalan dengan lancar seperti masa yang ditetapkan dan mendapat kerjasama dari semua pihak, iaitu guru, staf sokongan dan pelajar-pelajar. Yang menarik, pendekatan warga pendidik di sini adalah bersikap penyayang. Pengisian perhimpunan menjurus kepada penjelasan terhadap kepentingan kesedaran dan penghayatan semua warga sekolah untuk mencapai wawasan dan matlamat sekolah.

Amanat Pengetua diteruskan dengan kata-kata nasihat dan motivasi. Tidak ada nada marah, menghina atau menjatuhkan maruah mana-mana pihak sehingga menimbulkan kegelisahan dikalangan guru, staf sokongan dan pelajar diutarakan. Keadaan ini didapati memberi sumbangan besar mewujudkan perpaduan dan kerjasama di kalangan warga sekolah.

Boleh dikatakan bahawa gaya kepimpinan pengetua adalah berbentuk demokratik yang disenangi oleh semua warga sekolah. Ia amat berkesan setelah beliau dapat mengawal dan menyesuaikan mengikut situasi. Gaya kepimpinan seperti ini paling efektif dan berubah mengikut situasi.

2.3 Suasana Pembelajaran Yang Unggul

Gaya kepimpinan seperti ini amat disukai oleh para guru dan staf lain kerana ia lebih banyak menggunakan pendekatan perbincangan atau membuat keputusan bersama-sama. Dengan ini, ia menimbulkan suasana kondusif menyebabkan guru-guru dapat menumpukan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan tenang dan gembira serta semangat yang jitu demi memartabatkan lagi profesion perguruan.

Guru juga berasa bebas semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di kelas kerana gaya pengajaran tidak perlu terikat dengan sukatan mata pelajaran sepenuhnya tetapi mengikut tahap atau kemampuan murid serta 'mood' pembelajaran pada sesuatu masa. Sesi perbincangan juga dapat memberi kesempatan kepada guru-guru untuk mereka memberi idea-idea kepada pentadbir demi untuk memajukan lagi pendidikan di sesebuah sekolah.



Pelajar-pelajar dikehendaki duduk semasa perhimpunan dijalankan

Perbincangan sebegini sebenarnya telah mencetuskan idea-idea yang difikirkan bermanfaat serta memberi ruang mereka membuat teguran yang positif tanpa merasa takut atau rendah diri terhadap rakan setugas yang lain dan pengetua sendiri.

Keberkesanan sesebuah sekolah lazimnya diukur dan dinilai dari segi kejayaan atau pencapaian dalam peperiksaan aktiviti kokurikulum yang lain. Maka tidak hairanlah mengapa sekolah ini telah menempa kejayaan demi kejayaan sama ada di peringkat daerah, negeri dan peringkat kebangsaan. Kejayaan ini telah menjadi sebahagian daripada motivasi dan kebanggaan semua warga sekolah.

Pengetua amat bertanggung jawab terhadap prestasi dirinya sendiri dan juga guru, pelajar serta staf-staf yang lain. Tidak akan wujud kecemerlangan, tanpa kepemimpinan yang berkesan. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa apa yang membezakan keberkesanan sesebuah sekolah dengan sekolah yang lain adalah kepimpinan pengetuanya. Apabila ditanya rahsia amalan dan pegangan tersebut, beliau menyatakan bahawa beliau amat tertarik dengan kata-kata Fred M. Hechinger, President, New York Times, iaitu:

“Over the years, as a reporter, I have never seen a good school with a poor principal, or a poor school with a good principal. I have seen unsuccessful schools turned around into successful ones, and regrettably, outstanding schools slide rapidly into decline. In each case, the rise or fall could readily be traced to the quality of the principal”.



Perhimpunan mingguan adalah peluang yang sentiasa dimanfaatkan oleh Pengetua untuk berkongsi wawasan dan matlamat dengan warga sekolah

2.4 Penumpuan Kepada Pengajaran dan Pembelajaran

Menepati fungsi utama sekolah, iaitu untuk melaksanakan proses Pengajaran dan Pembelajaran atau pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan, sekolah ini didapati amat serius dalam soal menyediakan suasana atau persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk pelajar. Segala aspek pembelajaran akan disediakan dan diberi keutamaan sama ada dari segi teori atau amali. Misalnya, untuk memudahkan pengajaran sembahyang, pelajar-pelajar diwajibkan sembahyang berjemaah bersama guru agama di surau.

Manakala untuk amali pengurusan jenazah pula, disediakan kelengkapan pengurusan jenazah termasuk contoh kubur untuk membolehkan pengajaran tersebut dijalankan secara berkesan. Penekanan aspek amali menjadi antara faktor yang menarik minat pelajar mendalami pengajaran yang dijalankan. Keseimbangan penekanan antara amali dan teori telah menjadikan sekolah ini anantara sekolah yang berjaya di Kelantan khususnya.

Di samping itu, pihak sekolah juga telah menyediakan kemudahan lain seperti pondok rehat, pondok bacaan, kantin serba guna, taman rekreasi dan ruang legar untuk pelajar-pelajar gunakan sama ada untuk perbincangan atau berehat.

Antara perkara yang menarik perhatian penyelidik adalah kelas-kelas tambahan dan pemulihan dijalankan di kantin dalam suasana bersahaja dan pelajar-pelajar dibenarkan makan atau minum sambil belajar. Keadaan ini jarang dilakukan di mana-mana sekolah. Daripada komen pelajar-pelajar yang terlibat, sebahagian besarnya amat berminat dengan pendekatan ini kerana suasana kelas tidak terasa tegang setelah penat belajar dan mereka dapat mengisi masa makan dengan aktiviti pembelajaran.

Menurut pengetua, idea ini adalah merupakan cetusan daripada salah seorang guru yang terlibat dengan kelas tambahan. Kelas tambahan biasanya dijalankan di waktu petang sebaik sahaja sesi pagi tamat. Daripada pengalaman beliau, sambutan untuk kelas-kelas tambahan amat dingin. Untuk menarik minat murid menghadiri kelas ini dan mewujudkan kelainan suasana Pengajaran dan Pembelajaran, maka kelas-kelas seperti ini diwujudkan.

2.5 Pengajaran dan Pembelajaran Mempunyai Hala Tuju Yang Jelas

Pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) adalah merupakan agenda utama sekolah dan dilaksanakan tanpa kompromi. Perkara ini ditegaskan secara konsisten kepada semua guru, kakitangan dan pelajar. Oleh itu, semua guru dan pelajar dikehendaki mematuhi jadual waktu yang telah ditetapkan.

Di samping itu, guru-guru juga sentiasa diingatkan agar dapat membuat persiapan secukupnya sebelum mereka menjalankan sesi P&P supaya pengajaran mereka menjadi lebih berkesan. Dalam masa yang sama mereka juga diingatkan agar dapat memastikan pelajar-pelajar benar-benar bersedia sebelum pengajaran dimulakan. Tindakan yang sama juga akan dilakukan oleh pihak pentadbir.



Persekitaran sekolah yang kondusif menggalakkan lagi proses P&P dijalankan dengan berkesan

Bagi sekolah ini, takwim sekolah adalah merupakan rujukan dan panduan utama aktiviti sekolah yang perlu dipatuhi. Setelah meneliti takwim tersebut, didapati berbagai aktiviti dijalankan sepanjang tahun yang melibatkan pelbagai pihak. Rata-rata aktiviti yang dijalankan ini bertujuan untuk memantapkan penguasaan dan kefahaman pelajar terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang telah mereka lalui.

Kemuncak kepada amalan tersebut dan juga merupakan suatu inovasi di sekolah ini, mesyuarat pertama sebelum sekolah dibuka dijalankan di luar sekolah, iaitu di salah sebuah hotel yang terkemuka di Kota Bharu. Apabila ditanya justifikasi mengapa mesyuarat tersebut perlu diadakan di luar sekolah, Pengetua menjawab;

“Tujuan mesyuarat tersebut dijalankan di luar adalah untuk membolehkan guru dan kakitangan menumpukan sepenuh perhatian terhadap perkara yang dibincangkan dan mereka tidak perlu memikirkan tugas-tugas lain yang berkaitan. Makanan, minuman dan semua kemudahan semasa mesyuarat disediakan oleh pihak hotel. Tambahan pula, dengan cara ini dapat memberi motivasi dan menggalakkan mereka menghadiri mesyuarat tersebut tanpa sebarang alasan”

2.6 Penghargaan Yang Tinggi

Pengetua adalah seorang pemimpin sekolah. Dalam hal ini, pengetua memainkan peranan sebagai suri teladan. Kepimpinannya telah menjadi inspirasi bagi mencapai kecermelangan sekolah. Pengetua dilihat memainkan peranan penting menerusi usaha-usahanya mencari, mentafsir dan memperkukuhkan nilai, kepercayaan dan unsur budaya yang dapat menjadikan sekolah sebagai sebuah organisasi pendidikan yang unik.

Semangat dan harapannya sentiasa menjadi topik utama perbincangan atau ucapan sama ada kepada warga sekolah, masyarakat atau ibu bapa. Keyakinan mengenai kemampuan guru dan pelajar menjadi kekuatan beliau. Kepercayaan ini disalurkan melalui aktiviti-aktiviti sosialisasi guru dan pelajar dengan budaya sekolah. Keyakinan ini diteguhkan melalui upacara memberikan hadiah atau penghargaan kepada sesuatu kejayaan yang dicapai di semua peringkat dan ianya menjadi amalan atau budaya kepada semua warga sekolah.

2.7 Pengukuhan Yang Positif

Perkembangan pelajar tidak terbatas dari segi akademik semata-mata. Malah aspek pembangunan kepimpinan pelajar juga merupakan perkara yang dititikberatkan dan diberi keutamaan oleh pihak sekolah. Pelajar-pelajar digalakkan terlibat dalam semua aktiviti sekolah sama ada aktiviti persatuan atau kokurikulum secara menyeluruh. Paling menarik, Minggu Orientasi Pelajar untuk pelajar-pelajar baru dari tingkatan 1 dan tingkatan 4 dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar di bawah pengawasan guru.



Amalan memberi hadiah sebagai penghargaan di kalangan warga sekolah.

Manakala guru-guru pula, digalakkan berbincang secara profesional mengenai kaedah, soalan dan dapatan terkini berkaitan mata pelajaran masing-masing sama ada sesama guru di sekolah tersebut atau dengan guru-guru pakar di sekolah lain. Perbincangan seperti ini, sentiasa mendapat sokongan daripada pihak pentadbir sekolah.

Secara keseluruhannya, kepimpinan pengetua sering memperlihatkan gandingan harapan dan usaha untuk mengekalkan imej dan prestij sekolah. Di samping itu, beliau juga sering melibatkan diri dan berusaha untuk menarik perhatian setiap orang guru dan pelajar di sekolah dan juga orang lain terhadap pencapaian matlamat sekolah melalui perhubungan yang mesra.

2.8 Pemantauan Kemajuan

Pemantauan kemajuan pelajar adalah merupakan perkara utama dalam proses P&P yang dijalankan oleh pihak sekolah. Kesungguhan ini dapat dilihat dengan jelas apabila pihak sekolah memasukkan aktiviti pemantauan dalam takwim sekolah untuk makluman semua warga sekolah dan juga ibu bapa.

Di samping itu, pengetua sekolah secara berkala akan mendapat mendapatkan maklumat terperinci berkaitan prestasi pelajar. Sekiranya prestasi pelajar didapati kurang memuaskan dan tiada peningkatan, ibu bapa dan penjaga akan dijemput ke sekolah untuk berdialog dengan pentadbir sekolah. Kerjasama ibu bapa dan penjaga untuk memantau pencapaian pelajar dan di akhir sesi tersebut pelajar-pelajar sekali lagi menandatangani Surat Aku Janji dengan disaksikan oleh ibu bapa dan penjaga.

Pihak sekolah juga amat serius dalam soal pembelajaran pelajar sebab itu amalan pemeriksaan buku latihan dan buku teks pelajar akan dijalankan secara berkala dan berterusan untuk memastikan pelajar belajar dan sentiasa mempunyai buku teks. Pemeriksaan ini akan dijalankan di tapak perhimpunan dan beg semua pelajar akan diperiksa oleh pengawas untuk memastikan pelajar-pelajar membawa buku-buku latihan dan teks mengikut jadual waktu masing.



Minggu Orientasi Pelajar dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar di bawah pengawasan guru.

2.9 Hak dan Tanggungjawab Murid

Pendekatan kontrak juga diperkenalkan di sekolah ini, iaitu pelajar-pelajar akan menandatangani Surat Aku Janji yang menyatakan mereka akan belajar-belajar bersungguh dan akan bekerjasama sepenuhnya dengan semua guru untuk menjayakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini ditegaskan lagi dengan setiap pelajar mempunyai sasaran pencapaian bagi setiap peperiksaan penggal dan ditentukan mengikut kemampuan pelajar.

Sekiranya sasaran tersebut tercapai, ganjaran berupa hadiah dan penghargaan akan diberikan. Sebaliknya, jika tidak tercapai, mereka dikehendaki menghadiri kelas-kelas tambahan yang akan dijalankan sama ada di waktu malam atau di hujung minggu.

Usaha ini, didapati banyak membantu pelajar bukan sahaja mencapai sasaran yang ditetapkan, malah dapat mematangkan mereka untuk merancang pembelajaran sendiri dengan teratur untuk mengelakkan daripada menghadiri kelas tambahan pada waktu malam atau di hujung minggu.

2.10 Pemuafakatan Sekolah Komuniti

Kedudukan sekolah di dalam perkampungan Melayu dan berhampiran sebuah pekan kecil, iaitu Wakaf Bharu memberi suatu hubungan dari segi hubungan dengan masyarakat sekeliling. Sumbangan dan keterlibatan masyarakat amat mudah diperoleh dalam menjayakan aktiviti sekolah khususnya aktiviti kokurikulum yang secara tidak langsung dapat memajukan prestasi akademik pelajar.



Sesi dialog pentadbir sekolah bersama ibu bapa

Kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pendidikan dapat dilihat daripada kerjasama yang diberikan untuk menjayakan aktiviti sekolah seperti Sukan Sekolah, Hari Anugerah Kecemerlangan, Hari Kantin dan lain-lain lagi. Hasil daripada sumbangan dan kerjasama yang diberikan, pelbagai projek dan program berjaya dilaksanakan. Terkini pihak sekolah dengan komuniti berjaya membina beberapa blok bangunan sekolah tambahan untuk menampung pertambahan bilangan pelajar.

Di samping itu, masyarakat juga amat prihatin dengan kes salah laku pelajar. Pihak PIBG sentiasa memberikan kerjasama kepada pihak sekolah untuk menangani kes disiplin pelajar. Pihak sekolah tidak menghadapi masalah yang rumit untuk mendapat kerjasama daripada ibu bapa pelajar yang bermasalah. Dalam setiap perjumpaan dengan keluarga pelajar bermasalah, peratus kehadiran ibu bapa mereka amat memberangsangkan.

2.11 Organisasi Pembelajaran

Sekolah ini agak unik kerana menggunakan segala kemudahan yang terdapat di sekitar sekolah sebagai medium pembelajaran. Sebagai contoh, dinding-dinding bangunan sekolah bukan dihiasi dengan pemandangan atau corak-corak yang cantik, tetapi dihiasi dengan maklumat yang bermanfaat kepada pelajar dan juga warga sekolah yang lain. Maklumat-maklumat seperti nota biologi, kimia, formula fizik, matematik dan lain-lain.



Sebahagian daripada ibu bapa yang hadir dalam sesi dialog bersama pentadbir sekolah

Dalam kegiatan keusahawanan pula, pelajar-pelajar digalakkan terlibat dengan aktiviti koperasi sekolah. Tidak hairanlah koperasi sekolah dijalankan sepenuhnya oleh pelajar-pelajar yang bertugas secara bergilir-gilir. Malah, tidak hairan mengapa koperasi sekolah ini telah mendapat pengiktirafan daripada berbagai pihak.


Secara umumnya pihak sekolah amat perihatin dengan sebarang aktiviti yang akan dijalankan. Setiap aktiviti akan dinilai sumbangannya terhadap pembelajaran pelajar. Pihak sekolah telah berjaya mewujudkan budaya musyawarah untuk membincangkan aktiviti yang akan dijalankan melalui mesyuarat ringkas di bilik Pengetua. Amalan ini juga didapati telah berjaya mewujudkan kesefahaman di kalangan pentadbir dan juga di kalangan warga sekolah.

3.0 Penutup

Berdasarkan fakta-fakta yang tersebut di atas, didapati SMK Wakaf Bharu adalah merupakan antara salah sebuah sekolah yang cemerlang di Kelantan. Kecemerlangan ini amat dipengaruhi oleh kepimpinan pengetua dan kerjasama yang diberikan oleh semua warga sekolah sehingga dapat dilihat melalui keunikan budaya sekolah ini yang menggambarkan seolah-olah mereka merupakan sebuah keluarga yang besar.

Hubungan sesama staf dan pelajar-pelajar yang harmoni sukar digambarkan. Sikap menghormati dan menghargai sumbangan orang lain amat ketara. Perkara ini dapat dilihat ketika staf bersara. Sambutan dan penghargaan terhadap sumbangan yang telah diberikan menunjukkan bahawa hubungan yang wujud terlalu akrab dan bersahaja.

Oleh itu, tidak hairanlah sekolah ini berjaya dalam pelbagai bidang dan menjadi sanjungan serta rebutan masyarakat setempat. Walau pun sekolah ini bukan sekolah kawalan tetapi mampu berjaya sama ada dalam bidang akademik dan juga kokurikulum.



Rujukan

- Brandt, R. (1992). On rethinking leadership: A conversation with Tom Sergiovanni. *educational leadership*, 49(5), 46-49.
- De Boise, W. (1984). Synthesis of research on the principal as instructional leader. *educational leadership*, 41(5), 14-20.
- Fullan, M. (1991). *The new meaning of educational change* (2nd. ed.) New York: Teachers' College Press.
- Mortimore, P. (1995). Key Characteristics of effective schools. *effective schools seminar*. Ministry of Education Malaysia. 13-14 July.
- Institut Aminuddin Baki (1997). *Jendela Minda: Siri penataran bahan-bahan seminar*. Bil. 1, Jld. 1.



PENGHARGAAN

PENAUNG

Dr. Haji Ishak bin Sin (Sehingga Disember 2004)

Dr. Zulwali Kifli bin Merawi (Mulai Mei 2005)

Pengarah

Institut Aminuddin Baki

Kementerian Pelajaran Malaysia

PENASIHAT

En. Wan Mustama Wan Abdul Hayat

Pn. Hajah Siti Hanum Mohd Sangkut

KETUA EDITOR

Pn. Rosnani Haji Kaman

SIDANG EDITOR

En. Hairuddin bin Mohd. Ali

Dr. Sazali bin Yusof

Dr. Haji Razali bin Yusoff

En. Mohamad Idris bin Mahmud

Encik Wee Eng Lee

En. Gurcharan Singh Bishen Singh

Tn. Syed Putra bin Syed

En. Mohd Rosidi bin Ismail

Pn. Rusmini Ku Ahmad

Pn. Rosnarizah Abd Halim

En. Chew Hock Liong

En. Sham bin Ibrahim

Cik Nor Ishsan Ab Razak

JURU TAIP

Pn. Siti Satiah bt Maridi

Pn. Noraini bt Mustapha

